

[Dokumen ini belum disemak]

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA

Bil. 43

Isnin

27 September 2004

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2005 (Halaman 24)

USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2005 (Halaman 24)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 125)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Isnin, 27 September 2004
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Ahli Yang Berhormat, Dewan kita bersidang semula. Harap tidak banyak campuriah memandangkan pertandingan UMNO sudah selesai.

[Soalan No. 1 – Y.B Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) tidak hadir]

2. **Tuan Jelaing anak Mersat [Saratok]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kementerian mempunyai rancangan untuk mengelompokkan dan memusatkan sekolah-sekolah kecil di mana jumlah muridnya kurang daripada 100 orang dan yang terpencil di kawasan luar bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sentiasa prihatin untuk menyediakan kemudahan pendidikan yang berkualiti di kawasan luar bandar dan juga kawasan pedalaman termasuk sekolah-sekolah kecil. Bagi sekolah-sekolah kecil yang boleh dicantumkan, Kementerian Pelajaran bercadang untuk mengelompokkan dan membina sekolah pusat supaya kemudahan yang lebih baik dapat disediakan. Walau bagaimanapun, keputusan untuk mencantumkan sekolah-sekolah itu adalah bergantung kepada sokongan-sokongan pihak-pihak terlibat seperti ibu bapa dan pemimpin masyarakat tempatan di sesuatu kawasan. Buat masa ini, dua buah sekolah

pusat rintis telah beroperasi iaitu SK Mata Parang di Sarawak dan juga SK Bumbang di Sabah. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran. Soalan saya, pada tahun 1980-an kalau saya tidak salah, sekolah-sekolah ini ada dicantumkan terutamanya sekolah-sekolah rendah untuk mengatasi prestasi sekolah-sekolah. Umpamanya kumpulan sebaya sekolah-sekolah ditubuhkan tiga, empat buah di situ, kemudian diadakan *brain storming* untuk kemajuan murid-murid. Saya ingin tahu, kenapakah pada masa sekarang benda itu tidak ada dan tidakkah ada rancangan pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini kerana kita tahu, bila wujudnya cantuman sedemikian dan ada *brain storming*, percambahan fikiran ini, dapat mengatasi kelemahan-kelemahan di sekolah itu, baik dari segi pembelajaran murid-murid mahupun di sekitar guru-guru, terutama sekali bahasa Inggeris. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak pernah tutup mana-mana sekolah yang kurang murid sebab ini adalah dasar pihak Kementerian Pelajaran. Walaupun kami boleh dapat menerima alasan bahawa dengan percantuman, mutu pelajaran yang dapat dinikmati oleh pelajar akan dinaikkan. Masalah yang timbul adalah apabila kita ada cantuman ataupun gabungan sekolah, ada sesuatu pihak sekolah yang perlu menyerahkan ataupun melepaskan sekolah mereka dan mereka ini sentiasa berpegangan sensitif dan juga sentimental kepada sekolahnya dan mereka enggan mahu menyerahkan sekolahnya. Sesuatu sekolah itu merupakan satu pusat perbincangan dan juga pertemuan di satu kawasan, di mana semua pemimpin masyarakat berkumpul dan juga berbincang hal-hal tempatan di kawasan itu. Jadi, buat masa ini walaupun ada alasan untuk mencantum dan menutup sekolah-sekolah kerana kurang murid, setakat ini kita belum buat lagi asalkan dua sekolah yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu, apakah status sekolah-sekolah luar bandar yang ada sekarang seperti kurang murid, kurang guru, kurang prasarana yang lengkap, tidak mendorong kementerian untuk mewujudkan lebih banyak sekolah berpusat di kawasan luar bandar yang akan menumpu kepada memperlengkapkan sekolah-sekolah dengan kemudahan-kemudahan persekolahan yang ada. Saya juga ingin tahu, apakah status

luar *pilot project* sekolah berpusat ini iaitu Sekolah Mata Parang dan juga Sekolah Bumbang dari segi pencapaian murid, setelah konsep sekolah berpusat ini dilaksanakan di kedua-dua sekolah berkenaan.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kami mempunyai sebanyak 2,267 buah sekolah yang kurang murid iaitu yang mempunyai murid yang kurang daripada 150 iaitu 149 murid dan ke bawah. Sekolah-sekolah di kawasan baru itu, yang saya sebutkan tadi iaitu SK Mata Parang di Sarawak dan SK Bumbang di Sabah baru bermula operasi pada Januari tahun ini dan pada akhir tahun ini kami akan membuat satu kajian dan juga kami akan pantau situasi ini. Sekiranya ini menggalakkan, kami memang bercadang kalau ada persetujuan daripada penduduk di satu-satu kawasan, kami akan melanjutkan konsep sekolah pusat ini ke kawasan luar bandar. Dari bilangan 2,297, kami boleh anggap sekiranya kelebihan ataupun majoriti, kira-kira 80% berlokasi di kawasan-kawasan luar bandar.

3. **Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah inisiatif untuk membuka dialog di antara Washington dan Kuala Lumpur bagi mewujudkan suasana perdagangan yang segar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, Perjanjian Rangka Kerja Perdagangan dan Pelaburan (TIFA) yang ditandatangani antara Malaysia dan Amerika Syarikat pada 1 Mei 2000 adalah langkah yang besar diambil oleh negara dalam usaha meningkatkan lagi suasana perdagangan yang baik di antara kedua-dua negara. Penubuhan majlis bersama or *joint council* di bawah TIFA ini mewujudkan satu landasan yang tetap bagi mengadakan dialog dan rundingan bagi mengatasi isu-isu yang menghalang perkembangan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara. Tambahan lawatan kerja ke Amerika Syarikat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Julai tahun ini adalah satu lagi inisiatif membuka pintu dialog, bukan sahaja dengan pihak Kerajaan Amerika Syarikat, malah dengan komuniti perniagaannya. Jabatan Perwakilan Malaysia di Amerika Syarikat juga memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan jalinan hubungan yang efektif. Sekian, terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Soalan tambahan. Berhubung dengan *Trade and Investment Framework Agreement* (TIFA) yang telah ditandatangani pada Jun 2004 yang telah disebutkan tadi itu, apakah *detailnya* ataupun perkara yang dibincangkan dalam *agreement* itu, apakah Washington menunjukkan ciri-ciri untuk menentukan agenda dan tataranya ke atas Malaysia?

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, bidang-bidang yang disenaraikan dalam program kerja TIFA adalah seperti berikut:

- (i) untuk diadakan inisiatif dan perundingan, termasuk kemudahan dan liberalisasi, perdagangan dan pelaburan termasuk halangan bukan tarif ;
- (ii) menggalakkan dan perlindungan pelaburan;
- (iii) perlindungan hak milik intelektual;
- (iv) isu-isu *regulatory* yang mempunyai kesan ke atas dasar perdagangan dan pelaburan;
- (v) kerjasama dalam mempromosi perdagangan dua hala;
- (vi) perdagangan dalam perkhidmatan termasuk perkhidmatan kewangan;
- (vii) teknologi maklumat dan komunikasi;
- (viii) bioteknologi; dan
- (ix) pelancongan dan juga termasuk pindah upaya dan kerjasama teknikal berkaitan dengan perdagangan, menambahkan penyertaan pengusaha kecil dan sederhana dalam perdagangan dan pelaburan dan juga koordinasi dengan WTO dan APEC serta kerjasama dalam bidang-bidang lain yang dipersetujui bersama.

Jadi, Amerika Syarikat bersama-sama dengan negara kita berhasrat melanjutkan program kerja dalam masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Perakuan Amerika Syarikat pada tahun 2003 berjumlah RM2.2 bilion dan dari jumlah duit pelaburan itu, sebanyak RM1.8 bilion atau projek *expansion diversification* dan bakinya projek yang baru. Saya ingin tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah projek *project expansion* dan *diversification* yang

dilaporkan oleh usahawan Amerika Syarikat di Malaysia dan bagaimanakah pula pencapaian upgrade di Amerika Syarikat? Sekian, terima kasih.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini melibatkan statistik spesifik. Bolehkah saya menjawab melalui tulisan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Sekian, terima kasih.

4. Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan kadar atau purata penglibatan kaum wanita dalam sektor korporat.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, penglibatan wanita dalam sektor korporat khususnya dalam jawatan-jawatan pembuat dasar dan keputusan di negara ini masih di tahap yang rendah. Perangkaan tahun 2004 menunjukkan bahawa hanya 14% wanita daripada jumlah keseluruhan 613 orang yang memegang jawatan Ahli Lembaga Pengarah dalam syarikat-syarikat berkaitan kerajaan atau, dengan izin, *Government Link Companies*.

Sementara itu, kajian kementerian ini ke atas 50 syarikat utama yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur bagi tahun ini, mendapati bahawa kira-kira 11.7% jawatan utama seperti Ketua Pegawai Eksekutif, Presiden, Naib Presiden disandang oleh wanita dan hanya kira-kira 10.5% Ahli Lembaga Pengarah syarikat-syarikat tersebut dipegang oleh wanita.

Menyedari hakikat ini, kerajaan bersetuju menetapkan dasar sekurang-kurangnya 30% penyertaan wanita di semua peringkat pembuat dasar dan keputusan bagi sektor awam. Dengan yang demikian, kerajaan berharap sektor swasta akan mengikut jejak langkah yang sama.

Dasar 30% ini telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, semasa melancarkan Sambutan Hari Wanita 2004 pada tahun ini. Penglibatan wanita dalam sektor korporat khususnya di peringkat membuat keputusan tidak sepatutnya terhalang oleh perbezaan *gender* tetapi perlulah diasaskan kepada kebolehan, kelayakan dan keupayaan wanita sendiri.

Dasar ini adalah selaras dengan peruntukan Perkara 82 Perlembagaan Persekutuan yang menekankan bahawa tidak boleh wujud sebarang bentuk

diskriminasi terhadap warganegara semata-mata oleh sebab *gender*. Sekian, terima kasih.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan atas jawapan. Soalan tambahan, disebabkan kita tahu amalan wanita ini dengan penuh keprihatinan mereka dengan kesihatan, soalan adalah, adakah rancangan khas kerajaan untuk mempergiatkan penglibatan kaum wanita ini dalam segi korporat terutama sekali di segi pengeluaran makanan yang besar-besaran. Terima kasih.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, hasrat kerajaan ialah untuk mencapai 30% penyertaan wanita dalam semua bidang membuat keputusan dalam satu jangka masa yang tertentu, sungguhpun kita belum tetap masa. Ini adalah satu masalah yang kompleks, Tuan Yang di-Pertua, senario dunia pun begitu juga, jika kita melihat kecuali negara Sweden, semua negara di dunia belum lagi mencapai 30% dalam apa-apa bidang yang penting, ini adalah disebabkan oleh agenda penyertaan wanita ini dalam *agenda process socialization*, dengan izin, ia adalah satu '*late comer*', selepas tahun 1995 kita memberi banyak perhatian untuk proses ini dan ini juga satu keputusan yang telah dibuat oleh kerajaan dan kita akan memberi perhatian yang serius, sebab lebih dari 52% penduduk kita terdiri dari masyarakat wanita. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ya, memandangkan tidak ada wanita yang bangun, saya bangunlah untuk membela nasib kaum wanita. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan hak ataupun gender ekuiti ini adalah menjadi topik utama apabila perbincangan diadakan di peringkat antarabangsa dan kita pula telah terikut-ikut dengan angka 30% ini, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah angka 30% ini berasaskan kepada kepakaran, berasaskan kepada pengetahuan dan kemahiran yang ada di dalam di kalangan kaum Hawa ataupun wanita di negara kita, ataupun adakah kita mengambil kira merit order, ataupun meritokrasi di dalam penentuan 30% ini, sebagai contoh, jika ada di kalangan kaum wanita ini contohnya, yang kepakaran mereka, pengetahuan mereka serta pengalaman mereka yang jumlahnya melebihi 30%, sebagai contoh 50%, adakah kita akan

meletakkan sasaran yang baru, kadar yang baru, ataupun kita saja-saja orang lain pakai 30%, kita pun pakai 30%. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya jelaskan dalam jawapan asal saya dan jawapan untuk soalan tambahan, kerajaan sudah mengamalkan proses perlantikan kakitangan wanita dalam perkhidmatan awam mengikut merit. Kini semakin ramai wanita di negara ini telah menjawat jawatan-jawatan penting seperti Gabenor Bank Negara, Hakim dan banyak lagi jawatan yang penting sebagai Setiausaha Kementerian dan lain-lain. Kerajaan hanya berharap sektor swasta akan mengikut jejak langkah yang diamalkan oleh kerajaan.

Untuk menunjukkan dasar kerajaan yang serius, baru-baru ini Kabinet telah menubuhkan satu jawatankuasa mengenai kesaksamaan gender yang dipengerusikan oleh tidak lain daripada Perdana Menteri kita. Sekian, terima kasih.

5. Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas] minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan sama ada pihak kementerian telah mengenal pasti dan menentukan alternatif bagi bekalan elektrik ke kawasan Bario.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan projek Mikro Hidro Hybrid yang bertujuan untuk membekalkan elektrik ke kawasan penempatan di Bario, Sarawak pada tahun 1990, di bawah program bekalan elektrik luar bandar, di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Projek ini merupakan penyediaan stesen jana kuasa elektrik yang menggunakan kombinasi bahan bakar daripada air dan generator set. Walau bagaimanapun, projek ini tidak dapat berfungsi sebagaimana yang dirancang oleh kerana masalah sumber bekalan air daripada sungai tidak mencukupi untuk menjana elektrik di kawasan yang terlibat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek tersebut adalah di bawah peruntukan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Pada masa ini kementerian berkenaan bersama-sama dengan *Sarawak Electricity Supply Corporation* (SESCO) sedang mengambil tindakan untuk membaik pulih projek tersebut supaya bekalan elektrik dapat diadakan di kawasan Bario. Apabila kerja-kerja baik pulih ini

siap nanti, ianya akan diserahkan kepada SESCO untuk pengurusan dan penyenggaraan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Bolehkan Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu, apakah galakan-galakan yang diberi oleh kerajaan untuk membekalkan elektrik dalam sistem *solar energy* ke tempat-tempat yang di mana kemungkinan besar di mana kalau hendak membekalkan elektrik, kosnya sangat tinggi, terutamanya di luar bandar dan sebagainya. Adakah satu sistem mengenai solar energy ada, jika ada apakah dia?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang saya telah nyatakan tadi, berhubung dengan bekalan elektrik luar bandar adalah terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan tambahan saya, penduduk-penduduk di Bario dengan penuh kesabaran menunggu kemudahan bekalan elektrik ke kawasan mereka, khususnya setelah projek hidro yang telah dilaksanakan di Bario gagal, kita boleh katakan gagal.

Soalan tambahan, bilakah agaknya bekalan alternatif ataupun hidro yang telah dilaksanakan itu boleh menjanakan elektrik untuk kawasan Bario ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sebenarnya projek ini bukanlah merupakan satu kegagalan, cuma projek ini menghadapi masalah apabila sungai-sungai yang hendak dicadangkan itu mengalami masalah kekurangan air, apabila berlaku gejala El-Nino, musim kemarau yang panjang.

Maka dengan itu berlaku kerosakan kepada alat hidro hybrid yang digunakan, maka pada hari ini ianya sedang dalam proses pembaikpulihan dan ianya dijangka dapat beroperasi semula dalam beberapa bulan yang akan datang ini. Terima kasih.

[Soalan Nombor 6 – Y.B. Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] tidak hadir]

7. **Datuk Nur Jazlan bin Mohamad [Pulai]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan secara terperinci bentuk-bentuk dan program-program dua hala dengan Singapura termasuk dalam bidang politik, perdagangan dan pelaburan dalam usaha memulihkan hubungan antara kedua negara setakat ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Pulau kerana mengemukakan soalan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, hubungan dua hala di antara Malaysia dan Singapura adalah baik.

Walau bagaimanapun, kedua-dua kerajaan sentiasa berusaha dan bertekad untuk mengukuhkan lagi hubungan ini dan akan terus berusaha supaya kerjasama yang terjalin dapat dipertingkatkan ke tahap yang lebih tinggi untuk manfaat dan kebaikan bersama.

Mengenai isu-isu yang masih tertangguh, saya ingin memaklumkan bahawa kedua-dua kerajaan telah bersetuju untuk mencari penyelesaian yang terbaik kepada isu-isu tersebut. Berlandaskan kepada semangat kejiranan dan setiakawan di antara kedua-dua negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, demi untuk mewujudkan persefahaman dan mengeratkan kerjasama di antara Malaysia/Singapura, kedua-dua negara telah bertukar-tukar lawatan dan pertemuan antara pemimpin-pemimpin kedua negara di peringkat tertinggi, Perdana Menteri, Menteri-menteri, pegawai-pegawai kanan kerajaan, pegawai-pegawai kanan polis dan juga pihak-pihak swasta dan NGO.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan hubungan ekonomi dengan Singapura, kerajaan terus berusaha untuk memperluaskan lagi perdagangan dan pelaburan dengan negara jiran kita. Buat masa ini, Singapura adalah merupakan rakan perdagangan yang kedua terbesar selepas Amerika Syarikat.

Pada tahun 2003 jumlah perdagangan dua hala antara Malaysia dan Singapura adalah sebanyak RM99.6 bilion atau 14.4% daripada jumlah keseluruhan perdagangan Malaysia. Bagi pertengahan tahun pertama ini sahaja, jumlah perdagangan dua hala antara Malaysia/Singapura berjumlah RM64.48 bilion. Malaysia juga akan terus menggalakkan pelaburan daripada Singapura ke negara kita. Pada masa ini, Singapura merupakan salah satu daripada lima pelabur asing terbesar di Malaysia. Bagi tempoh lima tahun ini sahaja, Singapura telah melabur sebanyak RM7.98 bilion di Malaysia. Malaysia pula merupakan pelabur ASEAN terbesar di

Singapura dengan jumlah pelaburan pada tahun 2003 ini sebanyak RM845 juta, manakala jumlah pelaburan Singapura di Malaysia pada tahun 2003 berjumlah sebanyak RM1.12 bilion.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada 2 Julai 2004 Malaysia dan Singapura telah menandatangani perjanjian Tabung Pembangunan Perniagaan Negara Ketiga Malaysia/Singapura bagi membolehkan syarikat-syarikat dari Malaysia dan Singapura bersama-sama meneroka peluang perniagaan dan pelaburan di negara kita.

Pada masa yang sama kedua-dua pihak juga telah bersetuju membentuk Majlis Perniagaan Malaysia Singapura (*Malaysia-Singapore Business Council*), dengan izin, bagi memudahkan para peniaga di kedua-dua negara menjalinkan kerjasama dari segi perdagangan dan pelaburan.

Dalam usaha mengeratkan lagi kerjasama ekonomi, kedua-dua negara juga telah bersetuju untuk memperbaharui perjanjian pengelakan cukai *berganda (double taxation agreement)*, dengan izin, bagi menggantikan perjanjian tahun 1968 yang telah lama. Perjanjian ini dijangka akan ditandatangani dalam masa yang singkat ini sebaik sahaja urusan mengenainya selesai kelak.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali kerajaan sedar akan pentingnya dipertingkatkan hubungan sesama rakyat kedua negara. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah mengadakan promosi untuk menggalakkan rakyat Singapura melawat Malaysia. Pada tahun 2003 sebanyak 5.92 juta rakyat Singapura telah melawat negara ini dan ini merupakan 60% daripada jumlah pelancongan asing yang melawat negara kita.

Pada tahun ini sahaja daripada Januari hingga Julai sebanyak 5.5 juta rakyat Singapura telah melawat Malaysia dan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 90% berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2003. Sekian, terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamad [Pulai]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya, baru-baru ini, pucuk pimpinan Kerajaan Singapura telah beralih kepada pemimpin baru yang muda. Perubahan ini telah bermakna bahawa Kerajaan Singapura sekarang ini tidak lagi mempunyai pucuk pimpinan yang mempunyai kaitan dengan negara kita dari segi kelahiran, kekeluargaan ataupun kefahaman sejarah, hubungan di antara kedua-dua negara. Soalan saya, adakah kerajaan menjangkakan bahawa rundingan yang sedang

diadakan di antara kedua-dua negara sekarang ini akan bertambah senang atau bertambah sulit dengan perkembangan yang terbaru ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Pulai kerana mengemukakan soalan tambahan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Perdana Menteri Singapura T.Y.T. Lee Hsien Loong bercadang mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia dari 4 hingga 5 Oktober 2004. Kerajaan berharap agar pertemuan kedua-dua pemimpin tertinggi kedua-dua negara ini akan dapat dijadikan asas untuk mengukuhkan lagi hubungan dua hala antara Malaysia dengan Singapura.

Secara puitis dapatlah saya simpulkan hubungan semasa dengan Singapura ini sebagai suatu hakikat bahawa semalam adalah sejarah dan kenangan, hari ini adalah satu kenyataan, esok pula adalah satu harapan.

Oleh itu, sama-samalah kita berharap supaya hari esok hubungan kita akan lebih baik, kukuh dan akrab dan segala permasalahan dapat diselesaikan satu persatu.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitem]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ketika mendengar jawapan yang terhormat Setiausaha Parlimen, saya rasa mungkin seorang diplomat kerana gunakan istilah sentiasa baik, akan berusaha untuk memulihkan hubungan, tetapi sedarkah Yang Berhormat lapan perkara yang tidak dapat diselesaikan itu sebenarnya akan tertanggung sampai bila-bila pun kita tidak tahu dan baru-baru ini bila selesama burung ini kita nampak rakyat Singapura satu hari makan telur tiga juta biji. Di mana 70% datangnya dari Malaysia iaitu '500' biji datang dari Johor, 1.6 juta biji telur dari Melaka dan baru-baru ini AVA Singapura datang ke Malaysia kononnya hendak buka kepada rakyat Malaysia mengeksport telur kita ke sana. Kita tidak perlu ucapkan terima kasih kerana di Singapura sebiji telur sekarang enam puluh sen duit Singapura - RM1.30. Sebab itulah mereka hendak cepat-cepat minta Malaysia eksport ke sana untuk mengurangkan beban mereka. Jadi kita melihat hubungan ini adalah sesuatu hubungan yang memihak kepada mereka dan kita mintalah supaya pihak Wisma Putera melihat perkara ini supaya prinsip yang sama boleh digunakan untuk menyelesaikan lapan perkara yang tidak diselesaikan. Minta penjelasan daripada Wisma Putera.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat dari Ayer Hitam. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, sebagai jiran yang terdekat kita tidak akan lekang daripada masalah kejiranan. Dengan jiran sebelah kita pun kadang-

kadang ada masalah. Walau bagaimanapun, negara kita berminat untuk menyelesaikan isu-isu yang tertangguh sebanyak lapan yang Yang Berhormat cakapkan tadi ini kerana ia memiliki gambaran atau matlamat yang sungguh besar dari segi ekonomi, perdagangan, keselamatan dan pelaburan

Sebenarnya Yang Berhormat, pihak kerajaan lebih cenderung untuk melihat persamaan dengan Singapura daripada terus menumpukan perbezaan di antara kita. Jika kita lihat persamaan rupa paras penduduk kedua-dua negara adalah sama, agama, bangsa juga budaya pun sama, malah ramai rakyat Singapura dan Malaysia mempunyai hubungan kekeluargaan dan persahabatan. Kita mempunyai hubungan ekonomi, politik dan sosial yang terangkai dan bercantum. Hubungan antara rakyat dengan rakyat ini amat mendalam dan bermakna. Jadi kebanyakan rakyat kedua-dua negara mahu kedua-dua isu ini diselesaikan dan kita akan berusaha untuk menyelesaikan. Walau bagaimanapun, kedua-dua rakyat tersebut juga masing-masing tidak mahu kita mencari masalah tentang hubungan dua hala kedua-dua negara sebaliknya kita cubalah cari persamaan yang ada pada kita ini untuk menjalinkan hubungan yang boleh menghasilkan manfaat dan keuntungan kepada rakyat dan negara tercinta ini. Sekian, terima kasih .

8. Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan jumlah keluasan tanah yang digazetkan bagi tanah perkuburan Islam dan bukan Islam seperti Cina, Hindu, Kristian dan Sikh di Kuala Lumpur. Berapakah keluasan tanah yang belum digunakan lagi dan permintaan tanah perkuburan sehingga 2020. Apakah langkah diambil untuk mengatasi kekurangan tanah perkuburan kerana permintaan yang tinggi memandangkan Pelan Struktur Kuala Lumpur tidak menyentuh secara terperinci.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan Yang Berhormat Seputeh pada 24 November kerana kedua-dua soalan adalah berkaitan.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Sila.

Tuan Yew Teong Look: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dari Cheras. Pada tahun 2000 tanah perkuburan sedia ada ialah seluas 301.6 hektar yang terdiri dari tanah perkuburan Islam sebanyak 69.6 hektar dan bukan Islam sebanyak 232 hektar. Walau bagaimanapun 41% dari tanah perkuburan Islam

sedia ada telah digunakan dan bakinya 59% belum digunakan. Sejumlah 80% dari tanah perkuburan bukan Islam sedia ada telah digunakan dan bakinya 20% belum digunakan. Berdasarkan draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 keperluan tanah perkuburan Islam untuk menampung kematian antara tahun 2000 sehingga tahun 2020 adalah seluas 91.3 hektar.

Kuala Lumpur akan mengalami kekurangan 35.4 hektar tanah perkuburan Islam dalam tempoh tersebut. Berdasarkan draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 juga, keperluan tanah bukan Islam untuk menampung kematian antara tahun 2000 sehingga tahun 2020 adalah luasnya 100.4 hektar. Ini bermakna Kuala Lumpur akan mengalami kekurangan 55.2 hektar tanah perkuburan bukan Islam sepanjang tahun tersebut. Langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kekurangan tanah perkuburan ialah membangunkan tanah perkuburan baru di luar Kuala Lumpur dan mengarahkan penggunaan *crematorium* bagi kaum bukan Islam. Sekian.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah daripada jawapan Setiausaha Parlimen tadi memang adalah benar masalah kekurangan tanah perkuburan bagi masyarakat Islam dan bukan Islam adalah benar pada menjelang tahun 2020 dan ini adalah satu masalah yang dihadapi oleh semua warga kota Kuala Lumpur tetapi jawapan Yang Berhormat tidak menyentuh bagaimana masalah dapat diselesaikan walaupun beliau ada kata tanah perkuburan baru di dapati di luar Kuala Lumpur di negeri Selangor misalnya. Ini tidak merupakan satu jawapan yang munasabah dan memuaskan Tuan Yang di-Pertua kerana pada sejak satu abad yang lalu dalam Kuala Lumpur ini cuma 1.13% adalah merupakan tanah perkuburan di Kuala Lumpur ini untuk menampung keperluan masyarakat Islam dan bukan Islam tetapi memandangkan Kuala Lumpur masih ada tanah terbiar yang sejumlah 23.7% daripada jumlah tanah di Kuala Lumpur. Ini merupakan tanah yang besar maka mengapakah kerajaan tidak dapat untuk memastikan keseimbangan antara tanah kubur, mayat dan jumlah penduduk di Kuala Lumpur dan juga untuk membayangkan kerajaan adalah pentadbiran yang mementingkan kualiti sesama rakyat....

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Mengapakah tanah kubur tidak diagihkan untuk masyarakat bukan Islam kerana Pelan Struktur Kuala Lumpur hanya memberi tumpuan

kepada keperluan masyarakat Islam dalam hal ini. Mengapakah ketidakadilan ini timbul kerana setiap masyarakat pun....

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat .

Tuan Tan Kok Wai: Setiap masyarakat setiap orang pun kena mati sehari mesti cari tempat untuk menyemadikan mayat hanya segolongan kecilnya yang memerlukan perkhidmatan *crematorium*.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat .

Tuan Tan Kok Wai: Masalahnya macam mana dapat diselesaikan [Menyebut perkataan dalam bahasa Cina] Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada tempat menyemadikan mayat. Ini satu masalah besar.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Setiausaha Parlimen sila jawab.

Tuan Yew Teong Look: Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya memandang serius tentang kekurangan tanah perkuburan di Kuala Lumpur dan sebenarnya kementerian saya telah mengenal pasti satu tanah Kerajaan Persekutuan di Semenyih, luasnya lebih daripada 200 hektar dan didapati tanah berkenaan ini adalah sesuai menjadi tanah perkuburan untuk warga kota Kuala Lumpur. Memang tanah perkuburan ini akan digunakan untuk semua kaum dan agama mengikut keperluan dan syarat-syarat yang ditentukan. Kementerian saya juga telah mengemukakan permohonan ini kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri berhubung dengan cadangan tersebut dan pada dasarnya kerajaan Pusat telah bersetuju atas cadangan kementerian saya. Ini DBKL sedang dalam menyediakan *structure* dan *design* dengan izin, tentang tanah perkuburan di Semenyih itu. Sekian.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah kementerian Wilayah Persekutuan bercadang pada satu bajet peruntukan untuk perkuburan bukan Islam sebab dalam Bajet 2005 ada sebanyak 5,900,000 untuk perkuburan di Bukit Kiara. Adakah kementerian bercadang bajet untuk kubur bukan Islam? Terima kasih.

Tuan Yew Teong Look: Tuan Yang di-Pertua, bajet untuk kubur di Bukit Kiara ini ialah untuk membina satu kubur yang baru. Walaupun ada bantahan dari

penduduk-penduduk setempat sana tetapi dari semua segi yang telah dikenal pasti maka terdapat keputusan telah dibuat dan kubur di Bukit Kiara akan diteruskan.

Bajet untuk lain perkuburan di Kuala Lumpur sepanjang pengetahuan saya memang tiada apa-apa bajet untuk kubur lain. Sekian.

9. Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta Menteri Kerja Raya menyatakan pendekatan efektif yang akan diadakan untuk meningkatkan keberkesanan serta menyelesaikan masalah kesesakan di lorong masuk di Link Kedua pada musim cuti.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat kerajaan sememangnya mengambil maklum akan masalah kesesakan yang berlaku di laluan Kedua Malaysia-Singapura iaitu Link Kedua, khususnya pada musim-musim cuti persekolahan dan hari perayaan. Kesesakan ini berpunca dari ketibaan secara serentak pelawat-pelawat negara jiran sehingga mengakibatkan tempoh menunggu yang lama untuk urusan imigresen, kastam dan bayaran tol. Untuk makluman Yang Berhormat, berikutan itu Kementerian Kerja Raya telah mengadakan perbincangan dengan semua jabatan dan agensi yang terlibat pada 6 September 2004. Perbincangan turut mengambil kira masalah kesesakan yang berlaku di Tambak Johor dan satu mesyuarat susulan dan lawatan di kedua-dua pintu masuk ke negeri Johor tersebut telah pun diadakan pada 15 dan 16 September 2004 yang lalu.

Pada masa kini laporan dan cadangan penyelesaian masalah kesesakan tersebut sedang disediakan dan akan dibincangkan di antara Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan juga Yang Berhormat Menteri Kewangan II. Tarikh perbincangan akan ditetapkan dalam tempoh masa yang terdekat ini.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah saya difahamkan jarang pemandu menggunakan Link Kedua pada masa biasa. Salah satu alasannya ialah bayaran tol terlampau tinggi berbanding dengan Tambak Johor. Saya ingin hendak tahu ialah adakah kementerian bercadang untuk menurunkan bayaran tol ini di Link Kedua? Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, bayaran tol tidak ada kaitan dengan masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna jalan seperti yang telah saya jelaskan tadi. Hari-hari biasa terdapat 8,000 kenderaan. Hari seperti yang kita menghadapi masalah, kita mempunyai 14,000 kenderaan. Oleh kerana itulah kita sedang berbincang macam mana perkara ini boleh diatasi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Menteri yang selalu jujur datang ke Parlimen seberapa yang boleh apabila beliau berada di sini. Bukan macam Menteri lain. (Dewan riuh)

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Puan Chong Eng: Jika ada, datang.

Dato' Seri S. Samy Vellu: [Ketawa]

Tuan M. Kula Segaran: Baru hari ini datang. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai kesesakan bukan sahaja kesesakan di Link Kedua, kita kerap kali tahu bahawa kesesakan berlaku di PLUS Highway juga dan bila musim cuti lebih teruk. Apakah tindakan susulan yang telah diambil oleh kerajaan dan adakah kerajaan akan mengadakan lebih banyak laluan di PLUS Highway. Adakah terma-terma di antara PLUS Highway dengan kerajaan akan dibuka keadaan orang ramai? Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, semasa pembinaan Projek Lebuh Raya Utara Selatan iaitu untuk kegunaan 80,000 kenderaan sahaja. Tetapi pada hari ini, semua penduduk dan yang ada berhampiran dengan kawasan Kuala Lumpur ini suka juga melawat ke kampung-kampung mereka.

Semasa perayaan, hari Sabtu atau hari Jumaat kita nampak ada juga lebih dari 780,000 kenderaan menggunakan Lebuh Raya Utara Selatan. Pada hari-hari perayaan pula, 1.2 juta kenderaan menggunakan jalan yang telah dibina untuk 80,000 kenderaan sahaja. Kerajaan telah mengambil kira masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna lebuh raya itu dan telah memohon kepada kerajaan untuk melebarkan jalan dan lorong yang sedia ada iaitu daripada Rawang ke Tanjong Malim (yang pertama). Yang kedua, dari Seremban ke Ayer Keroh.

Inilah kawasan-kawasan yang kita menghadapi banyak masalah. Kerja-kerja tersebut berharga lebih kurang RM900 juta dan selain daripada itu untuk mengatasi masalah di Plaza Tol di Jelapang, di mana biasanya tiap-tiap minggu didapati ada

kematian. Ini akan menelan belanja iaitu RM264 juta. Kerajaan telah menimbang RM264 juta untuk memindahkan tanpa menimbulkan apa-apa masalah kepada lorong-lorong yang sedia ada di Ipoh tanpa bayaran tol diteruskan dengan pembinaan beberapa banyak persimpangan bertingkat.

Kerajaan dan juga Jemaah Menteri telah mengambil keputusan bahawa kerajaan akan membayar sebanyak 50% daripada kos, dan meminta PLUS untuk membayar 50% daripada kos itu dan perbincangan ini sedang dilakukan. Saya percaya apabila ini selesai, masalah di Plaza Tol di Jelapang itu boleh dapat diselesaikan dan insya-Allah kita boleh jimat beberapa nyawa lagi.

[**Soalan No. 10** - Y.B. Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) tidak hadir].

11. Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung] minta Menteri Pelajaran menyatakan strategi-strategi dan langkah-langkah yang telah diambil bagi memperkasakan sekolah kebangsaan dan apakah kayu pengukur yang digunakan untuk menilai keberkesanannya.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Pelajaran memang berusaha untuk memperkasakan sekolah kebangsaan dan seterusnya menjadikan sektor kebangsaan sebagai pilihan utama untuk semua kaum.

Dalam agenda memperkasakan sekolah kebangsaan, Kementerian Pelajaran telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang diberi nama Jawatankuasa Memperkasa Sekolah Kebangsaan. Secara umumnya agenda memperkasa sekolah kebangsaan mempunyai dua matlamat utama, iaitu menjadikan sekolah kebangsaan sebagai pusat memupuk perpaduan kaum dan sebagai pusat kecemerlangan pendidikan meliputi bidang akademik dan bukan akademik.

Bagi mencapai matlamat tersebut, beberapa cadangan telah dikemukakan dan sebahagiannya telah dilaksanakan secara berperingkat. Antaranya ialah:

- i. memperkukuhkan kurikulum semua mata pelajaran yang diajar dengan membuat semakan semula *syllabus*;

- ii. melaksanakan program rintis cekap di sektor kebangsaan bagi meningkatkan pengetahuan dan pemahaman murid-murid berkaitan mata pelajaran jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain,
- iii. menyemak semula *syllabus* mata pelajaran pendidikan moral,
- iv. memperluaskan pelaksanaan pengajian bahasa ibunda dan bahasa tambahan meliputi bahasa Mandarin dan bahasa Tamil di sekolah-sekolah kebangsaan;
- v. memperkenalkan mata pelajaran sivik dan kewarganegaraan yang akan diikuti oleh murid-murid semua kaum mulai tahun 2005;
- vi. melantik Guru Besar yang boleh membuat perubahan dan membina kecemerlangan kepada sekolah termasuk Guru Besar dari kalangan siswazah;
- vii. membina budaya kecemerlangan sekolah kebangsaan dengan mengadakan *bench mark* terhadap sekolah cemerlang;
- viii. meningkatkan tahap keselamatan sekolah dan disiplin sekolah;
- ix. meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran guru di sekolah;
- x. mendapat sokongan dan kerjasama masyarakat dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru bagi membantu sekolah mencapai kecemerlangan; dan
- xi. menerbitkan bahan-bahan bantuan mengajar yang berkualiti bagi digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kementerian telah menetapkan beberapa matlamat yang menjadi kayu ukur dalam menilai keberkesanan strategi dan cadangan memperkasa sekolah kebangsaan seperti infrastruktur yang lengkap, proses pengajaran dan pembelajaran berkualiti. Pencapaian akademik murid yang cemerlang, pencapaian ko-kurikulum dan aspek-aspek akademik yang cemerlang dan pertambahan pelajar bukan Melayu di sektor kebangsaan.

Namun begitu, keberkesanan memperkasakan sekolah kebangsaan hanya akan dapat dilihat dalam jangka masa panjang setelah semua strategi dan cadangan

dilaksanakan. Dalam agenda memperkasakan sekolah kebangsaan juga, Kementerian Pelajaran amat berharap supaya Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuk ibu bapa dan masyarakat memberikan sokongan dan kerjasama kepada pihak sekolah yang menjayakan program-program yang telah digariskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Terima kasih kepada Timbalan Menteri. Saya ingin merakamkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran di atas apa juga usaha-usaha yang telah diambil dan yang akan diambil. Soalan saya ringkas sahaja. Saya ingin mendapatkan jumlah guru-guru yang bukan Melayu yang sekarang ini ada dalam sektor perguruan, nisbahnya dengan guru-guru Melayu dan berapa peratuskah guru-guru yang bukan Melayu ini ditempatkan di luar bandar. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Parit Sulung memandangkan soalan yang dikemukakan merupakan soalan yang khusus mengenai angka-angka yang saya ingat elokkan diberikan secara bertulis supaya angka-angka yang betul dapat diberikan kepada Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, ringkas sahaja soalan saya. Kerajaan memang telah membuat garis panduan dan perubahan dalam segi cara mengajar dan pendekatan di peringkat sekolah. Guru-guru yang dilatih di maktab-maktab perguruan telah mengguna pakai garis panduan yang baru diperkenalkan oleh pihak kementerian.

Tetapi malangnya pemimpin peringkat sekolah daripada Guru Besar dan peringkat Guru-guru Kanan masih mengikut garis panduan yang lama, yang tidak sejajar. Maknanya latihan yang diberikan, panduan yang diberikan oleh pihak kementerian telah nampaknya dengan izin, *head-on collision* dengan kepercayaan orang yang sudah makan garam lama di sekolah-sekolah. Apakah tindakan pihak kementerian supaya orang lama ini, saya tidak mahu sebutlah '*the old dog* dengan *old training* ini diajar semula supaya pendekatan baru, garis panduan baru dan *bench marking* itu boleh dilaksanakan dalam masa yang singkat. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Santubong, walaupun soalnya pendek tetapi cukup penting. Saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Sebenarnya memang Kementerian Pelajaran sentiasa memantau apa jua langkah-langkah baru, pendekatan-pendekatan baru yang akan dilaksanakan di

peringkat sekolah. Saya memang sedar bahawa mungkin ada setengah-setengah khususnya Guru-guru Besar, guru-guru yang masih belum faham dengan begitu jelas tentang kaedah-kaedah dan strategi baru yang hendak kita laksanakan, walaupun saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat bahawa Kementerian Pelajaran sentiasa memantau, sentiasa menjaga, sentiasa turun ke padang untuk memantau supaya setiap arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran dapat dilaksanakan demi kepentingan dan kebaikan para pelajar yang berada di sekolah itu.

[Soalan No. 12 – Y.B Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) tidak hadir]

13. Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan adakah kajian ke atas hakisan pantai di Sabah dan jika sedemikian, di manakah kawasan pantai yang memerlukan kerja untuk dilakukan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, satu kajian hakisan pantai kebangsaan (NCES) telah dijalankan pada tahun 1986 untuk mengenal pasti tahap hakisan bagi pantai-pantai di seluruh Malaysia.

Daripada kajian tersebut, kawasan-kawasan pantai telah dikategorikan mengikut tahap hakisan seperti berikut:

Tahap satu iaitu tahap kritikal, iaitu kemudahan di pantai adalah di dalam keadaan bahaya,

Tahap kedua ialah tahap ketara iaitu kemudahan dijangka akan terancam di antara 5 hingga 10 tahun sekiranya tiada kerja pemulihan dilakukan, dan

Tahap ketiga boleh diterima iaitu hakisan sedang berlaku, tetapi impak terhadap aktiviti ekonomi adalah amat kecil.

Berdasarkan kajian tersebut, bagi negeri Sabah, terdapat 5 kawasan yang berada pada tahap kritikal, iaitu di Batu Payong (Tinagat), Kota Kinabalu (Bangunan Yayasan Sabah), Meruntum (Lok Kawi), Kampung Contoh (Putatan) dan Tanjung Aru. Status terkini, bagi kawasan-kawasan tersebut adalah seperti berikut:

Bagi Batu Payong dan Tinagat sepanjang 2 kilometer, perlindungan jalan pantai telah pun dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Sabah.

Bagi Kota Kinabalu (Bangunan Yayasan Sabah) sepanjang 1.2 kilometer telah dijalankan sebagai kerja penyelenggaraan ombak.

Meruntum (Lok Kawi) sepanjang 3.5 kilometer, pemantauan perubahan pantai sedang dijalankan.

Kampung Contoh (Putatan) iaitu sepanjang 4.6 kilometer pantai didapati telah pulih dan menjadi stabil, dan bagi

Tanjong Aru, pantai sepanjang 1.5 kilometer, projek telah ditunda kerana terdapat projek untuk menebus guna pesisir pantai di sini.

Terima kasih.

Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Di Sandakan kami hanya ada satu pantai sahaja panjangnya lebih kurang 1.5 kilometer. Penduduk di Sandakan adalah lebih kurang 350,000 orang. Pasir di Pantai Puteh pun telah hilang, dengan izin, *due to erosion – very bad erosion* dan penduduk pun tidak boleh pergi ke pantai untuk, dengan izin, *enjoy*. Soalan saya, bilakah peruntukan akan disediakan untuk memperbaiki pantai ini?

Tuan Sazmi bin Miah: Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah, pada Rancangan Malaysia Ke-9 ini saya akan masukkan Pantai Sandakan dalam peruntukan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mambong.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hakisan pantai ini adalah satu kejadian yang *cylic*, kalau dalam keadaan asli. Ada kalanya kalau ada *accretion* di satu tempat, maka ombak ataupun *littoral drift* akan berputar ke tempat yang lain. Inilah yang menyebabkan hakisan pantai di dalam keadaan asli. Tetapi daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi nampaknya bahawa tempat-tempat di mana hakisan berlaku adalah disebabkan aktiviti-aktiviti pembangunan yang tidak terkawal.

Oleh yang demikian, soalan saya, adakah kerajaan memastikan agar *detailed EIA* – saya tidak mahu *preliminary EIA* kerana kita terpaksa membuat *hydraulic survey* – adakah kementerian sedia membenarkan *detailed EIA* dijalankan untuk pembangunan pantai-pantai di Malaysia? Sekian, terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih di atas soalan tersebut - sangat baik sekali. *Detailed EIA* buat masa sekarang ini adalah untuk projek-projek khusus, projek-projek yang mempunyai kepentingan bagi pihak *public*, dengan izin, dan seperti yang dimaklumkan oleh pihak kementerian pada beberapa minggu yang lepas *detailed*

EIA akan dikenakan terhadap pembangunan-pembangunan di kawasan taman-taman laut dan kawasan-kawasan yang kita fikirkan penting untuk dibuat *detailed EIA*. Buat masa kini kita tidak ada garis panduan bahawasanya *detailed EIA* akan dikenakan pada semua jenis pembangunan tetapi pihak kementerian dari masa ke semasa akan cuba mengambil kepentingan ramai sekiranya perlu kita kenakan *detailed EIA*, kita akan kenakan perkara tersebut. Terima kasih.

14. **Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan berapakah jumlah Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di negara kita mengikut negeri-negeri dan berapakah yang telah memberhentikan operasinya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sehingga bulan Jun 2004, terdapat 21 buah IPTS yang bertaraf universiti dengan bilangan pelajar seramai 35,501 orang dan 525 buah IPTS yang bukan bertaraf universiti dengan bilangan pelajar seramai 278,251 orang. Bilangan IPTS mengikut negeri seperti yang diminta adalah seperti berikut:

NEGERI	BILANGAN IPTS
Perak	41
Selangor	125
Pahang	19
Kelantan	11
Johor	49
Kedah	21
Melaka	24
Negeri Sembilan	26
Pulau Pinang	45
Perlis	2
Terengganu	9
W. Persekutuan	116
Sabah	22
Sarawak	25
JUMLAH	546

Jumlah IPTS yang telah ditutup ialah sebanyak 29 buah pada tahun 2002, 14 buah pada tahun 2003 dan bagi tahun 2004 sehingga kini tiada IPTS yang diarah tutup.

Kementerian sentiasa membuat pemantauan dan peringatan kepada semua pengusaha IPTS supaya mematuhi Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) serta peraturan-peraturan yang terkandung di dalamnya. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Soalan tambahan. Apakah masih ada IPTS yang sedang menunggu untuk mendapat kelulusan daripada pihak kerajaan dan apakah sebabnya beberapa IPTS yang telah diberhentikan operasinya sebenarnya?

Datuk Dr. Adham bin Baba:Terima kasih Yang Berhormat. Secara ringkasnya sepanjang tujuh tahun beroperasi, Lembaga Akreditasi Negara (LAN) dan JPS telah menerima sebanyak 5,653 permohonan kelulusan pengendalian dalam peringkat dan bidang. Daripada jumlah tersebut 5,333 permohonan telah selesai diproses dengan 3,878 permohonan disyorkan lulus dan 1,455 permohonan disyorkan tolak. Dalam tempoh yang sama sebanyak 1,639 buah kursus pengajian daripada 2,703 yang telah diluluskan oleh Menteri Pengajian Tinggi telah memohon penilaian pencapaian standard minimum dan sebanyak 687 telah lulus dalam proses tersebut.

Antara sebab IPTS ditutup ialah seperti berikut:-

- (i) beroperasi tanpa kelulusan Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi mengikut subseksyen 6 (1) Akta 555;
- (ii) menghadapi masalah dalaman institusi seperti masalah pengurusan dan masalah kewangan; dan
- (iii) institusi secara sukarela ingin menghentikan pengoperasiannya.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Masa untuk soal jawab telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2005****Bacaan Kali Yang Kedua***DAN***USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2005**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan 2005 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dua puluh lapan bilion tiga ratus tiga juta lapan ratus sembilan puluh empat ribu enam ratus ringgit (RM28,303,894,600) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2005, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2005 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 39 Tahun 2004 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, hendaklah disahkan.” **[23 September 2004]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita mengalu-alukan kehadiran Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan. Saya ingin menjemput Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk menjawab.

11.07 pagi.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Bajet 2005 ini seterusnya mereka yang telah menyentuh bidang tanggungjawab Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kelana Jaya mengenai Program Latihan Khidmat Negara. Pada masa ini, Jabatan Latihan Khidmat Negara hanya memilih 85,000 orang remaja untuk mengikuti Program Latihan Khidmat Negara setiap tahun kerana keadaan kewangan yang terhad.

Bagi menjelaskan pertanyaan Yang Berhormat mengenai program yang disediakan sama ada mereka yang tidak terpilih di bawah program ini diberi ruang untuk mengikuti apa-apa program yang lain, pada masa sekarang ini tidak ada program khusus bagi mereka yang tidak terpilih untuk menyertai program ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Belia dan Sukan menggalakkan mereka untuk menyertai Program Rakan Muda dalam pelbagai aktiviti yang sesuai untuk pilihan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi satu keadaan yang lebih ideal sekiranya setiap remaja yang mencapai umur 18 tahun diberi peluang untuk mengikuti program ini. Tetapi oleh kerana bilangan remaja adalah lebih kurang 460,000 orang semuanya pada setiap tahun, maka ini akan memerlukan satu perbelanjaan yang begitu besar. Oleh kerana itu kerajaan hanya mampu melaksanakan program ini untuk 85,000 orang peserta sahaja tetapi kalau keadaan terutama sekali keadaan kewangan mengizinkan pada masa-masa yang akan datang, barangkali jumlah 85,000 ini boleh ditingkatkan lagi dari masa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat yang sama juga mencadangkan agar peserta PLKN

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pendang. Belum panas lagi sudah bangun.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Berhubung dengan PLKN, saya dapati untuk sesi yang akan datang bagi pelajar-pelajar yang bakal mengambil SPM pada bulan hadapan didapati nama mereka sudah dikeluarkan untuk masuk ke dalam latihan PLKN ini. Saya rasa ini mungkin akan mengganggu pelajar-pelajar ini menghadapi SPM pada bulan sepuluh ini. Apakah kementerian bercadang untuk pada masa-masa yang akan datang supaya nama-nama ini dikeluarkan selepas mereka mengambil peperiksaan SPM. Sekian, terima kasih?

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak fikir kalau nama-nama mereka dikeluarkan sebelum mereka mengambil SPM

akan mengganggu persediaan mereka untuk menghadapi peperiksaan SPM, apatah lagi penglibatan mereka sebenarnya hanya akan bermula selepas peperiksaan SPM.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat yang sama juga mencadangkan agar peserta PLKN yang berjaya ke IPTA mengikuti PELAPES. Cadangan ini amatlah dialu-alukan

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Gajah.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Walau bagaimanapun, pada masa ini

Cik Fong Po Kuan: [Masih berdiri]

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Nanti dahululah. Saya tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum bagilah Yang Berhormat. Sekejap lagi.

Cik Fong Po Kuan: Program Latihan Khidmat Negara, Yang Amat Berhormat,,,

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Sekejap lagi. Sekejap lagi. [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk dahulu Yang Berhormat.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Bagi saya habiskan point dahulu. Apa yang tergesa-gesa sangat ini. Eh, Sabar, sabar. Ahli Yang Berhormat ini tidak berapa sabar orangnya. [Ketawa]

Walaupun bagaimanapun, pada masa ini ianya tidak diwajibkan dan terpulang kepada pilihan yang dibuat oleh mereka sama ada yang untuk menyertai PALAPES atau lain-lain persatuan di IPTA. Dengan ini, cadangan Ahli Yang Berhormat yang sama agar PLKN mencontohi modul PALAPES yang mendedahkan kadet-kadet mereka kepada latihan dan ilmu ketenteraan, saya perlu menjelaskan bahawa objektif PLKN berbeza dengan objektif PALAPES.

Namun demikian, beberapa aspek dan unsur latihan ketenteraan memang diterapkan kepada peserta-peserta kita seperti berkawad, buat latihan fizikal, dengan izin Tuan Yang di-Pertua melalui Obstacle Course dan sebagainya tetapi tidaklah ilmu ketenteraan secara khusus. Ini adalah kerana tujuan PLKN ialah untuk memupuk

semangat patriotisme dan bukanlah untuk menyediakan mereka sebagai pasukan simpanan untuk dari segi kemampuan pertahanan negara.

Sekarang ini saya bagi peluang Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Gajah, sila.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Tadi apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pendang saya juga turut menerima panggilan dari ibu bapa yang menyatakan anaknya begitu terganggu sekali apabila mendapati beliau telah terpilih untuk mengikuti program ini. Kita dengarlah suara dari ibu bapa dan remaja kita - itu suara from the ground, dengan izin.

Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, sebab baru-baru ini ada disiarkan di dalam surat khabar tentang kekurangan lebih 5,000 jurulatih untuk program ini. Sekarang pihak Jabatan sedang mencari tenaga seramai 5,000 jurulatih ini dan kes sedang berjalan melibatkan seorang pelatih kita, pelatih yang mana mendakwa telah dirogol ketika menjalani program ini. [Disampuk] Ini sedang berjalan. Kalau Ahli Yang Berhormat ada membaca surat khabar ia mendakwa telah dirogol semasa menjalani program ini.

Jadi, saya hendak tahu apakah garis panduan atau apakah syarat-syarat pemilihan bagi jurulatih ini? Bagaimanakah ia akan diperketatkan sebab program ini akan dijalankan pada bulan Disember, sekarang ini sudah bulan sembilan, apakah kita boleh memastikan bahawa mereka yang melatih remaja kita ini memang berdisiplin, cintakan negara dan mempunyai semangat perpaduan sebab saya pernah menerima panggilan bahawa ada jurulatih yang begitu berbau perkauman sekali? Bagaimana kita expect mereka untuk melatih remaja kita untuk mencapai tiga objektif program ini? Jadi, saya ingin hendak bertanya tentang latar belakang – how is the screening of the jurulatih akan dijalankan, dengan izin. Sekian.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Batu Gajah ini selalu bangkit yang negatif. Namun tidak apalah, apa-apa pandangan ini kita akan timbang, saya hendak nyatakan bahawa selama ini saya tidak terimalah pengumuman mereka yang terlibat dalam Program Latihan Khidmat Negara, ganggu mereka yang mengambil peperiksaan SPM.

Selain daripada itu bilangan tambahan jurulatih yang kita perlukan, ini kerana bilangan kem kita sudah tambah, bila kita tambah bilangan kem maka bilangan

jurulatih pun perlu ditambah. Tujuan kita tambah kem supaya pengawalseliaan para peserta di bawah program ini dapat dilakukan dengan lebih berkesan dan lebih sempurna lagi. Jurulatih-jurulatih ini bukanlah mereka yang tak pernah terlibat di dalam program latihan yang lain, jadi kalau pun kita hanya ada masa tiga bulan yang akan datang tetapi latihan tambahan yang kita berikan akan menjamin bahawa mereka akan merupakan jurulatih yang dapat mengendalikan latihan ini dengan baik sebagaimana kita telah tetapkan. Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Rantau Panjang. Sila.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, terima kasih di atas jawapan yang diberi tadi, saya ada mendengar jawapan pada sesi yang lepas di mana pihak TPM telah menjawab persoalan yang saya timbulkan di sini perkaitan dengan memohon pengecualian kepada pelajar-pelajar sekolah agama yang mengambil peperiksaan SPM pada tahun ini kemudian pada tahun hadapan ini terus dengan peperiksaan-peperiksaan yang lain seperti peperiksaan untuk sijil tinggi persekolahan agama ataupun STAM dan juga STU, Sijil Tinggi Agama yang diambil oleh pelajar-pelajar sekolah agama. Untuk makluman, tahun ini adalah lebih kurang 6,000 pelajar sekolah agama rakyat ataupun SAR ini yang telah mengambil SPM dan hasil jawapan Timbalan Menteri pada sesi yang lepas saya, telah memaklumkan kepada pelajar-pelajar dan semua pelajar-pelajar merasakan syukur kalaulah benar-benar diberi pertimbangan kepada-kedua pelajar-pelajar SAR ini yang telah mengambil peperiksaan SPM tahun ini dikecualikan daripada memasuki latihan ini kerana kalau tidak mereka itu akan tergendala pengajian di pertengahan jalan.

Kemudian saya ingin tahu setakat ini sejauh manakah kerajaan cuba menambah ataupun mengisikan masa-masa kosong menanam akidah kepada pelajar-pelajar Islam khususnya yang berada di pusat latihan ini, mudah-mudahan kalau kerajaan menyedari perkara ini apa yang disebutkan oleh sahabat-sahabat kita di dalam - belia-belia kita berada di pusat latihan tersebut yang moralnya agak tergugat hasil dari pengurangan kita memberi pengajaran atau menambah keimanan dengan program-program agama yang sepatutnya dimasukkan di dalam *syllabus* ataupun '*manhas*' ataupun sukatan yang berada latihan. Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar sekolah agama rakyat ini tidak boleh dikecualikan, cuma yang boleh

ditimbang ialah ditangguh sahaja. Jadi, perkara ini sedang dipertimbangkan oleh Majlis Program Latihan Khidmat Negara, ini kita akan timbang berdasarkan kepada merit permohonan mereka. Tetapi kalau ditangguh, kemudian hari mereka terpaksa juga menyertai program ini, jadi saya hendak jelaskan bukan dikecualikan, cuma ditangguh sahaja.

Tentang latihan dari segi latihan akidah dan sebagainya ini memang terutama kita memang wajibkan mereka sembahyang di surau dan juga yang mana berhampiran di masjid dan juga kuliah-kuliah subuh memang kita lakukan dan ini saya percaya dapat menambah penghayatan mereka terhadap agama. Ya, Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kepong. Sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita mesti tunggu kerana ICT sekarang, kita mesti tunggu tidak begitu cepatlah '*white band*' pun dia memang masih *slow*, masih perlahan. Ada orang itu - Yang Berhormat penjelasan, saya memang pernah menyertai *national service* dan saya merit kepada latihan ala tentera. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Amat Berhormat memberitahu bagaimana orang-orang yang tidak terpilih remaja 460,000 dan yang dipilih itu tiap-tiap kali berapa? 85 ribu, saya dengar tadi 85 sahaja. 85 ribu, betul ya, cubalah bayangkan yang tidak dipilih itu apakah fikiran dari psikologi mereka dan yang dipilih itu ada saya percaya yang suka, gembira dan ada yang sedih dukacita juga.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Sri Gading itu, Sri Gading itu bunga, bunga menjadi bunga kertas sekarang [Ketawa]. Bunga kertas sekarang dan bolehkah Yang Amat Berhormat mengkaji semula macam mana kita boleh melibatkan semua, kalau tidak itu lain mentaliti yang akan wujud yang tidak - oh Ini yang dipilih, yang tidak dipilih mungkin ada keistimewaan yang dipilih dan sebagainya kerana Yang Amat Berhormat sendiri mengatakan hendak mewujudkan satu negara dengan remaja yang kuat yang mempunyai keadilan.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya amat gembira kalau kenyataan Yang Berhormat dari Kepong itu seolah-olah membayangkan pendirian parti DAP untuk menyokong Program Latihan Khidmat Negara ini sepenuh-penuhnya, saya gembira dan.....

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Nantilah, bagilah saya peluang. Jadi bila dia tanya itu, macam mirip ke arah hendak semua masuk Program Latihan Khidmat Negara. Saya ucapkan tahniah, tetapi saya tidak tahulah sama ada yang lain itu bersikap yang sama, tetapi saya puji Yang Berhormat dari Kepong ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Apakah pandangan Yang Amat Berhormat orang-orang yang tidak terpilih, tetapi kalau kita hendak pilih semua itu memang satu program mesti mempunyai prinsip-prinsip dengan normal-normal, nilai-nilai dan tatacara yang konsisten dan jelas tidak ada unsur-unsur yang pilih kasih dan sebagainya.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Bermakna Yang Berhormat dari Kepong sokonglah, sokong tak sokong? Dia bunyi macam sokong, tetapi berlapik balik [*Ketawa*] ini susah Tuan Yang di-Pertua, susah dia punya silat saya tidak faham, Kepong ini. Sokong tak sokong, saya hendak tahu jelas, sokong atau tidak, itu sahaja. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia sokong itu Yang Amat Berhormat, tetapi dia takut [*Ketawa*].

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak takut langsung.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Yang Berhormat jawab jangan pusing ke belakang. [*Ketawa*]

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak pusing, tidak payah pusing. Saya sendiri suka kepada program seperti ini dan saya sendiri menyertainya pada tahun 1970an. Yang Amat Berhormat tidak pernah menyertai, cuma membuat dasar sahaja, tetapi tidak menyertai langsung. Ini memang perbezaan tetapi walau bagaimanapun, sesebuah negara termasuk Malaysia, kita mesti ada program-program yang jelas, yang konsisten dan adil kepada semua pihak.

Kalau program tidak adil saya tidak sokong, yang saya mahu ialah mempunyai prinsip-prinsip demokrasi, norma-norma, nilai-nilai tatacara yang jelas dan konsisten. Itulah yang penting sekali, kalau itu yang dilakukan saya sokong, kalau tidak, tidak payah. Jangan kita hendak tarik, Lim Kit Siang atau siapa sahaja di sini, tidak payah. [*Ketawa*]

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan tarik yang lain tetapi Yang Berhormat sebelum dia hendak menjawab dia terpaksa pusing balik, [*Ketawa*] macam dia menunggu isyarat daripada yang di belakang. Jadi, tidak apalah kita terima Yang Berhormat sokong, bagus terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk menubuhkan PALAPES di IPTS merupakan satu..

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan..

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Nanti dahululah.

Tuan Lim Hock Seng: Soalan ini tajuk panas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum lagi Yang Berhormat.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Berilah peluang saya bercakap dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk dahulu.

Cik Fong Po Kuan: Program Latihan Khidmat Negara tambahan, jurulatih wanita ya, jurulatih wanita.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Nanti dahulu, duduk dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah sila duduk, Yang Berhormat bagi Bagan sila duduk. Yang Amat Berhormat masih ada di sini. Sila, sila.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Saya akan beri peluang, tidak mengapa, saya beri peluang. Yang Berhormat bagi Batu Gajah ini kena bersabar sedikitlah. Duduk sabar. *[Ketawa]*

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut Batu Gajah, jadi Timbalan Perdana Menteri.beri peluang saya jawablah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah sila duduk, dia belum beri.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Duduk dahulu.

Cik Fong Po Kuan: Tidak payah selalu menggunakan sabarkah, emosilah untuk *attack* saya.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Oh, tidak, tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu gajah sila duduk.

Cik Fong Po Kuan: Hendak beri laluan beri, tidak payah menggunakan cara itu hendak *attack* saya.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tidak mengapa, duduk dahulu, saya beri peluang.

Cik Fong Po Kuan: Boleh beri penjelasan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Gajah, dia hendak jawab dahulu ini.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Saya hendak jawab dahulu ini, duduk dahulu. Ya, sabar sedikit, sabar dik. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat yang sama juga mencadangkan supaya PALAPES ditubuhkan di IPTS. Ini pada saya ini satu saranan yang baik tetapi pada masa sekarang ini, kita tidak dapat melaksanakan cadangan ini atas beberapa sebab. Antaranya kebanyakan IPTS menyewa premis dan premis-premis tersebut tidaklah sesuai untuk dijadikan sebagai tempat latihan PALAPES. Di samping itu kita memerlukan tenaga tambahan dari segi Kementerian Pertahanan.

Walau bagaimanapun, kalau keadaan mengizinkan satu hari nanti insya-Allah kita berharap beberapa buah IPTS yang terkemuka boleh juga kita wujudkan PALAPES di tempat-tempat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Yang Berhormat yang membuat pertanyaan mengenai modul..

Cik Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Saya tidak beri laluan lagi. Nantilah sekejap lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum beri laluan Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Duduk, duduk, duduk sekejap.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjelaskan pertanyaan Yang Berhormat mengenai penggubalan Modul Khidmat Negara bagi PLKN yang dikatakan belum menerima bayaran, izinkan saya menyatakan bahawa pembayaran ini sebenarnya tidak timbul kerana bagi Modul Khidmat Komuniti, penggubal-penggubal modul tersebut adalah

terdiri daripada wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan perkhidmatan mereka diberi secara sukarela.

Di samping itu kementerian tidak ada perjanjian secara bertulis untuk membuat pembayaran kepada mereka yang terlibat dalam penggubalan Modul Khidmat Negara. Saya beri peluang kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya rasa apa yang baik dari PLKN ini akan menjadi sebutan dan yang tidak baik juga akan menjadi suatu peringatan kepada kita semua. Saya hendak memperjelaskan isu wanita dalam Program PLKN ini. Walaupun berlaku kes rogol dan kes *sexual harassment*, gangguan seks ini dianggap kes yang terpencil, satu dua kes. Saya rasa rogol boleh berlaku di mana-mana, tetapi amat malang kalau rogol itu berlaku dalam kem.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jadi, wanita yang menghadapi masalah ini sudah tentu menghadapi trauma, menghadapi masalah seumur hidup yang mungkin tidak ada harga, tidak ada harta di dalam dunia ini yang boleh mengembalikan harga diri mereka. Jadi, saya meminta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya, yang pertama sekali, adakah PLKN telah mempunyai cukup jurulatih wanita untuk mengelakkan perkara ini berulang, kes ini tidak akan berlaku lagi.

Yang keduanya, adakah akan diadakan berasingan semasa latihan, supaya tidak berlaku *body contact*, tidak berlaku secara berleluasa dan ini boleh menyumbang kepada kes-kes yang seperti ini. Jadi, saya berharap perkara ini diambil pertimbangan supaya wanita ini tidak akan menjadi mangsa kepada program ini pada masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan lagi kesal perkara ini berlaku dan sebenarnya jurulatih-jurulatih yang menjadi *supervisor* dalam program ini, merekalah yang memujuk peserta berkenaan untuk membuat laporan. Ini adalah gambaran bahawa kita tidak ada hasrat untuk melindungi sesiapa sekalipun. Seperti mana kita ketahui orang yang

disyaki itu telah pun didakwa dan biarlah proses undang-undang berjalan dan kita akan cuba sedaya upaya supaya perkara ini tidak akan berlaku lagi.

Antaranya adalah untuk mengecilkan bilangan pelatih dalam sesebuah kem. Bila bilangan lebih kecil, kawalan lebih rapi dapat dilakukan dan juga disiplin di dalam kem itu akan diperketatkan dalam siri kedua yang akan bermula pada bulan Disember. Kita juga akan menentukan bahawa pengawalan siang dan malam, peraturan keluar dari kem itu lebih diperketatkan dan kita akan cuba seberapa yang boleh supaya perkara ini tidak akan berulang lagi. Yang Berhormat bagi Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Memandangkan Program Latihan Khidmat Negara adalah satu program yang kekal dan untuk jangka masa yang panjang. Adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan kem-kem atau tapak-tapak sendiri iaitu kepunyaan kerajaan dan bukan seperti pada masa sekarang iaitu dengan cara menyewa dari tuan-tuan punya tanah dan kita mendapat tahu bahawa *resorts* atau tempat-tempat dusun yang disewa oleh kerajaan itu satu masa dahulu kurang pelancong yang mengunjunginya dan sekarang bila disewa oleh kerajaan, macam durian runtuh kepada tuan punya tanah.

Demi untuk menjimatkan perbelanjaan negara, saya bercadang kerajaan boleh menyediakan tapak sendiri iaitu menggunakan kem-kem tentera yang tidak dipakai atau tempat-tempat lapang kepunyaan kerajaan sendiri yang tidak digunakan untuk dijadikan kem-kem.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menggunakan kem-kem tentera, sebab bilangan yang terlibat dalam program ini begitu besar 85,000 dan kita tidak ada kemudahan sama ada dalam Kementerian Pertahanan ataupun dalam kementerian-kementerian dan jabatan yang lain, yang boleh menampung bilangan yang begitu ramai.

Yang kedua, kita terpaksa mengadakan kem ini dengan masa yang singkat. Yang ketiga, kita tidak mahu mengeluarkan perbelanjaan yang besar, sebablah itu kita *outsource* kem-kem ini dan dengan ini mereka yang terpilih boleh buat pinjaman daripada bank dan sebagainya untuk mengeluarkan dengan izin, *capital expenditure* untuk membina kem-kem ini. Kerajaan tidak mengeluarkan *capital expenditure* ini bertujuan untuk mengawal perbelanjaan supaya kita boleh melaksanakan program ini dengan jumlah yang telah kita tetapkan. Yang Berhormat dari Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya hendak tanya sama ada akan diselitkan dalam modul program ini satu modul berkenaan dengan *gender* sensitif kepada agenda yang lain. Berapakah jurulatih wanita yang akan dilantik dan diambil untuk melatih pelatih-pelatih kita ini sebab saya terima panggilan para ibu bapa yang anak perempuan mereka dipilih, mereka mempunyai rasa kurang keyakinan terhadap keselamatan? Saya hendak tahu berapa jumlah ramai jurulatih wanita dan bilakah jawatankuasa di bawah Parlimen berkenaan di mana program ini akan dibincangkan dan ditubuhkan sebab pihak ini kami sedang tunggu-tunggu untuk memberi pandangan kami di dalam jawatankuasa tersebut. Jangan hanya minta kelulusan peruntukan dan kita mainkan peranan yang lebih penting di dalam program ini. Sebab kami yang terima *feed-back* dan maklum balas daripada para pelajar, remaja dan ibu bapa.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita dalam usaha untuk menambahkan lagi bilangan jurulatih wanita, saya berharap lebih ramai lagi jurulatih wanita tampil ke hadapan. Bukan sahaja di kalangan jurulatih wanita kaum Melayu sahaja tetapi kaum-kaum lain juga kita harap. Saya harap Ahli Yang Berhormat kempen lah dan tambah lagi bilangan jurulatih wanita dan tentang *Select Committee* ini, kita telah pun menetapkan pengerusinya iaitu Yang Berhormat Dato' Dr. Maximus Ongkili dan saya percaya beliau akan memanggil mesyuarat pertama *Select Committee* mengenai perpaduan ini dalam masa yang terdekat ini. Yang Berhormat dari Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan saya menyokong penuh dan kita menyokong penuh ini terus-terang tidak payah alih ke belakang, terus-terang sahajalah - program PLKN yang telah diadakan oleh Kementerian Pertahanan.

Saya ingin meminta penjelasan sedikit daripada Yang Amat Berhormat mengenai pelatih-pelatih yang telah keluar daripada program yang selama tiga bulan ini, saya hendak tanya sedikit mengenai apakah rancangan ataupun program yang boleh kita perkenalkan kepada mereka ini supaya semangat patriotisme dan juga semangat perpaduan ini dapat berkekalan. Mengikut kebiasaannya dalam tiga bulan ini kita membina semangat dan juga sebagai memberi kebebasan mereka bercampur-gaul dan sebagainya. Selepas itu keluar tiga bulan kemungkinan besar mereka

mungkin akan hilang *contact* ataupun mereka lupa apa yang telah dipelajari di dalam kem-kem tertentu. Itu satu saya hendak penjelasan adakah program susulan yang boleh kita mengekalkan semangat perpaduan dan juga semangat yang telah dipupuk dalam kem-kem yang tertentu, terima kasih?

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat dari Puchong tidak payah menoleh ke belakang untuk menyokong program ini. Berbeza dengan Ahli Yang Berhormat dari Kepong, dia terpaksa pusing ke belakang untuk minta restu daripada mereka yang belakang sebelum dia bercakap. Tentang.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: *[Ketawa]* Nanti, saya hendak jawab dahulu Tuan Yang di-Pertua, kerana saya tidak habis hendak jawab point Ahli Yang Berhormat dari Puchong tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia hendak jawab soalan Puchong.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Sekejap lagi Yang Berhormat, tentang kesannya memang kesannya positif dan kita perlu membuat susulan tetapi setakat ini kita cuma mencadangkan dan menggalakkan mereka sahaja bukan satu yang kita wajibkan misalnya program Rakan Muda Kementerian Belia dan Sukan mereka boleh sertai. Misalnya kalau mereka masuk ke universiti mereka boleh masuk dalam program PALAPES ataupun mereka boleh masuk dalam Pasukan Simpanan Tentera dan sebagainya. Ini sebagai galakan kepada mereka kalau kita wajibkan saya fikir mungkin sukar sedikit kalau kita hendak wajibkan ya.

Tuan Liow Tiong Lai: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Liow Tiong Lai: Okey Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bentong.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Bentong dahulu, ya sila.

Tuan Liow Tiong Lai: Bentong dahulu, Bentong dahulu. Bentong ya! Terima kasih Yang Amat Berhormat, kita tahu bahawa memang kesan latihan PLKN ini positif tetapi malangnya masih ada lagi sesetengah pihak mempunyai persepsi pandangan negatif terhadap PLKN sehinggakan ada lagi remaja atau belia yang menerima tawaran mengganggu peperiksaan mereka. Saya rasa dari segi publisiti positif

berhubung dengan PLKN ini masih lagi tidak mencukupi. Adakah jawatankuasa PLKN mempunyai rancangan yang lebih menyeluruh untuk memastikan bahawa kesan positif yang telah - kita ada satu latihan *first batch* telah selesai maka kesan positif ini perlu kita memperkuatkan lagi publisiti ini agar lebih ramai belia kita faham betul-betul kesan positif yang akan diterima selepas PLKN.

Tambahan lagi adakah PLKN ada rancangan untuk memberi program pra-PLKN iaitu sebelum belia ini masuk PLKN adakah kita pastikan mereka betul-betul bersedia dari segi pemikiran, dari segi mempertahankan agar mereka dapat melalui tiga bulan ini? Itu sahaja pandangan.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, memang cadangan dari Ahli Yang Berhormat dari Bentong itu satu yang sangat baik. Sebenarnya kita sudah pun minta satu pihak yang berkenaan untuk membuat satu pelan *marketing branding programme* yang meluas dan cadangan itu saya pun telah terima dan saya sedang meneliti. Soalnya hendak dapatkan peruntukkan apabila kita hendak guna *airtime* dengan izin dan juga hendak tempah dalam akhbar dia memerlukan peruntukan. Jadi inilah perkara yang saya sedang memikirkan dan sebenarnya untuk kita memprojeikkan imej yang positif mengenai program ini adalah satu perkara yang amat perlu dilakukan.

Tentang program prakhidmat negara ini, perkara ini sedang kita bincang dengan Kementerian Pelajaran supaya sebahagian daripada kurikulum ini kita boleh mula lebih awal lagi. Jadi bukanlah satu kejutan apabila mereka masuk ke dalam Program Latihan Khidmat Negara ini dan yang jadi masalah ini mereka yang sudah keluar daripada sistem persekolahan. Ini jadi rumit sedikit tetapi mereka yang dalam sistem persekolahan sampai peringkat SPM kita boleh terapkan ciri-ciri Latihan Khidmat Negara di peringkat sekolah lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Yang Amat Berhormat ada berkata bahawa kesan positif daripada Program Khidmat Negara. Adakah ini bererti bahawa mereka yang *first batch*, 85,000 yang keluar daripada *first batch* khidmat negara lebih patriotik berbanding dengan mereka yang tidak mengikuti kursus ini dan adakah satu kajian yang dibuat mengenai perkara ini supaya profesional dan oleh sebab masalah ini bukanlah *branding* tetapi tujuan dan objektif Program Khidmat Negara. Bukankah sebenarnya kalau tujuan Program Khidmat Negara adalah memupuk patriotisme ini pun membayangkan kegagalan sistem pendidikan, bukankah lebih elok elemen-

elemen ini dengan izin di *spell out* dalam masa persekolahan, khususnya dalam dua tahun terakhir supaya semua murid-murid boleh dapat menepati khususnya daripada segi perpaduan dan patriotisme.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita telah melakukan kajian dalam bentuk *questionnaire* kepada kumpulan yang pertama dan kita dapati bahawa pada tiap-tiap satu soalan yang kita ajukan kepada mereka, jawapan positif pada setiap soalan yang kita kemukakan itu melebihi 75% pada setiap soalan. Jadi maknanya tanda-tanda awal saya dapat *feedback* amat positif.

Ini bukan bererti bahawa mereka ini, yang masuk program ini kurang ataupun lebih patriotik daripada mereka yang tidak, tetapi pada setiap individu yang telah melalui program ini perasaan mereka itu terhadap semangat cinta kepada negara itu lebih tinggi lagi kerana mereka telah melalui program ini.

Dari satu segi memang kita boleh terapkan di peringkat persekolahan dan perkara ini kita sedang bincang dengan Kementerian Pelajaran, melihat dari segi kurikulum di sekolah. Tetapi satu perkara yang kita harus sedar bahawa sistem persekolahan kita ini menjurus kepada petak-petak di dalam masyarakat kita. Dalam erti kata kita tidak ada peluang untuk bercampur gaul di antara masyarakat berbilang kaum di peringkat sekolah.

Jadi, oleh kerana kita tidak ada peluang sedemikian, maka salah satu daripada objektif utama program ini adalah untuk memupuk lagi perpaduan nasional, integrasi nasional. Jadi, kita tidak ada pilihan melainkan kita mengadakan program besar-besaran seperti Program Latihan Khidmat Negara ini. Jangan lupa, selain daripada soal patriotisme ini, soal memupuk perpaduan integrasi nasional, ini penting, sebab kita tidak pernah pandang ringan kepada proses *nation building*, pada proses perpaduan negara. Ini amat penting. Walaupun negara kita aman tetapi kita mesti mengukuhkan lagi nilai-nilai ini pada peringkat remaja-remaja kita.

Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, lepas itu Yang Berhormat bagi Kepong, lepas itu saya hendak pindah kepada topik yang lain.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Hasil jawapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi, yang berkaitan dengan integrasi nasional, hasil daripada latihan yang telah dibuat seramai 85,000 setakat ini. Pertamanya saya hendak tahu daripada 85,000 itu, berapa peratus yang melibatkan

beliawanis, sehingga sebentar tadi, Yang Amat Berhormat menyatakan sedang mencari jurulatih wanita.

Jadi, adakah Yang Amat Berhormat bersetuju kalau saya mencadangkan supaya untuk *next term* diasingkan tempat antara lelaki dan perempuan. Bukan diasingkan dari segi masa, masa tidak apa kalau kita campur sekali gunanya untuk mencari satu integrasi nasional. Tetapi, masalah sekarang ini ialah pergaulan lelaki perempuan yang berleluasa sekarang ini dan sesuai dengan Islam Hadhari yang dilaungkan oleh pihak pemimpin UMNO. Saya rasa inilah peluangnya UMNO akan membuktikan pelaksanaan Islam Hadhari ini, pertama sekali dengan melalui PLKN ini, diasingkan di antara lelaki dan perempuan dan jurulatih pun, yang perempuan digunakan jurulatih perempuan, lelaki, gunakan jurulatih lelaki. Maka untuk mengelakkan daripada berlakunya perkara-perkara sundal, berlakunya rogol dan sebagainya. Tidak akan berlaku. Ini saya rasa.

Kecuali berlaku homoseksual dan lesbian, itu cerita lain, tetapi rogol tidak akan berlaku kerana diasingkan tempatnya. Adakah Yang Amat Berhormat bersetuju dengan cadangan saya?

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Pertamanya, saya hendak nyatakan bahawa kita telah buat *survey* di kalangan peserta dan mereka semua kata bahawa mereka lebih suka ada peserta lelaki dan perempuan dalam satu kem. Tetapi ini bukan bererti bahawa pergaulan itu tanpa batas, tidak. Kita ada peraturan-peraturan tertentu. Kita tidak boleh bawa ke fahaman PAS. PAS ini hendak asing belaka. Hendak asing belaka, kalau boleh satu ketika dahulu di Kelantan, hendak bayar di kedai runcit pun hendak asing-asing. Jadi, itu fahaman sudah jumud. *[Disampuk]* *[Tepuk]* Hadhari lain, Hadhari ini progresif, maju tetapi ada batas-batas mengikut syariat Islam. Jadi, itulah saya hendak katakan. Dari segi wanita dan lelaki, ia 50/50.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Saya hendak beri satu sahaja lagi, lepas itu saya hendak pindah topik lain. Yang Berhormat bagi Kepong, lepas itu baru hak Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Kemaman pun hendak juga.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Hujah tadi cukup tepat sudah, cuma saya hendak selit sedikit kerana kawasan Rantau Panjang tadi.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Masih berdiri]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Buat apa?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang mengatakan bahawa Islam Hadhari itu untuk orang UMNO sahaja, saya dengar tadi, kalau tidak silap. Bukan untuk UMNO, untuk rakyat Malaysia. Kita setiap yang Islam menerima Islam Hadhari. Kalau tidak, kita duduk dalam, orang kata, orang darat, bukan orang hilir. Kerana Islam Hadhari ini hilir. Dalam era pembangunan, era globalisasi, bukan kata modenisasi, kita tidak sebut begitu, kita kata modenisme, ialah mengembalikan keagungan Islam, zaman era global.

Setuju atau tidak Yang Amat Berhormat kalau kita mengatakan diwajibkan Islam Hadhari ini dalam semua aspek termasuk kurikulum sekolah. Start dari rendah sampai menengah? Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Saya setuju seratus peratus. PAS bara politik Islam ini, sudah jumud. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Hari ini saya gembira jugalah Yang Amat Berhormat datang untuk menjawab, tetapi daripada perangnya dia tahu, dia tidak datang kerap kali kerana bila saya ucap, saya tidak pandangan satu situ-sini, kerana kalau kita pandang pada Tuan Yang di-Pertua sahaja, itu memanglah tidak begitu baik juga.

Walau bagaimanapun, ini tidak ada kena mengena dengan rakan saya di sini. *[Disampuk]* Tidak ada kena mengena langsung, *[Disampuk]* tidak payah saya pandang. Walau bagaimanapun, Yang Amat Berhormat kita pun tubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan untuk mengkaji mengenai Latihan Khidmat Negara ini. Tetapi, setakat ini kita belum pun terima satu kertas putih. Seolah-olah Ahli Parlimen ini tidak penting langsung. Saya harap Yang Amat Berhormat dapat menjawab dan kemudian membentangkan satu kertas putih supaya kita dapat tahu setakat mana kejayaannya atau kegagalan di dalam buku program.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat ini dia rasa macam kredibilitinya dipersoalkan, *[Ketawa]* sebab bila

dia asyik pusing ke belakang tadi, dia sudah rasa macam orang tidak yakin dengan apa yang dia cakap. [Ketawa] Sebenar itu, dia hendak mempertahankan dirinya, tetapi Ahli Yang Berhormat ini baik sebenarnya.

Saya hendak nyatakan bahawa tidak perlu setakat ini kertas putih, tetapi Ahli Yang Berhormat boleh beri pandangan-pandangan, dan kita akan ajak Ahli Yang Berhormat dari pembangkang, duduk dalam *Select Committee*. Boleh bincang perkara ini. *White paper* ini, kalau sekiranya ada satu krisis besar atau masalah besar, baru kita buat *white paper*. Kalau berjalan dengan baik, tidak perlu *white paper*. [Disampuk]

Dalam perbahasan pun, Yang Berhormat boleh bahas. Cuma jangan pusing ke belakang. Itu sahaja. [Ketawa] Yang Berhormat, saya pindah ke topik yang lain, ya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batu Kawan telah menyarankan agar pesawat Nuri milik TUDM digantikan dengan pesawat baru, memandangkan ianya telah berusia 35 tahun dan telah ditimpa beberapa kemalangan udara yang menyebabkan ramai yang terkorban. Saya perlu jelaskan bahawa setelah kita membuat kajian oleh Lembaga Penyiasat, sebahagian besar daripada kemalangan yang berlaku terhadap pesawat Nuri ini bukanlah kerana masalah mekanikal tetapi masalah, dengan izin, human error. Ini meyakinkan kita bahawa pesawat Nuri ini memang boleh terus digunakan.

Malah di setengah angkatan udara yang lain, seperti di negara-negara tertentu, pesawat yang lama masih digunakan lagi. Bukan semua barang yang lama tidak boleh dipakai lagi, Tuan Yang di-Pertua. jadi, kita akan terus meningkatkan sistem peralatan dan *avionics* dan Nuri ini dan keupayaan *search and rescue*, dengan izin, perancangan untuk mengadakan helikopter yang lebih *dedicated*, dengan izin, terhadap operasi *search and rescue*, sedang kita lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Ketereh telah memberi pandangan supaya lebih baik kita beli, dengan izin, *anti-submarine missile* yang mana adalah lebih murah dan mampu memusnahkan kapal selam daripada kita beli kapal selam. Ahli Yang Berhormat, sebenarnya tidak begitu tepat pandangan itu kerana kapal selam merupakan satu keupayaan strategik yang begitu berkesan sekali dari segi kemampuan pertahanan negara sebab bila kita ada kapal selam, kita boleh buat tinjauan perisikan, kita boleh buat penyusupan, kita boleh dapat melakukan misi-misi tertentu yang mempunyai nilai *stealth*, dengan izin, yang begitu tinggi dan amat sukar

dikesan dan kapal selam kita mempunyai kemampuan yang amat tinggi, merupakan *conventional submarine* yang termoden di dunia.

Saya tidak suka membuat perbandingan tetapi negara Singapura bakal memiliki empat buah *submarine*, kapal selam, sedangkan kita hanya ada dua sahaja. Ini bererti bahawa kalau kita buat ketetapan yang tidak betul, tak kan negara-negara lain membuat perkara yang sama malah lebih tinggi pelaburan mereka dari segi apa yang kita telah lakukan. Begitu juga dari segi jet pejuang *Sukhoi* dan sebagainya, ini merupakan keupayaan yang jauh lebih tinggi dan akan memberi kemampuan *deterrent*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang mana amat perlu dimiliki oleh negara kita.

Yang Berhormat bagi Arau telah menyebut tentang alat ganti untuk pesawat-pesawat MIG-29N dan FA-18D, perlu saya jelaskan bahawa dari segi pesawat FA-18D kita tidak menghadapi sebarang masalah dari segi alat ganti. Untuk pesawat MIG-29N, kita menghadapi birokrasi Russia yang agak masih banyak kerenahnya dan perkara ini kita telah pun kemukakan kepada pihak Russia untuk memperbaiki lagi sistem birokrasi mereka supaya pesawat-pesawat MIG-29 kita, walaupun sebahagian besar boleh kita gunakan tetapi tahap *serviceability*nya, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kita harap dapat kita tingkatkan lagi.

Ahli Yang Berhormat bagi Arau membangkitkan tentang *aggressive*, dikatakan ATM perlu mempunyai *aggressive deployment force* yang mengandungi Tentera Darat, TUDM, TLDM supaya ATM lebih berkemampuan untuk menjamin keselamatan dan kedaulatan negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini telah pun kita laksanakan bila kita menubuhkan Pemerintahan Angkatan Bersama (PAB) pada 6 September yang baru lalu, di mana segala operasi ATM pada masa akan datang akan berbentuk *combined armed service*. Maksudnya ketiga-tiga cabang perkhidmatan akan bertindak secara *integrated* dalam operasi-operasi pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, dari segi pelaksanaannya kita memerlukan sekurang-kurangnya setahun lagi sebelum kita berkemampuan untuk melaksanakan konsep seperti ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Arau juga membangkitkan tentang nasib anggota-anggota tentera, kita telah menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Veteran dan kita telah mewujudkan latihan melalui PERHEBAT dan sebagainya, tetapi saya hendak nyatakan bahawa sebahagian besar daripada kuasa untuk menolong golongan bekas tentera ini bukan berada di bawah Kementerian Pertahanan. Umpamanya kalau mereka hendak

tempat, premis ataupun gerai berniaga dan sebagainya, pinjaman mikro-kredit dan sebagainya, ini semua adalah di bawah kementerian, agensi jabatan kerajaan yang lain. Jadi jabatan-jabatan ini perlu prihatin kepada masalah golongan bekas tentera, bukan sahaja Kementerian Pertahanan tetapi anggap ini sebagai tanggungjawab kita bersama kerana mereka ini semua telah berkorban, begitu besar pengorbanan mereka untuk melindungi kepentingan dan kedaulatan negara.

Jadi soal sensitiviti dari segi pegawai-pegawai kerajaan yang lain dan juga termasuk kerajaan-kerajaan negeri untuk membela untung nasib bekas tentera adalah satu perkara yang amat penting untuk kita tekankan sekiranya usaha kita memperjuangkan kebajikan mereka itu benar-benar berkesan sebagaimana yang kita harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah ulasan saya dan perkara-perkara lain yang saya tidak sempat sentuh kita akan ambil perhatian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.

12.00 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2005 dan menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan dengan penggulungan, saya ingin meminta maaf kepada Dewan kerana telah memberikan jawapan yang tidak tepat waktu menggulung pada ketika Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong, di mana Yang Berhormat bagi Ipoh Timor telah membangkitkan berkenaan dengan iklan waktu pilihan raya. Jawapan sebenarnya iaitu Barisan Nasional memang memberi kebenaran kepada iklan itu. Jadi saya mohon maaf di atas kesilapan itu. Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih dan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang rela untuk mengakui kesilapan beliau tetapi kita mahu tahu,

kenapa, bagaimana kesilapan begitu boleh berlaku? Oleh sebab nampaknya dalam sesi ini berlaku banyak kali di mana Menteri-menteri dan Timbalan Menteri-timbalan menteri ada membuat kenyataan atau memberi jawapan yang akhirnya diakui tersilap, apakah sama ada ini membayangkan prestasi yang tidak cekap pegawai-pegawai yang berkenaan, saya tidak tahu, tetapi saya rasa demi kepentingan Parlimen dan *standing* Parlimen, nama baik Parlimen, bagaimana kesilapan ini boleh berlaku?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kesilapan ini adalah *genuine* kerana saya menjawab daripada jawapan yang diberikan oleh pegawai kerajaan dan pegawai kerajaan tidak terlibat dengan politik. Jadi waktu pilihan raya bila berlaku perkara seperti ini, keputusan sama ada dibuat oleh Barisan Nasional ataupun parti-parti lain, pegawai kerajaan kita tidak tahu. Jadi sebab itu mereka memberi jawapan kepada saya, iaitu bahawa tidak mendapat kebenaran daripada Barisan Nasional.

Jelas, saya rasa kesilapan yang dilakukan oleh pegawai itu adalah ikhlas, tidak ada apa-apa di sebaliknya melainkan mereka itu tidak terlibat dengan politik. Jadi mereka fikirkan begitulah dan waktu itu pun masing-masing, macam saya sendiri pun berada di kawasan saya dan saya pun tidak membaca akhbar Cina. Sebab itu saya pun tidak dapat untuk membetulkan pada ketika itu. Kalau saya tahu sudah tentu saya jawab perkara yang benar sedangkan pegawai sebenarnya tidak tahu tentang perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, kita boleh terima dengan *good faith* penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri ini, tetapi adakah ini bererti bahawa oleh sebab perkara ini baru ditimbulkan, adakah ini bererti bahawa Yang Berhormat Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional mengakui apa yang ada dalam iklan itu yang menyatakan bahawa "Kerajaan Barisan Nasional *corrupt* dan *rotten*" berakar-umbi dan perlulah satu pembaharuan, dan adakah ini pendirian kerajaan bahawa sudah sampai masanya, sampai Pilihan Raya Umum baru-baru ini pada bulan Mac, bahawa Kerajaan Barisan Nasional *corrupt* dan *rotten* hingga ke akar umbi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita tidak mengambil iklan itu untuk menyatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional itu *corrupt*. Sebenarnya kita ambil jalan cerita Justice Pao yang memerangi rasuah secara berperingkat hingga ke akar umbi. Mungkin kerajaan sewaktu Justice Pao itu hidup dulu kerajaan itu *corrupt*, kalau *corrupt*, kerajaan itulah *corrupt*. Kita bukan

mengambil sebagai contoh bahawa kerajaan kita *corrupt*, tidak. Yang kita ambil contoh ialah Justice Pao lawan rasuah hingga ke akar umbi waktu dia hidup dulu kerana kerajaan pada ketika itu, pada ketika Justice Pao hidup memang korup pada ketika itu.

Tuan Lim Kit Siang: Jangan buat kesilapan yang kedua oleh kerana ini pun dalam *good faith*, saya pun bersetuju oleh kerana Yang Berhormat tak faham apa yang dalam bahasa Cina dalam iklan itu. Sangat jelas dalam iklan itu bahawa satu kenyataan bahawa sistem Barisan Nasional ini ialah korup dan *rotten*, berakar umbi, bukan masa lampau Justice Pao. Itulah yang benar dan saya harap Yang Berhormat jangan buat kesilapan yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi itu, adakah ini satu pengakuan atau Yang Berhormat kata ini sebenarnya satu iklan yang tidak betul. Masa itu sudah mengelirukan pengundi-pengundi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, walaupun saya tidak faham Cina tetapi saya tidak gila lagilah. Tidak ada seseorang daripada parti itu akan mengakui bahawa parti dia korup. Jadi, tidak gila. Memang iklan itu keluar begitu tetapi sudah tentu mungkin ada kesilapan di mana-mana, saya tidak tahu. Tetapi tidak ada orang yang gila pada hari ini hendak mengakui bahawa kerajaan dia korup. Saya ingat kita belum gila lagi. Tetapi cuma mungkin ada kesilapan yang berlaku di dalam iklan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh kita balik kepada tajuk pada hari ini?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Baik, baik. Tuan Yang di-Pertua...

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Memang saya kita tahu Yang Berhormat Menteri tidak gila, belum sampai gila tetapi nampaknya ada orang atasan dalam Barisan Nasional yang gila yang rela buat kenyataan semacam itu untuk memancing undi. Bukankah ini satu *mislead*, memesong pengundi-pengundi, *a false pretences* dan bukankah oleh kerana ini sudah diutarakan patutlah satu penjelasan perlu dibuat bahawa apa yang terkandung dalam iklan-iklan itu tidak benar dan satu kenyataan minta maaf dibuat terhadap pengundi-pengundi bahawa iklan itu tidak benar.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasihlah Yang Berhormat yang merasakan bahawa iklan itu memesong sebab Yang Berhormat percaya bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak korup hingga ke akar umbi. *Thank you very much* sebab Yang Berhormat sendiri mengatakan memesong. Jadi, saya sokong apa Yang Berhormat sebut, terima kasih, satu deklarasi yang dibuat di dalam Dewan ini. Terima kasih banyak-banyak.

Saya minta Yang Berhormat bagi Ayer Hitam menjawab. Sila Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, sila.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri. Saya ini anak didik dari sekolah jenis kebangsaan (Cina). Saya belajar bahasa Cina sampailah ke SPM dan saya bersyukur mendapat A. Tetapi kalau saya membaca iklan ini, kita jangan memilih sesuatu macam seorang buta itu melihat gajah. Dia pegang kaki itu, dia ingat gajah itu macam ini.

Beberapa Ahli: Pokok, pokok.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Sebenarnya kalau kita lihat dalam konteks iklan itu, kalau tamadun manusia, sifat tamak memang ada, tabiat manusia memang ada. Kalau kita kata hendak memerangi rasuah, adakah kita kata semua ini menerima rasuah dan kita kena perangi rasuah. Tidak semestinya. Kita kena ingatkan rakyat kita supaya memerangi rasuah. Itulah caranya.

Justice Pao ini kalau kita tengok sirinya, kalau Yang Berhormat Ketua Pembangkang sempat tengok, ini adalah sebagai hakim yang adil. Apa yang tidak betul itu akan diperbetulkan. Bukan kata dalam masyarakat yang memang sudah korup, dia ini wujud, bukan. Jadi, kita tengok sejarah dahulu sebelum kita membuat satu kenyataan. Kalau perlu, kita boleh bincang lagi di luar Dewan dan kita baca surat khabar itu bila-bila masa. Terima kasih. *[Tepuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat, tetapi jangan marah Yang Berhormat bagi Ipoh Timur sebab Yang Berhormat bagi Ipoh Timur mempertahankan Kerajaan Barisan Nasional yang tidak korup. *[Disampuk]* Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur mempersoalkan keberkesanan Pelan Integriti Nasional (PIN) sekiranya semakin rendah indeks persepsi tahap rasuah iaitu *Corruption Perception Index (CPI)*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, CPI merupakan satu pengukuran berdasarkan kajian yang dibuat oleh

Transparency International terhadap tahap rasuah di sesebuah negara. Indeks ini dibuat berdasarkan skala mata dua hingga ke sepuluh di mana mata sepuluh dipersepsikan sebagai paling baik atau tahap rasuah paling minimum dan mata satu sebagai negara yang mempunyai tahap rasuah yang paling buruk.

Kajian CPI ini bermula pada tahun 1995 melibatkan 41 buah negara dan Malaysia terletak di tangga ke-23. Pada tahun 2002, Malaysia telah terletak pula di tangga ke-33 tetapi daripada 102 negara yang dikaji dengan mata 4.9. Jadi kita tidak boleh sebut 23 turun ke-33, walhal negara itu lebih luas yang dikaji.

Kemudian pada tahun 2003 pula, Malaysia terletak di tangga 37. Ini kalau kita lihat 33 ke-37, turun empatlah tetapi pertambahan jumlah negara yang dikaji ialah 133 buah, bertambah lagi. Jadi, 133 buah negara sementara mata yang diperolehi adalah lebih baik iaitu 5.2 mata. Jadi, *it is improving*. Walaupun kita jatuh tangga tetapi daripada negara yang lebih meluas, daripada 41 ke-102 buah negara dan akhirnya kepada 133 buah negara.

Pelancaran Pelan Tindakan Anti Rasuah.....

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya terperanjat dengan jawapan itu. Adakah Yang Berhormat dengan serius kata bahawa kerajaan sangat bangga dengan prestasi itu tahun 1995, di tangga 23, jatuh ke-37 pada 2003 oleh kerana lebih banyak negara masuk dalam indeks itu. Bukankah kita perlu mempertahankan kedudukan kita yang menunjukkan "Malaysia Boleh", tetapi ini nampaknya "Malaysia Tidak Boleh." Lebih teruk setiap tahun.

Kalau begitu, mengapa sekarang ada satu sasaran atau matlamat supaya dalam masa lima tahun, 2008 boleh jadi nombor 30 atau akankah dalam tahun ini, 2004, kita tidak tahulah apa kedudukan Malaysia oleh *Transparency International Corruption Perception Index*, mungkin lebih teruk, khasnya selepas Perhimpunan Agung UMNO di mana nampaknya *money politics* bermaharajalela yang sepatutnya menjadi satu teladan tetapi lebih teruk. Adakah Malaysia akan lebih bangga kalau jatuh tangga itu?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: UMNO sebenarnya bertanding, orang berebut sebab UMNO ini penting. Dalam DAP, mungkin tidak ada politik wang sebab tidak ada siapa pun hendak jawatan dalam DAP itu, [Ketawa] tidak ada orang

rebut, sebab itulah. Bukan kerana tidak ada politik wang. Kerana tidak ada guna jadi MP DAP.

Saya hendak sebut di sini, pertama 1995, 23 daripada 41. Maksudnya daripada 41 negara, kita dapat nombor 23. Kemudian daripada 102 negara, kita dapat nombor 33. Kemudian daripada 133 buah negara, kita dapat nombor 37. Sebenarnya kita *improving*, tetapi dengan negara yang lebih. Dan saya sebut sebentar tadi iaitu mata telah naik daripada 4.9 kepada 5.2. Jadi, mata naik. Ini bermakna bahawa kita *improving*.

*Steady*lah, jangan sesuatu benda kita hendak buat itu bukan senang. Bukan senang kita hendak buat dalam masa satu hari, tukar semua. Ini kadangkala hampir menjadi budaya. Kita hendak melawan budaya ini sebenarnya. Jadi, sebab itu saya harap supaya Yang Berhormat lebih bersabar. Insya-Allah, kita akan bertambah maju.

Pelancaran Pelan Tindakan Anti Rasuah oleh Bolivia pada tahun 1998 ada berkaitan dengan isu gejala rasuah. Pelancaran PIN oleh Malaysia merangkumi skop yang lebih luas selain daripada isu rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Ia termasuklah tindakan untuk membudayakan integriti dalam semua sektor masyarakat iaitu sektor awam, swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, masyarakat perniagaan, sektor politik, belia, pelajar dan semua lapisan kepimpinan umum.

Oleh itu adalah tidak wajar disamakan pelancaran PIN dengan kajian yang dijalankan oleh negara lain, manakala faktor suasana dan persekitaran yang berbeza. Komitmen kerajaan dengan pelancaran PIN adalah jelas. PIN merupakan dasar, strategi dan pendekatan jangka panjang. Namun begitu, bagi menentukan kejayaannya, fasa pertama PIN telah ditetapkan dengan lima sasaran yang menjadi keutamaan iaitu:-

- (i) mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara berkesan;
- (ii) meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi kerenah birokrasi;
- (iii) meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan;
- (iv) memantapkan institusi keluarga; dan
- (v) meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.

Berdasarkan sasaran PIN bagi tempoh 2004 hingga 2008 itu pelbagai aspek yang dapat memantapkan dan memperkukuhkan integriti semua sektor masyarakat

diketengahkan dan dijadikan agenda keutamaan dalam pelaksanaan agenda integriti. Bagi memastikan kejayaan PIN, kerajaan telah menubuhkan sebuah institusi yang khusus iaitu Institusi Integriti Malaysia (IIM). IIM bertanggungjawab merancang, memantau dan melaksanakan pelbagai program, kursus, latihan, penyelidikan dan pendidikan mengenai integriti yang melibatkan secara bersama semua agensi kerajaan dan semua sektor masyarakat.

Berhubung dengan persoalan bagaimana IIM boleh memantau pelaksanaan PIN.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:dimaklumkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timur.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap Yang Berhormat ya. Sekejap. Dimaklumkan bahawa penubuhan IIM antara lain adalah:

- (i) mengendali penyelidikan berkaitan dengan integriti institusi dan masyarakat;
- (ii) menganjurkan persidangan seminar dan forum integriti;
- (iii) menghimpun pendapat pelbagai sektor mengenai kemajuan atau halangan kepada pelaksanaan integriti;
- (iv) menerbitkan dan mengedarkan bahan-bahan bercetak, menggubal dan melaksanakan program-program latihan dan pendidikan;
- (v) mengemukakan perakuan-perakuan dasar bagi peningkatan integriti;
- (vi) membangunkan pangkalan data mengenai integriti dan etika;
- (vii) memberikan khidmat nasihat kepada kerajaan mengenai program-program dan strategi-strategi bagi meningkatkan integriti; dan
- (viii) mewujudkan jaringan dengan organisasi-organisasi antarabangsa bagi membolehkan peranan dan sumbangan IIM diiktiraf di peringkat antarabangsa. Di samping itu IIM juga bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan PIN dan usaha untuk menjadikan integriti sebagai budaya masyarakat Malaysia.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa PIN adalah lebih menyeluruh dan ada sebut lima bidang. Saya hendak bertanya adakah selain daripada lima bidang itu adakah UMNO khususnya dikecualikan daripada PIN.

Oleh kerana apa yang berlaku baru-baru ini di mana nampaknya Krismas datang lebih awal, malam sebelum undi adalah *envelope* wang RM1000, RM2000, RM3000.....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Peraturan, peraturan, peraturan.....

Tuan Lim Kit Siang: Ini ada dalam laporan surat khabar.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

Tuan Lim Kit Siang: Wang upah sehingga.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang:RM2000, RM3000

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *Point of order, point of order* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ipoh Timur ada Peraturan Mesyuarat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ipoh Timur *point of order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, Yang Berhormat duduk. Apa Yang Berhormat?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Okay, muka surat 47.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat mana satu Peraturan Mesyuarat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: 36, seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa.

Seorang Ahli: Terhadap seorang Ahli.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okay, baik cukup.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Dia, dia.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Dia mengeluarkan kenyataan mengatakan berlaku rasuah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat Tangga Batu sila duduk. Tidak kenalah. Teruskan Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang: Itu bukan sangkaan jahat, itu sangkaan benar.

Seorang Ahli Pembangkang: *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Itu benar apa yang berlaku. Semua pun mengakui. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun tidak menafikan. Tetapi dia mahu tunggu bukti

sahaja. Kita tahu di negara kita ada korupsi tetapi mana itu bukti sebab itu jatuh tangga.....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Bila tidak ada bukti bukanlah satu kebenaran.

Tuan Lim Kit Siang: Daripada 23 tangga ke 37. Ada korupsi tetapi tunggu bukti.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Bila tidak ada bukti itu sangkaan.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan sangkaan jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sila duduk.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Macam mana kita boleh kata benar kalau tidak ada bukti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat terhadap seseorang Ahli tapi.... Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Jangan takutlah. Sudah berlaku ada korupsi dalam UMNO rela berani mengakui dan oleh kerana itulah saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri adakah UMNO dikecualikan daripada PIN dan bukankah sebagai Ahli UMNO sebagai satu parti tulang belakang kerajaan Barisan Nasional patutlah menjadi teladan dan bukanlah apa yang berlaku baru-baru ini Pilihan UMNO *General Assembly* di mana wang upah sehingga RM2,000 sehingga RM3,000 seorang, malam sebelum undi disifatkan sebagai curahan wang, hujan salji, Krismas yang datang lebih awal, *Santa Claus* yang datang selepas *midnight*. Bukankah ini perlu satu siasatan yang mendalam bukan sahaja oleh Lembaga Tatatertib tetapi oleh ACA atau khasnya satu panel bebas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak payah berucaplah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau tidak ada satu siasatan yang mendalam PIN ini tidak ada erti dan semua jaminan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu satu kerajaan yang bersih yang tidak korup pun nampaknya *open swept* oleh UMNO *General Assembly*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut sebentar tadi iaitu bahawa PIN ini termasuklah tindakan untuk membudayakan integriti dalam semua sektor masyarakat iaitu sektor awam, swasta, NGO, masyarakat perniagaan, sektor politik termasuk UMNO. Jadi jangan bimbang, kita dalam UMNO ini

saya takut parti lain dia *cover*lah dia punya rasuahnya. Tetapi dalam UMNO kita sudah ambil tindakan terhadap Tan Sri Khasitah Gadam iaitu bekas Menteri Tanah dan Wilayah itu orang UMNO. Kemudian kita telah ambil tindakan terhadap Dato' Sharif Jajang bekas Exco Selangor. Kemudian kita juga ambil tindakan terhadap Dato' Azman Mahalan bekas Exco Perak. Jadi jangan bimbang iaitu saya percaya bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serius dalam hal ini dan kalau sekiranya ianya berlaku di dalam UMNO saya yakin dan percaya Yang Amat Berhormat akan ambil tindakan yang sepatutnya seperti yang telah dinampakkan pada masa-masa yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai gesaan supaya ada *political will* bagi membanteras rasuah. Sememangnya kerajaan mempunyai hasrat dan iltizam yang tinggi. *Political will* dan komitmen kerajaan bukan sahaja datang daripada kepimpinan politik tetapi lebih luas merangkumi semua lapisan kepimpinan dan setiap individu untuk membudayakan integriti. Ia boleh dilakukan melalui penglibatan dan pelbagai program dan aktiviti yang dirancang dan dijalankan.

Political will di kalangan pihak atasan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Timur itu tercermin dalam komitmen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan serta menjadikannya antara agenda utama yang telah dan akan dilaksanakan secara berterusan.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat berkata mengenai *political will* tetapi bukannya apa yang berlaku dalam perhimpunan UMNO baru-baru ini merupakan bukan *political will* untuk membanteras rasuah tetapi satu *political will* untuk meneruskan *money politic* dan rasuah. Satu *political will* untuk meneruskan dan apakah *political will* untuk ambil tindakan oleh semua rakyat yang boleh lihat bahawa sebenarnya apa yang berlaku dalam UMNO *General Assembly* kalau seorang wakil dapat RM1,000, 2,500 orang wakil - RM2.5 juta. Kalau RM3,000 seorang wakil ialah RM7.5 juta. Bukankah ini satu *money politic* yang perlu dibanteras untuk menunjukkan ada *political will*. Ambil tindakan dalam perkara ini sebelum apa-apa slogan atau jaminan dibuat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Perhimpunan Agung baru habis empat hari. Kita hendak buat pendakwaan apa semua kita perlu kepada bukti-bukti yang nyata. Tidak akanlah dalam masa empat hari Yang Amat Berhormat pun sudah

berlepas ke New York. Perdana Menteri pergi ke New York masa bila hendak ambil tindakan ini. Tidak akanlah hari ini sesiapa sudah kena.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tunggulah, saya yakin dan percaya sebab itu TPM kata betul kena sabarlah sedikit. Jangan buat keputusan yang terburu-buru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kota Bharu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti kena masuk dalam mahkamah kena tendang kes. Kita tidak mahu itu dan saya sudah beritahu itu bahawa sebelum ini kita sudah pun mengambil tindakan terhadap pemimpin-pemimpin UMNO yang dianggap telah mengaku kesalahan termasuk *serving minister*. Bukan senang *serving minister* pun kena. Hendak buat macam mana kalau sudah ada bukti yang kukuh kita terpaksa ambil tindakan. Itu UMNO, DAP belum tentu lagi saya tidak tahu ya. Baik, Kota Bharu.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya faham benar hasrat Ketua Pembangkang mahukan rasuah dikurangkan dan integriti nasional dijayakan. Tapi dalam masa yang sama saya harap janganlah Ketua Pembangkang anggap semua orang UMNO ini terima wang dalam pemilihan sehinggakan dia bilang seorang itu dapat RM2,000, RM3,000 saya rasa itu tidak adil. Saya sendiri pun tidak dapat RM1 pun dan tidak ada siapa pun yang memberi dan gambaran ini saya harap tidaklah kita besar-besarkan. Orang UMNO lain pun ada juga integriti, orang UMNO lain pun ada juga maruah. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, jangan marah dengan dia, dia sayang UMNO sebab itu jangan marah dengan dia. Saya mendengar sebab dia sayang kepada UMNO dan dia mahu UMNO memerintah buat selama-lamanya, jangan kotor UMNO ini, sebab itu dia bangkit, jadi jangan marah dengan dia, dia *very concern*. Jadi saya sudah beritahu bahawa Perdana Menteri baru sahaja berlepas, jangan bimbang, jangan ragu. Saya pun tidak suka kalau sekiranya betul ada berlakunya rasuah. Tetapi Yang Berhormat peguam, bukan? *[Sambil memandang kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kota Bharu]* Jangan dengar cakap-cakap ya, mesti ada bukti, okay? Kita mesti *behave like a lawyer, if you are a lawyer*,

behave like a lawyer. Jangan kita bercakap lebih awal lagi, dengar *hearsay, there is such a thing hearsay* dalam undang-undang ini. Jadi kita kena sabar dahulu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih kerana cinta kepada UMNO ini, ya, terima kasih. Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tangga Batu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Yang Berhormat Menteri, saya pun sayang pada UMNO. Nampaknya Yang Berhormat bagi Ipoh Timur ini dia nampak kuman di seberang lautan, gajah di hadapan mata dia tidak nampak. Yang Berhormat Menteri, saya ada laporan isu dana pampasan nelayan Kampung Portugis 1996 oleh DAP – Lim Guan Eng. Ini RM100 ribu Yang Berhormat Menteri, hadapan dia tidak hendak panggil Pelan Integriti Nasional (PIN) siasat benda ini betul-betul, simpan duit nelayan enam tahun! Kita baru dua, tiga hari dia sibuk, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: Keluar Dewan kalau hendak buat tuduhan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Kita bincang dalam Dewan, kita bincang dalam Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Kalau berani, di luar!

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ini saya simpan, Tuan Yang di-Pertua, saya simpan, saya tetap simpan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Keluar Dewan buat tuduhan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ini RM100 ribu dan siapa Lim Guan Eng?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini penakut! Kalau orang jantan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ipoh Timur. Kita cakap dalam Dewan, saya simpan ini, saya simpan.

Tuan M. Kula Segaran: Di luar Dewan, di luar Dewan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ini dibangkitkan di Dewan Undangan Negeri Melaka hari ini, kita cakap dalam Dewan.

Tuan M. Kula Segaran: Dia tidak berani....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Kita cakap dalam Dewan! RM100 ribu, enam tahun simpan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah, cukuplah.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: RM100 ribu, enam tahun simpan, tidak ada siasatan! BPR tidak ada, tidak ada siasatan!

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan M. Kula Segaran: Suruh dia keluar, suruh dia keluar cakap, kalau dia berani!

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Bila kena diri sendiri, bila kena diri sendiri tidak hendak siasat! [*Pembesar suara dipadam*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup, cukup, cukuplah.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Macam mana Tuan Yang di-Pertua? Kena diri sendiri tidak hendak siasat, kena orang lain dia suruh siasat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri jawablah, cukuplah!

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Apa ini? Mana *double standard*? Ha.....

Seorang Ahli: Kena sedikit marah!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu jangan bimbang, orang Pulau Pinang kata jangan gabra ya, sebab yang jadi hakimnya rakyat, sebab itu dia kalah itu, *bulldog* itu kalah di Kota Melaka. Jadi, biar rakyat hukum, jangan bimbang, jangan ragu, *bulldog* kalah, kan? Dahulu dia duduk di sini, dia kalah. Jadi jangan bimbang ya, biar kita serahkan kepada rakyat, rakyat yang akan menentukan sama ada kita betul ataupun tidak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab itu dia kalah di Kota Melaka. Betul Sri Gading?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, betul!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okay. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan persoalan dan sebab-sebab laporan PIN tidak dibahas dan diluluskan oleh Parlimen terlebih dahulu, PIN merupakan dasar dan strategi pelan

tindakan jangka panjang ke arah pembudayaan integriti masyarakat Malaysia. Manakala IIM bertanggungjawab merancang, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan PIN secara bersama dengan pelbagai agensi kerajaan, swasta dan pelbagai sektor masyarakat.

Bagi menggubal pelan tindakan yang menjadi garis panduan ke arah pembentukan dan pengukuhan nilai murni, etika dan integriti masyarakat Malaysia, kerajaan telah melantik Ketua Setiausaha Negara sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana PIN dan IIM. Siri seminar kebangsaan ke arah pengisian PIN dan IIM telah diadakan sebagai forum konsultatif dengan pelbagai sektor masyarakat yang terdiri dari sektor awam, swasta, pertubuhan bukan kerajaan, ahli-ahli politik termasuk dari parti pemerintah dan pembangkang, golongan belia dan pelajar serta peserta-peserta pelbagai sektor di Sabah dan Sarawak.

Seminar ini bertujuan mendapatkan pandangan masyarakat bagi membentuk dasar dan strategi pembudayaan, integriti masyarakat mengikut acuan negara Malaysia. Oleh sebab PIN merupakan satu dasar dan garis panduan ke arah pembentukan dan pengukuhan integriti masyarakat Malaysia dan bukannya satu rang undang-undang, maka pembentangnya di Parlimen adalah tidak perlu. Di samping itu jawatankuasa pelaksana PIN dan IIM telah menjemput pemimpin-pemimpin dan tokoh-tokoh masyarakat bagi membincangkan *draft* PIN. PIN telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 23 April 2004.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur juga mencadangkan supaya Badan Pencegah Rasuah mewujudkan Pelan Tindakan Anti Rasuah Sepuluh Tahun. Sesungguhnya kerajaan mengambil perhatian akan cadangan Ahli Yang Berhormat itu. Pelbagai pendekatan jangka panjang telah dan sedang diambil untuk mempertingkatkan lagi usaha pencegahan dan pembasmian rasuah di negara ini. Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM17 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelapan untuk membangunkan Akademi Badan Pencegah Rasuah yang merupakan akademi yang pertama seumpamanya ditubuhkan di rantau ini. Kerajaan juga berusaha mempertingkatkan sistem penyampaian dan pengurusan semua jabatan kerajaan bagi memastikan semua ruang dan peluang rasuah serta salah guna kuasa dikurangkan dan memastikan nilai-nilai murni dihayati dan masalah rasuah dapat dibendung. Sesungguhnya usaha-usaha kerajaan sahaja tidak memadai. Justeru itu,

semua pihak daripada masyarakat dan lapisan kepimpinan perlu berganding bahu dan bekerjasama dalam usaha pemantapan dan pengukuhan integriti.

Mengenai isu 18 kes rasuah berprofil tinggi, ia telah beberapa kali dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Beberapa bulan yang lalu, beberapa kes profil tinggi telah didakwa di mahkamah.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Walau bagaimanapun, tidak semua kes yang disiasat akan berakhir dengan pendakwaan. Hanya kes-kes yang mempunyai bukti yang mencukupi akan didakwa di mahkamah. Okay Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, kalau yang disebut dalam iklan tadi bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri disamakan dengan *Justice Pao*, bukan sahaja sekarang 18 *high profile corrupting case* sudah dibawa ke mahkamah, mungkin 180 orang sudah ditangkap dan di bawa ke mahkamah, *high profile*, ikan yu. Sebenarnya senarai yang ada disebut mengenai 18 *high profile case* bukan selepas kenyataan yang dibuat masa itu, oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim masa itu, itu semua sebelumnya. Yang Berhormat Menteri masa itu kata bahawa, akan datang 18 *high profile cases* yang akan datang dan bukan sebelumnya. Bukankah ini menunjukkan bahawa tidak ada *political will* untuk kita teruskan dengan apa yang dijanjikan.

Yang kedua, mengenai BPR, adakah untuk menunjukkan ada *political will* bahawa BPR akan diberi kuasa atau dibenarkan untuk menjalankan suatu siasatan, yang menyeluruh, yang komprehensif mengenai *money politics* dalam *elections* UMNO baru-baru ini dan tidak disekat oleh kerana ada pemimpin-pemimpin UMNO yang kata bahawa perkara ini bukan perkara ACA tetapi perkara UMNO. Adakah ACA diberi kuasa, jangan dihalang, jangan disekat untuk siasat sedalam-dalamnya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebarang siasatan hanya boleh dibuat kalau sekiranya ada aduan dan cukup dengan *prima facie* punya bukti supaya dapat disiasat. Saya kira dalam soal ini, kalau sekiranya benar yang berlaku, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak akan membenarkan perkara itu berlaku sewenang-wenangnya dan UMNO tidak akan dikecualikan daripada penyiasatan yang dibuat oleh

BPR. Cuma mesti ada aduan yang dibuat bersama dengan bukti-bukti *prima facie* yang jelas menunjukkan iaitu berlaku rasuah seperti yang disebut tadi.

Sebenarnya Yang Berhormat, 18 kes ini, kita berkelahi tentang perkataan “akan” sahaja. Mungkin dalam kita berucap, kita buat kenyataan, kadang-kadang kita tersebut “akan”. Sebenarnya 18 kes itu adalah seperti mana yang telah saya sebut sebelum ini dan dalam jawapan kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timur pada 14 Julai, telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan BPR tetap memberikan jawapan yang sama. Jadi sehingga pada hari ini pun, pagi tadi lagi saya bertanya kepada pihak BPR: “Mana 18 kes itu”? Dia kata: “Yang Berhormat, yang itulah, yang kita dakwa itu”. Jadi, saya tanya: “Macam mana dengan kenyataan Yang Berhormat Datuk Rais dahulu, Yang Berhormat bagi Jelebu dahulu”? Mereka pun hendak tunggu penjelasan daripada dia.

Saya ingat adalah lebih baik Yang Berhormat, apabila ada Yang Berhormat bagi Jelebu, tanya kepada dia terus ya, sebab ini kadangkala orang membuat kenyataan, lari perkataan, sudah menjadi satu isu. Yang Berhormat pun betul, kata akan ada 18 kes. Akan itu maknanya belum.

Tuan Lim Kit Siang: Lagi 18 kes.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya? Ha, lagi 18 kes akan didakwa. Jadi perkataan itu sahaja. Sebenarnya, 18 kes itu sudah ada. Ada yang dilepaskan, ada yang didakwa. 11 didakwa termasuk Eric Chia semua. Tetapi, kalau Yang Berhormat hendak puas hati, tanya Yang Berhormat bagi Jelebulah. Saya tanya kepada BPR. Pagi tadi saya tanya lagi sebab saya tahu Yang Berhormat bagi Ipoh Timor akan datang tanya tentang 18 kes ini. Jadi, mereka akan beritahu kepada saya yang itulah Yang Berhormat, tidak ada yang lain. Sebab itu saya rasa jawapan kita adalah konsisten daripada dahulu dan kalau perlu penjelasan, tunggu Yang Berhormat bagi Jelebu masuk dalam Dewan, tanya dengan dia, itu yang paling baik. Sebab, kita tidak boleh jawab bagi pihak dia, ya. Ya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah kerajaan mengikuti atau mematuhi satu prinsip, *collective responsibility*. Bukan kita tunggu seorang Menteri menjawab, tetapi kerajaan sebagai satu kerajaan menyeluruh perlu bertanggungjawab. Yang Berhormat pun perlu dalam Kabinet tanya Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, apa kedudukan dan datang ke Parlimen untuk memberi satu jawapan bagi pihak kerajaan dan bukan kata, “Tunggu Menteri itu untuk menjelaskan apa beliau kata bagi pihak kerajaan masa itu”.

Saya harap nanti mungkin kita boleh ada satu kenyataan yang *authoritative* dalam perkara ini, kalau masa itu Menteri yang berkenaan buat satu kesilapan, pun perlu dijelaskan, bukan tunggu jawapan dia. Tunggu dia datang. Kalau dia tidak datang, apa keadaan? *Collective responsibility*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Soal dasar kita kena ada *collective responsibility*lah. Tetapi, kalau soal *detail* ini, kadang-kadang berbeza cakap. Pagi tadi pun, saya dengar Batu Gajah cakap lain, Kepong cakap lain. Kepong tidur, sekarang tengah tidur. Batu Gajah kata tidak bagus khidmat latihan, tetapi Kepong kata, "Okey". Jadi, ini biasa, politik. Jangan berbeza daripada soal dasar sudah, cukup. Jadi sebab itu Yang Berhormat jangan kaitkan saya dengan satu ucapan yang mungkin dibuat oleh Yang Berhormat bagi Jelebu, yang bukan berkait dengan soal dasar. Ini politik biasa. Saya pun boleh maafkan DAP. Batu Gajah cakap lain, Kepong cakap lain, itu biasalah. Pagi tadi berlaku ini. Apakah saya boleh kata DAP tidak ada *collective responsibility*? Saya tidak kata sebab saya faham dalam politik memang begitu. Cuma dasar, tidak berbeza. Jadi Yang Berhormat, tidak usahlah tekan saya begitu. Saya setuju *collective responsibility* kalau dasar. Yang lain itu kita cakap politik, 'poli-talk', banyak bercakap. Itu biasalah. Yang Berhormat pun cakap banyak, lima jam, tiga jam. Kemudian, akhir sekalilah saya cakap berkenaan dengan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bangkit tentang Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor ini.

Saya hendak beritahu, kita hukum dia, *conscious* kita *clear*. Saya perlu meyakinkan kepada Ahli-ahli Dewan tiga perkara sahaja. Kalau semuanya jawapan, ya, maka salahlah ia. Pertama, apakah benda ini serius ataupun tidak serius? Serius. Serius kenapa? Ini kerana, saya nombor 12, saya angkat sumpah. Waktu saya angkat sumpah, saya angkat tangan. Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor kata, yang sebelum ini tidak angkat tangan, tidak sah. Sebelum saya ini, adalah Menteri-menteri senior. Kalau betul tidak sah, bermakna bahawa mereka tidak boleh jadi Menteri pada hari ini, apatah lagi Timbalan Perdana Menteri, apatah lagi Perdana Menteri.

Sebab itu, benda ini bukan main-main. Benda ini serius. Jadi, kalau hendak dikata, adakah benda ini serius, jawapannya, ya, serius. Keduanya, saya hendak meyakinkan juga kepada Ahli Dewan Rakyat ini, iaitu apakah yang ia lakukan itu telah memesongkan Ahli Dewan Rakyat? Jawapannya, ya, sebab saya duduk di tepi ini, sebaik sahaja dia bangkit perkara itu, setiap Ahli Dewan Rakyat hendak bersumpah,

tanya kepada saya, “kena angkatkah, kena angkat?” Bermakna, bahawa beliau telah berjaya memesongkan Ahli Dewan Rakyat. Jawapan keduanya, ya. [*Dewan gamat seketika*]

Puan Teresa Kok Suh Sim: [*Menyampuk*]

Cik Fong Po Kuan: [*Bangun*] [*Menyampuk*]

Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang ketiga, Batu Gajah duduk dahulu, nanti saya bagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Menyampuk*]

Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang ketiga, saya perlu meyakinkan Ahli Dewan Rakyat di sini, apakah Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor sengaja? Saya yakin sengaja, sebab dia bukan Ahli Parlimen baru, seperti pengakuan dia sendiri. Dia adalah Ahli Parlimen yang dipilih kali keenam. Ini bermakna, dia telah hadir dalam acara angkat sumpah ini lima kali, dan dia tahu pada ketika itu bahawa, ada yang angkat tangan dan ada yang tidak angkat tangan. Jadi, kalau dia bangkitkan juga perkara ini, bermakna dia sengaja. Jadi, jawapan ketiga-tiga ini, semuanya, ya. Oleh kerana itu, kita hukumlah dia enam bulan, memang betul. Benda serius telah memesongkan dan sengaja dibuat. Jadi, oleh kerana itu saya harap tidak usahlah bangkit benda ini lagi. Saya memang yakin iaitu bahawa apa tindakan yang telah diambil terhadap Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor itu adalah tepat, patut dan memang munasabah. Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya begitu kesal sekali dengan tindakan yang diambil terhadap Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor dengan majoriti gunakan Barisan Nasional, yang juga dikenakan ke atas saya pada tahun 2001. Yang memesongkan Dewan siapa? Speaker telah memberi arahan kepada setiap Ahli Parlimen melalui satu surat....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya.

Cik Fong Po Kuan:untuk mengangkat sumpah, mengangkat tangan.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, betul.

Cik Fong Po Kuan:.....cara mengangkat tangannya. Sekarang, siapa yang kena terpesong? Barisan Nasional kerana hendak menyelamatkan air muka sahaja.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya.

Cik Fong Po Kuan: Jadi, sekarang bagaimana dengan arahan Speaker tersebut? Yang serius itu di mana? Speaker pun tidak ada mendengar apa yang

dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor. Masa itu *overrule* Bukit Gelugor. Di manakah ada elemen memesongkan di sana? Di manakah elemen serius di sana? Yang serius ialah Barisan Nasional telah menyalahgunakan kuasanya dalam Dewan ini untuk memesongkan keseluruhan Dewan ini.

Jadi, saya pohonlah kalau kita hendak selamatkan nama baik Dewan ini, kita batalkan usul yang awal itu, kita bawa satu usul baru, biar Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor balik ke Dewan ini balik. Suara rakyat kedengaran semula dalam Dewan ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat, syabas tadi mengaku kesilapan. Tetapi, kesilapan yang ini, saya haraplah biar Barisan Nasional mengakui jugalah.

Beberapa Ahli: [Sorak]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pigi dah!

Seorang Ahli: Minta maaf sahajalah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Syabas kepada saya. Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor kalau buat silap pun, mengakulah salah. Tidak mengaku, masalah dia. Lain kali, bila saya jawab, duduk dalam Dewan. Jangan waktu saya jawab, pergi keluar Dewan. Saya sudah jawab benda ini berkali-kali berkenaan dengan surat itu, yang dihantar oleh Setiausaha kepada Parlimen. Saya sudah jawab dah banyak kali. Pergi baca *Hansard*. Jadi, tidak perlulah bangkit benda ini lagi kerana saya sudah pun jawab dan semua di situ telah pun terima jawapan yang telah saya berikan itu. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit....

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri, ada sepertiga *test*, tetapi sebenarnya *test* ada dua, ialah apa yang dalam usul di dalam Dewan yang mulia ini, apabila perkara ini dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan, sama ada Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor ada buat satu kenyataan yang palsu.

Yang kedua, sama ada beliau ada memesongkan Dewan yang mulia ini? Kepada Yang Berhormat Menteri, dia ada sebab, .ada ketiga-tiga *test* beliau sendiri, dan sudah diadakan.

Tetapi, kepada Dewan ini, kepada negara ini, apa yang mustahak ialah kedua-dua *test* itu, sama ada Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor ada buat kenyataan yang palsu dan yang kedua sama ada beliau ada memesongkan Dewan yang mulia ini. Semua ahli dalam Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan dalam mesyuarat yang kedua, 10 Julai dan ini semua ada dalam *verbatim proceeding* ada mempersetujui

bahawa, kedua-dua perkara ini tidak berlaku, bahawa Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor ada buat satu kenyataan yang silap, tetapi tidak buat kenyataan yang palsu dan yang ketiga, bahawa tidak memesongkan Dewan yang mulia ini dan ini semua dalam *proceeding*.

Yang Berhormat bagi Kota Bharu ada di sini, semua Ahli Yang Berhormat dalam Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan ada di sini. Hari itu, apabila ada perbahasan, saya ada tanya Yang Berhormat bagi Mambong, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, bukankah benar bahawa pada mesyuarat 10 Julai, mereka semua bersetuju bahawa Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor tidak salah, di atas kedua-dua *test* ini. Tetapi, kenapa boleh berlaku?

Dalam mesyuarat keempat, bahawa hukuman dibuat. Inilah, saya pun tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri bertanggungjawab, ada unsur-unsur luar daripada *proceeding* mesyuarat Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan atau ada orang-orang yang lain. Tetapi bukankah ini menunjukkan bahawa Dewan ini membuat keputusan bukan atas yang benar, tetapi atas *bias*, *vindictiveness* dan sebab-sebab *extraneous* dan saya haraplah seperti Yang Berhormat bagi Batu Gajah ada sebut, bahawa perkara ini kita boleh untuk mengatasi, memulihkan nama baik Parlimen Malaysia, kita mahu ada satu institusi, satu bab reformasi yang baru, bukan sahaja di kehakiman, tetapi dalam Parlimen dan janganlah majoriti 9/10 Barisan Nasional digunakan untuk apa yang mereka suka.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dalam soal ini, kita kena meyakinkan Ahli Dewan, bukan orang luar. Macam kes Anwar Ibrahim juga. Kalau kita baca kepada hukuman pernyataan bertulis dia, ketiga-tiga hakim semua kata *sodomy* itu berlaku. Jadi, secara logiknya, sepatutnya Anwar mesti kena. Tetapi, hukumannya berbeza. Jadi, kerana apa? Kerana hakim itu merasa demikian. Jadi, kita bukan bermakna iaitu bahawa, kalau pendapatnya itu adalah A, maka hukumannya kena A, tidak semestinya. Macam orang di luar, ramai yang tidak puas hati dengan kes Anwar sebab hakim kata *sodomy* berlaku. Ketiga-tiga, bukan satu, ketiga-tiga kata. Tetapi, hukuman dia lepas. Macam mana itu, macam mana? Jadi, ini lumrah, ini biasa. Jangan kita fikirkan iaitu bahawa apa yang kita lakukan ini luar biasa. Ini biasa.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, sebab itu saya harap supaya Ahli-ahli Dewan semua faham, yang menjadi hakim kita. Yang hendak diyakini kita, bukan *Select Committee* sini, ya di sini. Jadi, sebab itu, apa juga keputusan kita buat, itu keputusan kita. Jadi, oleh sebab itu, janganlah hendak bangkit benda itu kerana ianya lumrah, malah berlaku di Mahkamah Persekutuan, mahkamah yang paling tinggi sekali. Kalau ikut keputusan, memang *sodomy* itu berlaku, tetapi dia dilepaskan. Jadi, kita hendak buat macam mana? Itu sudah menjadi lumrah, itu yang paling tinggi. Jadi, dia perkara biasa. Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, ada dua perkara. Saya rasa Yang Berhormat bersetuju dengan saya. Yang pertama, pembangkang DAP ini memang berpakat. Berpakat, berlaku dahulu Batu Gajah, diberi peluang untuk menyatakan maaf, tetapi tidak hendak. Hendak juga digantung dan berlaku lagi ini, Bukit Gelugor. Kita bagi ruang yang cukup. Yang Berhormat, saya ingin menyatakan bahawa, pada ketika itu saya benar-benar terpesong dengan ungkapan Bukit Gelugor. Dia kata tidak sah, kalau tidak angkat tangan.

Beberapa Ahli: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya mula-mula keluar, pada turn pertama saya tidak angkat tangan, tetapi terpesong oleh sebab dia seorang peguam yang dihormati, rupa-rupanya dia bodoh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Siapa percaya you akan dipesongkan ha?
[Dewan gamat seketika]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Dia, peguam yang 'bodoh' memesongkan Dewan ini. Jadi, apa hendak saksi-saksi? Sudah diberi ruang untuk minta maaf, tetapi tidak mahu minta maaf. Inilah kerenah pembangkang Yang Berhormat. Saya percaya, bukan kita menggunakan kekuatan yang ada, dengan majoriti yang banyak tetapi kita menggunakan, menghormati Dewan. Apabila Dewan dihormati, kita kena buat keputusan. Keputusannya kena digantung. Apa hendak bising-bising? Yang Berhormat, Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima sahaja. *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi Kinabatangan, memang saya bersetuju. Jadi, izinkan saya untuk meneruskan jawapan saya. Yang Berhormat bagi Bukit Gantang mencadangkan supaya hukuman bukan sahaja dikenakan kepada penerima rasuah, tetapi juga kepada pemberi rasuah. Kerajaan memandang serius terhadap perkara tersebut dan tindakan telah diambil untuk meminda Akta Pencegah Rasuah 1961 dan memperkemaskan Akta Pencegah Rasuah (APR) 1997. Antara yang ditekankan dalam akta baru ialah mengenakan hukuman yang lebih berat bersabit kesalahan memberi dan menerima rasuah. Akta Pencegah Rasuah 1997 yang dikuatkuasakan mulai 8 Januari 1998 mempunyai peruntukan untuk mendakwa pemberi dan penerima rasuah.

Kesalahan menerima rasuah diperuntukkan di bawah Seksyen 10(a) dan kesalahan memberi rasuah pula diperuntukkan di bawah Seksyen 10(b). Di bawah akta tersebut, mana-mana orang yang disabitkan dengan kesalahan memberi atau menerima rasuah boleh dikenakan hukuman, iaitu penjara tidak kurang daripada 14 hari dan tidak lebih daripada 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut yang mana lebih tinggi. Hukuman di bawah akta baru ini adalah lebih berat berbanding dengan hukuman maksimum penjara tidak melebihi lima tahun atau denda tidak melebihi RM10,000 dalam akta terdahulu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga membangkitkan beberapa perkara mengenai Parlimen berkenaan kajian semula usul pergantungan Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor. Saya ingin menegaskan bahawa keputusan tersebut sebenarnya telah dipersetujui oleh Dewan yang mulia ini. Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan sudah jelas dan ia adalah keputusan Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan syor-syor yang dikemukakan oleh jawatankuasa berkenaan. Ahli Yang Berhormat bolehlah mengemukakan usul mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat jika ingin menarik balik atau mengkaji semula hukuman tersebut supaya dapat diputuskan oleh Dewan ini.

Berkenaan dengan saranan supaya Jawatankuasa Dewan hendaklah kerap bermesyuarat, adalah dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan boleh bermesyuarat pada bila-bila masa apabila Majlis Mesyuarat tidak bersidang. Terpulanglah kepada Ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan cadangan kepada Pengerusi Jawatankuasa supaya Jawatankuasa ini bermesyuarat bagi

membincangkan apa-apa perkara berkaitan kemudahan Ahli-ahli Parlimen sekiranya perlu.

Manakala sebarang pindaan kepada peraturan-peraturan mesyuarat yang difikirkan tidak relevan boleh dibuat oleh Majlis Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat seperti yang termaktub di dalam Peraturan Mesyuarat 78, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Yang Berhormat bolehlah mengemukakan cadangan ataupun menulis kepada Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa berhubung sebarang cadangan yang difikirkan perlu seperti mana pernah dimaklumkan sebelum ini.

Berhubung siaran langsung (*live telecast*) persidangan Parlimen, pihak kerajaan masih mengkaji cadangan ini kerana ia melibatkan kos yang tinggi serta untuk memastikan kesesuaiannya. Walau bagaimanapun, kerajaan memberikan ruang sewajarnya dalam penyiaran persidangan Parlimen secara rakaman melalui rancangan 'Parlimen Hari Ini' pada setiap malam semasa Parlimen bersidang. Rancangan ini juga melibatkan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang serta tokoh-tokoh lain.

Cadangan mewujudkan jawatan Pegawai Penyelidik seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur itu, sukacita dimaklumkan permohonan ini telah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk pertimbangan dan kelulusan sewajarnya.

Berhubung dengan kata-kata kesat seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, sebenarnya ia melanggar Peraturan Mesyuarat 36(4), terpulanglah kepada Ahli Yang Berhormat untuk menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua mengenai perkara ini.

Manakala cadangan menggunakan cakera padat bagi menggantikan kertas dalam Dewan ini sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Muar, sesungguhnya kerajaan mengalu-alukan cadangan ini dan peraturan mesyuarat berkaitan akan dipinda untuk melaksanakannya.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan Sri Gading mencadangkan supaya Ahli-ahli Parlimen menguasai bahasa Malaysia dan dijadikan syarat untuk bertanding dalam pilihan raya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan berpendapat syarat-syarat kelayakan calon yang ditetapkan mengikut Perkara 47 Perlembagaan Persekutuan iaitu warganegara Malaysia berumur 21 tahun ke atas, tinggal di Persekutuan dan tidak hilang kelayakannya sudah pun memadai.

Kerajaan percaya semua Ahli Yang Berhormat menguasai bahasa Malaysia kecuali tahap kecekapannya mungkin berbeza di antara seorang Ahli Yang Berhormat dengan Ahli Yang Berhormat yang lain. Adalah menjadi tanggungjawab Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menguasai bahasa Malaysia dengan baik supaya perbahasan di Dewan yang mulia ini menjadi lebih lancar.

Mengenai cadangan supaya diadakan kursus bahasa Malaysia bagi Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak Parlimen akan merancang pelaksanaan kursus itu. Mengenai laporan pengisytiharan....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya hanya hendak bertanya Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kalau Parlimen akan merancang kursus bahasa Malaysia, siapa yang akan dihantar untuk menghadiri kursus itu? Adakah Yang Berhormat seperti Jerai yang selalu campur aduk bahasanya di dalam percakapannya, bolehkah dia juga dihantar untuk menghadiri kursus seperti ini?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya sebut tadi itu cadangan supaya diadakan kursus bahasa Malaysia bagi Ahli-ahli Yang Berhormat - semua kitalah. Semua kita. Kita akan berkursus, apa salahnya untuk kita lebih menajamkan perdebatan kita.

Mengenai Laporan Pengisytiharan Harta oleh Ahli Jemaah Menteri yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong, dimaklumkan bahawa semua Ahli Jemaah Menteri telah mengemukakan Laporan Pengisytiharan Harta masing-masing kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Berdasarkan Laporan Pengisytiharan Harta, tiada mana-mana Menteri melaporkan bahawa mereka memegang jawatan dalam Lembaga Pengarah syarikat swasta dan tidak menerima imbuhan daripada syarikat swasta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Labuan menyarankan agar kajian semula dibuat ke atas struktur organisasi Jabatan Pembangunan Sabah. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, peranan utama Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP), Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) termasuk JPP Sabah ialah memantau pelaksanaan projek yang dijalankan oleh kementerian di bawah Rancangan Pembangunan Malaysia.

JPP Sabah turut terlibat di dalam pembangunan projek di mana peruntukan diterima daripada kementerian dan agensi tertentu dan dilaksanakan sama ada oleh JPP Sabah atau disalurkan kepada Pejabat Daerah. Sebahagian besar projek berjaya dilaksanakan dan hanya sebahagian kecil menghadapi masalah kelewatan atau kegagalan. Antaranya termasuklah perubahan kaedah pelaksanaan projek menyebabkan pelaksanaan projek perlu diselaraskan semula dan ini mengambil masa.

Dalam melaksanakan projek JPP Sabah sememangnya melibatkan kerajaan negeri dan Ahli Parlimen dari aspek berikut. Ahli Parlimen dari segi permohonan projek Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah dari segi menentukan keutamaan projek dan Pejabat Daerah dan jabatan berkaitan dari segi pelaksanaan projek.

Yang Berhormat bagi Rasah mencadangkan supaya akaun Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung perlu dilaporkan kepada pihak kerajaan dan diaudit. Dimaklumkan bahawa Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU) tidak memberi peruntukan kepada JKK. Elaun JKK dibayar oleh kerajaan negeri oleh sebab institusi tersebut ditubuhkan di bawah pentadbiran kerajaan negeri. Bagi menjalankan aktiviti, JKK berusaha mendapatkan peruntukan dari perbagai sumber termasuk Ahli Parlimen. Oleh sebab JKK adalah di bawah kerajaan negeri, maka pengauditan akaunnya hanya boleh dilakukan oleh kerajaan negeri.

Yang Berhormat bagi Maran minta peruntukan khas pembinaan perpustakaan baru di kawasan Parlimen Maran. Dimaklumkan bahawa kerajaan akan mengkaji dan menimbangkan keperluan mewujudkan sebuah perpustakaan di kawasan Parlimen Maran, malah di seluruh daerah dan kawasan Parlimen negara ini. Namun dengan peruntukan yang terhad daripada kerajaan negeri khususnya Perbadanan Perpustakaan Negeri bagi setiap tahun maka kemudahan ini akan diadakan secara berperingkat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat dan Tanjong mencadangkan supaya Petronas diletakkan di bawah pengawasan Parlimen. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Petronas diperbadankan di bawah Akta Pembangunan Petroleum 1974. Kegiatan Petronas juga tertakluk di bawah Akta Syarikat 1965. Urusan syarikat termasuklah laporan dan penyata kewangan tahunannya boleh diakses dengan mudah oleh masyarakat umum. Berdasarkan

faktor-faktor tersebut didapati laporan tahunan dan penyata kewangan Petronas tidak perlu dibentangkan di Parlimen.

Mengenai dakwaan bahawa Petronas telah menjual saham di pasaran hadapan (*future market*) seperti

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai Petronas, saya difahamkan walaupun tahun dahulu telah mendapat pendapatan bersih lebih kurang RM40 bilion akan tetapi diberitahu bahawa Petronas akan mengadakan bon. Perkara ini terjadi dan kenapa satu syarikat atau satu perbadanan macam ini perlu meminjam wang bila ada profit yang sangat banyak ini?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan ahli Lembaga Pengarah Petronas namun saya harap Yang Berhormat mengingatkan saya sebentar nanti ataupun dijadikan sebagai bentuk soalan maka boleh mendapat jawapan dalam Dewan ini. Ya, Bukit Mertajam. Tak ada apa?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih saya rasa apa yang ditimbulkan oleh Ipoh Barat pun memadailah sebagai notis kepada Menteri. Jadi tidak payahlah hendak buat lagi, hendak kemukakan lagi. Ini adalah red tape dan birokrasi. Saya rasa seperti Yang Berhormat Menteri ini seorang yang berkesan boleh beri jawapan besok ataupun lusa dengan bertulis.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau hendak jawapan rasmi, kalau tidak mahu yang rasmi cakap di luarlah. Bila bercakap dalam Dewan, itu rasmi. Jadi saya rasa lebih baik dapat jawapan yang rasmi supaya angka-angka yang saya beri itu tidak silap kerana apa yang dijawab di dalam Parlimen ini adalah yang benar. Saya cadangkan supaya jadikan sebagai bentuk soalan. Ya!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi? Banyak lagi?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Panjang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Panjang lagi, jadi boleh sambunghlah pada 2.30 petang ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang dan akan disambung pada pukul 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat.***

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini disambung semula. Minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri sambung.

2.31 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Mengenai dakwaan bahawa Petronas telah menjual saham di pasaran hadapan (*future market*) seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong. Adalah dimaklumkan bahawa Petronas tidak berurusan, menjual atau membeli saham di pasaran hadapan.

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat membangkitkan isu pembangunan Pulau Tioman. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek pembinaan marina di Pulau Tioman telah mendapat kelulusan dari agensi-agensi berikut.

Tuan M. Kula Segaran: Penjelasan mengenai Petronas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu. Saya tahu ada akta-akta berkenaan dengan Petronas yang merangkumi mengenai macam mana perlu akaun-akaunnya diberitahu. Tetapi kenapa dalam zaman *transparency* dan *accountability* di mana Perdana Menteri sendiri berkata sebab itu adalah amalan yang baik.

Kenapa Petronas tidak memberi akaun-akaun dan apakah perbelanjaan dan pendapatan Petronas kepada Parlimen. Bukankah Menteri sendiri sebagai seorang

peguam, cuba pendirian ikhlas, kata terus, tidak perlu takut, berani, beritahu kepada Parlimen semua terus menerus apa yang betul-betul terjadi di Petronas.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Petronas bukan agensi kerajaan. Dia merupakan sebuah institusi yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat. Oleh sebab itu kita tidak boleh hendak bentang di sini. Tetapi segala dokumen-dokumen itu boleh diakses daripada mereka. Sebab itu, tidak berbangkit soal kita hendak membentangkan dia punya akaun-akaun di sini. Kalau Yang Berhormat mahu, terus kerana apa yang dia punya dokumen, semua *public document* yang boleh diakses. Dia di bawah Akta Syarikat, dia bukan agensi kerajaan, tidak perlu untuk dibentangkan di sini.

Kalau begitu nanti, yang lain kena bentang di sinilah, syarikat-syarikat lain punya akaun semua yang tidak ada kaitan dengan kerajaan.

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tetapi yang saya menanyakan, saya tahu syarikat yang biasa tidak perlu melaporkan kepada Dewan Rakyat. Tetapi Petronas bukan satu syarikat yang seperti lain-lain korporat. Itu adalah kepunyaan siapa? Kepunyaan kerajaan bukan? Bukankah mereka patut memberitahu *accountability* setakat itu. Sebagai seorang peguam, mesti Menteri tahu bahawa *who is the beneficial owner*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia yang pentingnya sama da dokumen itu boleh diakses ataupun tidak, jadi dengan izin *as long as it can be access from Petronas, you can write to them* dan minta dokumen itu dan kalau ada perkara yang difikirkan perlu dibahas, bawa ke sinilah. Kita tidak boleh buat macam itu sebab itu di bawah Akta Syarikat pendaftarannya. Sebab itu tidak boleh. Sebab saya peguamlah saya kata tidak boleh itu.

Kalau dia agensi kerajaan, ya, kita bentang di sini. Jadi, Pulau Tioman, Yang Berhormat ya?

Pelaksanaan projek pelaksanaan pembinaan marina di Pulau Tioman telah mendapat kelulusan dari agensi-agensi berikut iaitu:

- i. Jabatan Alam Sekitar – kelulusan *Environmental Impact Assessment* pada 6 Jun 2004,
- ii. Pejabat Daerah dan Tanah Rompin – kelulusan memulakan kerja-kerja pembinaan pada 12 Ogos 2004,

- iii. Bahagian Taman Laut, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar – kelulusan menjalankan projek pada 19 Ogos 2004.

Juru Perunding telah dilantik bagi menyediakan pelan pengurusan alam sekitar serta memantau pelaksanaan projek. Pelan tersebut telah dihantar ke Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang pada 10 Ogos 2004. Pelan Pengurusan Alam Sekitar ini perlu dipersetujui oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri sebelum kerja-kerja pembinaan dimulakan.

Lanjutan daripada isu-isu yang timbul berkenaan pembinaan projek marina di Pulau Tioman, Jabatan Alam Sekitar telah mengadakan mesyuarat pada 15 September 2004 bagi membincangkan syarat-syarat yang telah dikenakan dalam kelulusan laporan EIA. Mesyuarat tersebut juga dimaklumkan supaya tujuh syarat penting daripada 44 syarat yang perlu dikaji semula sebelum dibuat sebarang persetujuan kepada pelan pengurusan alam sekitar dan pelan lebih terperinci perlu diserahkan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk tindakan selanjutnya.

Tujuh syarat penting tersebut adalah seperti berikut:

- i. pengurusan pengawasan kualiti air di kawasan sekitar tapak projek;
- ii. tempat pengambilan *sample* untuk memantau kualiti air dikaji semula;
- iii. langkah-langkah pencegahan dan kawasan bagi mengelakkan pergerakan *silt* ke dalam laut;
- iv. pengurusan kawasan hakisan pantai;
- v. langkah-langkah untuk meminimumkan kesan ke atas terumbu karang semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan; dan
- vi. pengurusan perubahan pantai.

Jabatan Laut akan memberi taklimat berkenaan projek tersebut kepada Majlis Mesyuarat Negeri Pahang pada 29 September 2004 berikutan arahan Sultan Pahang semasa lawatan ke tapak projek pada 11 September 2004. Keputusan mengenai projek pembinaan marina ini akan diketahui selepas mendapat maklum balas daripada Majlis Mesyuarat Negeri Pahang dan persetujuan dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang mengenai pelan pengurusan alam sekitar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum ini seperti yang diperkatakan oleh Menteri, dikatakan ada 44 syarat yang dikenakan di EIA Report. Tetapi selepas itu, lebih kurang dua minggu dahulu, menteri berkenaan telah mengatakan bahawa baru-baru ini ada beberapa *new system* dalam EIA Report yang perlu dikaji balik tetapi ia tidak mengikat apa yang telah dibuat dari EIA Report Pulau Tioman. Saya rasa ini adalah suatu perkara yang sangat luar biasa kerana kalau sesuatu perkara yang mustahak dan seperti yang telah diperkatakan oleh *scientist-scientist* bahawa *rain forest of the ocean* adalah *corral line* dan satu perkara lagi kalau kita membina marina itu, ia akan mengakibatkan penghancuran kepada *corral line* tersebut. Bagaimana pelancong-pelancong datang ke sana untuk menikmati *corral line*.

Bukankah ini bertentangan dengan apa yang dari mula-mula kita ingat mengenai Pulau Tioman iaitu suatu tempat yang natural, yang cantik dan seperti yang dikehendaki oleh penduduk di sana. Adakah ia akan dikaji mengikut sistem yang baru seperti yang dikatakan oleh menteri tetapi adakah ia akan mengikut kepada sistem yang baru atau katakan ia tidak terikat kepada sistem yang baru itu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya sebut sebentar tadi iaitu keputusan mengenai projek pembinaan marina ini akan diketahui selepas mendapat maklum balas dari Majlis Mesyuarat Negeri Pahang dan persetujuan dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang mengenai Pelan Pengurusan Alam Sekitar. Pada 29 hari bulan mereka akan mendengar dan saya juga menyebut iaitu tujuh syarat yang ini mesti dikaji semula. Jadi, bermakna disuruh dikaji semula itu, suruh ikutlah. Apa juga keputusan yang akan dibuat ialah pada 29 September dan saya tidak dapat hendak menduga apakah keputusan yang akan dibuat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Mambong bangun.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap, ya. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, kita belajar daripada Kerajaan Australia – The Great Barrier Reef, sebenarnya kapal-kapal layar yang bersauh tidak terurus itu, lebih berbahaya lagi kerana apabila kapal layar ini tidak ada marina ia akan park di mana-mana sahaja. Dia akan baling sauh ke bawah dan sauh itu akan kena kepada karang-karang dan akan merosakkan karang-karang. Jadi, dia lebih banyak merosakkan kalau sekiranya tidak ada marina kerana parking yacht ini tidak terurus. Sebab itu di

The Great Barrier Reef mereka akhirnya telah mengambil keputusan untuk membina satu marina supaya jangan lagi kapal-kapal layar ini bersauh ikut sesuka hati kerana ini berbahaya - dia baling sauhnya sahaja.

Apabila diadakan marina, maka disyaratkan semua yacht ini akan bersauh di marina sahaja. Sebab itulah pentingnya marina ini, kalau tidak mereka akan merosakkan karang. Itulah sebabnya mengapa kita perlu marina ini kerana kita mendapat pengajaran daripada Kerajaan Australia yang tidak mengizinkan parking yang berleluasa begitu sahaja.

Oleh sebab itulah Yang Berhormat adalah penting kita mengadakan marina ini untuk menjaga karang-karang yang lain supaya tidak akan dibinasakan oleh yacht yang bersauh tidak tentu arah ini. Jadi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mambong, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, Mambong.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memang bersetuju bahawa marina di setiap pulau yang ada yacht ini – berjalan sana sini, memang perlu marina. Tetapi, di sekitar Pulau Tioman itu tidak adakah tempat lain di mana marina boleh dibina? Selain daripada itu, laporan EIA ini yang dibuat oleh pakar runding APEC ini ialah Lead Consultant, seorang profesor di Universiti Malaya dan apa yang disyorkannya adalah tidak munasabah. Dia mengatakan bahawa coral reef ini akan dipindahkan (relocate) ke tempat yang lain. Ini adalah satu syarat dan ini dimasukkan dalam syarat kelulusan. Tetapi ini bukanlah kementerian Yang Berhormat Menteri. [Ketawa] Ini ialah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Kementerian ini sepatutnya melihat bahawa kalau syarat yang tidak munasabah seperti ini mana boleh diterima. Lagi pun ia seorang pensyarah dari Universiti Malaya, mengapa ia membuat recommendation sebegini. Ini adalah satu recommendation yang memang tidak munasabah dan tidak baik. Mana boleh kita pindahkan coral reef. Tetapi saya memang bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Menteri bahawa marina diperlukan, dan jika ia diperlukan saya menyarankan agar detail EIA dibuat supaya satu tempat yang lebih sesuai lagi daripada tempat itu di mana marina boleh dibina. Sekian.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Mambong. Saya percaya iaitu bahawa sudah tentu kita akan memelihara khazanah negara kita. Tidak sewenang-wenangnya kita hendak merosakkan sesuatu yang telah beratus-ratus atau beribu-ribu tahun ada, tetapi keperluan itu kalau memerlukan kita membuat marina, kita kena buat untuk mengelakkan daripada kerosakan yang lebih kalau sekiranya yacht itu tidak bersauh secara terurus. Saya baru tahu syaratnya macam itu. Ini detail, saya tidak tahu. Tetapi saya percaya bahawa kita mahu menjaga khazanah negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Temerloh menyarankan supaya dasar penswastaan dikaji semula. Ditegaskan bahawa kerajaan dari masa ke semasa memberi perhatian kepada pelaksanaan dasar penswastaan dan manfaatnya kepada negara serta rakyat. Meskipun sumbangan projek-projek penswastaan kepada pendapatan negara setakat ini masih kecil, ia adalah sesuai dengan saiz projek yang diswastakan dan tidak sebagaimana di negara-negara maju yang mana saiz projek yang diswastakan adalah lebih besar.

Berhubung caj perkhidmatan yang lebih tinggi selepas penswastaan ia adalah disebabkan oleh fakta-fakta berikut:-

- (i) caj ditentukan dengan mengambil kira komponen-komponen kos yang tersembunyi ketika sesuatu perkhidmatan itu dilaksanakan oleh kerajaan. Misalnya kos pembangunan, gaji kakitangan dan kemudahan infrastruktur;
- (ii) kadar caj tidak disemak untuk suatu jangka masa yang panjang semasa perkhidmatan ini diambil alih dari kerajaan oleh syarikat konsesi. Oleh itu adalah wajar caj disemak semula semasa ia diswastakan; dan
- (iii) kos modal yang tinggi yang ditanggung oleh syarikat konsesi. Walau bagaimanapun caj yang dikenakan di negara ini masih rendah dan tidak pada tahap full cost recovery.

Berhubung mutu perkhidmatan yang tidak memuaskan pihak kerajaan menyedari akan perkara ini. Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan menggunakan Key Performance Indicators, pendekatan full cost recovery dan user pay principle bagi memastikan tahap penyampaian perkhidmatan kepada pengguna adalah lebih berkualiti.

Proses meluluskan sesuatu projek penswastaaan dan penetapan tarif merupakan perkara dasar dan teknikal serta melibatkan banyak pihak termasuk Jemaah Menteri. Oleh itu penetapan kadar tarif dengan cara membahaskannya secara terbuka melalui dialog adalah tidak wajar. Bagi projek-projek yang melibatkan obligasi, sosial dan kos modal yang tinggi, kerajaan akan meneliti kemungkinan membiayai kos modal bagi mengurangkan impak kos ke atas dasar caj atau tarif kepada pengguna.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, Sri Gading bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji. Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pada asasnya, penswastaaan ini diperkenalkan oleh kerajaan ialah untuk mengurangkan beban tanggungan kerajaan. Kita bersetuju sangatlah supaya ringan dari segi tanggungan kerajaan. Tetapi nampaknya kerajaan yang ringan rakyat yang berat. Ini yang timbul ini, kerajaan ringan rakyat pula yang terbeban. Jadi, ke mana pergi sebenarnya? Apabila kerajaan ringan rakyat jadi beban, bermakna rakyat memikul beban ini. Seperti JBA misalannya, banyaklah kalau hendak dimisalkan, makin mahal, makin mahal. Rakyat rasa bahawa penswastaaan ini menguntungkan pihak yang dapat konsesi ini tetapi rakyat terbeban. Macam mana Yang Berhormat Menteri – saya pun tahu bahawa Yang Berhormat Menteri pun berjiwa rakyat dan ada juga tanggungjawab dengan kerajaan, macam mana kita hendak selesaikan masalah ini supaya beban kerajaan itu ringan, beban rakyat juga tidak berat. Macam mana itu Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan sebentar tadi iaitu di antara sebab mengapa sekarang kos tinggi ialah disabitkan oleh kerana ada caj yang tertentu, yang telah mengambil kira komponen-komponen kos yang tersembunyi. Dulu kita subsidi, sebab itulah murah bayarannya, tetapi kerajaan tidak boleh terus-menerus untuk menanggung subsidi-subsidi yang tertentu ini kerana akhirnya dia akan membebankan kerajaan juga. Sebab itu kita fikirkan iaitu adalah lebih baik untuk kita mengurangkan beban kerajaan ini dan untuk memastikan juga supaya menerusi penswastaaan perkhidmatan yang berkenaan itu akan bertambah baik.

Jadi, saya kira soalan daripada Yang Berhormat itu tidak mudah untuk kita jawab melainkan supaya rakyat memahami iaitu selama hari ini kita membayar murah itu adalah kerana kerajaan telah memberikan subsidi yang begitu besar kepada perkara tersebut. Saya pun tidak dapat hendak memberikan satu jawapan yang tepat bagaimana kita boleh mengurangkan beban kerajaan kalau kita tidak menarik balik subsidi ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan kajian semula garis kemiskinan oleh Yang Berhormat Batu Kawan, dimaklumkan bahawa Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri sedang melaksanakan kajian semula bagi menetapkan pendapatan garis kemiskinan yang baru. Kajian ini dilaksanakan secara menyeluruh termasuk meneliti dan mengkaji cadangan-cadangan Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua serta amalan negara-negara lain sebagai panduan kepada pembentukan PGK yang lebih sesuai dan sempurna. Kajian semula ini juga mengambil kira keperluan mewujudkan PGK yang berasingan di kawasan bandar dan luar bandar. Dalam hal ini ciri-ciri seperti saiz isi rumah corak penggunaan dan perbezaan harga juga diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sekijang mencadangkan supaya pegawai-pegawai yang bertugas ketika sesi perbahasan di Parlimen diberikan elaun khas, sukacita dimaklumkan bahawa pada masa ini kerajaan telah pun menetapkan kadar dan syarat bagi seseorang pegawai menuntut elaun kemudahan dan bayaran semasa menjalankan tugas rasmi di luar ibu pejabat. Sehubungan ini jenis-jenis elaun yang layak dituntut oleh pegawai-pegawai yang bertugas di Parlimen ialah elaun harian sekiranya bertugas melebihi lapan jam tetapi kurang daripada 24 jam dan elaun perjalanan sekiranya bagi menggunakan kenderaan sendiri atau pengangkutan awam.

Pegawai-pegawai yang bertugas di Parlimen adalah mewakili kementerian masing-masing dan kehadiran mereka adalah merupakan sebahagian daripada tugas dan tanggungjawab supaya pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dapat dijawab dengan tepat. Memandangkan pegawai-pegawai ini boleh menuntut elaun bertugas rasmi di luar ibu pejabat, maka cadangan pemberian elaun khas untuk mereka adalah tidak sesuai dipertimbangkan pada masa ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekijang.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentang elaun khas ini, sememangnya

mereka ada menerima elaun-elaun sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Tetapi yang saya cadangkan di sini ialah tentang satu elaun iaitu turut hadir di dalam mesyuarat yang mana elaun-elaun yang lain itu adalah memerlukan syarat-syarat sebagaimana yang dikatakan tadi bertugas lapan jam dan kilometer juga saya rasa sama ada saya pun tidak pasti sama ada 25 kilometer ataupun 32 kilometer, baru seseorang itu layak untuk menuntut elaun harian, tetapi kalau kurang daripada itu maka mereka tidak layak untuk menuntut elaun-elaun yang disebutkan tadi. Jadi, oleh kerana kadang-kadang bertugas sampai empat atau lima jam, jadi tidak melayakkan mereka ini untuk menuntut elaun sebagaimana yang di sebutkan tadi. Jadi yang ini saya mohonlah pertimbangan supaya mereka ini juga boleh menuntut elaun turut hadir di dalam mesyuarat Dewan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab sebentar tadi, tetapi walau bagaimanapun saya percaya kalau permintaan ini dibuat maka kita mintalah kepada JPA untuk mempertimbangkan kerana mereka sudah tentu mempunyai apa yang dikata kaedah-kaedah tertentu, bukan senang untuk kita hendak memberi elaun ataupun mewujudkan jawatan kerana apabila ada sahaja elaun ini diberi maka dia terpaksa mengubahkan semua struktur yang lain juga, maka sebab itu saya kira apa yang JPA buat ini ialah mengambil kira di waktu ini untuk mengelak daripada berlaku penstrukturan semula dalam soal pemberian elaun ini. Ia tidak semudah itu maknanya kalau bagi kepada pegawai-pegawai, nanti yang lain-lain pun kena, dia ada chain reactionnya, ya sebab itu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:kita kena fikir betul-betul dan timbang betul-betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading bangun lagi, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sri Gading, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau hendak suruh JPA semak, JPA ini terkenal memang tahi hidung masin, memang tidak akan lulus. Saya merayulah bagi pihak pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam Parlimen yang mulia ini. Satu perkhidmatan yang saya rasa azab bagi mereka ini, kena duduk daripada pukul 10.00 hingga 5.30 hendak ketawa tidak boleh, bercakap tidak boleh, hendak bangun tidak

boleh, hendak duduk tidak boleh, azab. Dengar pula macam-macam Ahli Parlimen, kadang-kadang ialah azablah ini, saya ada beberapa kawan, dia punya azab. Jadi, saya setuju dengan Yang Berhormat rakan saya Sekijang ini, supaya Yang Berhormat Menteri, saya ingat setuju, Yang Berhormat Menteri hati lebih kurang saya jugalah, orang jenis baik ini. Kita merayulah bagi pihak Parlimen, bagi elaun khas atas khidmat mereka [*Tepuk*] yang begitu setia kepada Parlimen, begitu berat tanggungjawab mereka.

Jadi di Dewan yang mulia ini, takkanlah hendak samakan elaun dengan tempat-tempat yang lain, supaya dapatlah kiranya Yang Berhormat Menteri, setuju dengan saya, saya ingat Yang Berhormat Menteri jawab setuju sajalah. Jadi kita bagi pihak Parlimen ini mohonkanlah supaya dipertimbangkan elaun khas yang agak lebih munasabahlah, jangan disamakan kedudukan mereka yang berkhidmat di luar daripada Dewan yang mulia ini. Ini tempat yang tertinggi di negara kita, jadi bagi mereka penghormatan dengan memberikan imbuhan yang munasabah. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Saya fahamlah rayuan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tetapi seperti mana yang telah saya sebut sebentar tadi iaitu kita menguruskan kewangan negara dan sedikit apa yang dikatakan pertukaran yang berlaku, ia bukan RM100, RM200 ia akan sampai berjuta, jadi sebab itu apa juga yang hendak kita fikirkan kita kena memastikan bahawa kedudukan kewangan kita itu boleh menampung pertukaran baru dalam pemberian elaun ini dan saya sebut sebentar tadi iaitu kalau ini diadakan pertukaran sedikit maka perlu juga kena mengambil kira elaun-elaun lain yang diberikan oleh kerajaan. Caranya begitu Yang Berhormat, caranya begitu, kita tidak boleh hendak elak daripada itu.

Macam Yang Berhormat jugalah, kita hendak bagi dia gaji sama taraf Timbalan Menteri, gaji dia, dia punya Timbalan Speaker ini tetapi ia menyebabkan akan berlaku juga sedikit pertukaran kepada jawatan-jawatan lain. Jadi itu yang problem ini, dia tidaklah semudah apalah salahnya kita semua hendak bagi elaun khas, kalau elaun khas itu diberi maka dia akan juga dituntut oleh mungkin tentera, polis yang mereka buat kerja-kerja kata polis pun jaga keselamatan di depan sana, kena bagi juga elaun khas kalau diberi kepada pegawai lain, jadi dia melibatkan chain reaction, jadi dia tidak semudah itu dan financial implicationnya berjuta.

Sebab itu saya kira JPA telah pun melihat perkara ini dan pada hari ini telah membuat keputusan iaitu adalah tidak sesuai dipertimbangkan pada masa ini, tetapi mana tahu insya-Allah, kalau tahun hadapan atau dua tahun lagi, kalau boleh kita bagilah, tidak ada salahnya. Ini pegawai saya juga, saya Menteri. Ini pegawai saya juga takkan saya tidak kesian, kalau Ahli Parlimen kesian, nyaris-nyaris dia Menteri ini, sebab Johor sudah banyak, sebab itu dia tidak dapat jadi Menteri. Jadi saya pun sehati sejiwa dengan dia, sama juga perasaannya tetapi bila sudah duduk dalam kerajaan kita tahu tentang sebenarnya pengurusan dalam kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sekijang juga mencadangkan supaya Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dikaji semula. Kerajaan menyedari isu dan masalah yang dibangkitkan. PTK bertujuan mengukur dan menilai pencapaian pegawai ke arah kecemerlangan. Pada masa ini Jabatan Perkhidmatan Awam sedang membuat kajian menambahbaikkan kaedah pelaksanaan PTK tanpa menjejaskan matlamat PTK. Kajian tersebut mengambil kira maklum balas dan pandangan daripada pelbagai pihak.

Cadangan penambahbaikan ini akan meliputi aspek-aspek seperti pelaksanaan, tempoh dan pemarkahan PTK.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Mambong bangun lagi, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mambong, Alam sekitar atau apa?

Dr. James Dawos Mamit: *[Ketawa]* Ini tentang PTK, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memang kagum dengan Yang Berhormat Menteri kerana baik hatilah dengan pegawai-pegawai yang ada duduk dalam sini. Kalau Yang Berhormat Menteri boleh membuat keputusan saya rasa memang pegawai senang hati, duduk 12 jam pun boleh di belakang itu. Saya ingin merujuk tentang tahap penilaian kecemerlangan ataupun PTK.

Saya difahamkan bahawa seseorang pegawai sebelum beliau menduduki peperiksaan, dia kena menghadiri kursus selama tempoh tiga bulan bagi setiap seorang pegawai. Selepas menghadiri kursus, barulah dia boleh menduduki peperiksaan PTK ini. Tetapi di dalam markah PTK ini hanya 20% sahaja daripada bilangan mereka yang menduduki peperiksaan. Itulah tadi apabila Yang Berhormat

sebut bahawa kajian semula memang sedang dijalankan. Saya pun merasa senang hati mendengar tentang perkara itu. Saya berharap kajian yang dijalankan janganlah membazir semacam ini. Kerana kalau seorang pegawai menghadiri kursus selama tempoh tiga bulan bermakna dia hanya bekerja sembilan bulan dalam masa setahun.

Bayangkan kalau ramai dari sebuah jabatan yang menghadiri kursus tersebut, tambahan lagi yang gagal ini 80%, kenapa tinggi sangat peratusan yang gagal ini? Inilah yang kita ingin bertanya dari JPA. Sekian Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Peratusan tinggi gagal itu bermakna peperiksaan itu *standardnya* tinggi, sebab apabila lulus itu, boleh naik pangkat dan gaji di bayar lebih. Jadi, saya agak curiga juga kalau kadar kelulusan sampai 90%, saya ingat itu lebih baik tidak usah ada peperiksaan. Walau bagaimanapun, saya bersetuju dengan Yang Berhormat sebutkan tadi bahawa kita kaji semula dan cuba menambahbaikkan sistem ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu pengiktirafan ijazah yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sekijang, sukacita dimaklumkan bahawa pengiktirafan kelayakan profesional yang dibuat oleh Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTPPK) adalah selaras dengan badan-badan profesional. Ini bagi membolehkan pemegang-pemegang kelayakan berdaftar dengan badan-badan berkenaan dan seterusnya dapat mengamalkannya sama ada di sektor awam atau swasta.

Bagi bidang kejuruteraan pengiktirafan oleh kerajaan adalah tertakluk kepada akreditasi yang diberikan oleh Lembaga Jurutera Malaysia (LJM). Setakat ini LJM dan JTTPK bukan hanya mengiktiraf Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer malah mengiktirafkan kelayakan-kelayakan Ijazah Sarjana Muda *Software Engineering* dari pelbagai universiti dari luar negara. Antaranya *University of Manchester, Pfeiffer University, University of Nottingham, Oxford Brooks University, University of Newcastle upon Tyne, Australian National University, Curtin University of Technology*, RMIT, ini bukan RMIT Sabah, ini RMIT *University, University of South Wales* dan banyak lagi.

Kemudian kelayakan Sains Komputer *Software Engineering* dari *Hertfordshire University United Kingdom* adalah dianugerahkan *Bachelor of Science (B.Sc)*. Kebanyakan adalah diiktirafkan oleh kerajaan setaraf dengan *B.Sc* dari universiti tempatan, tetapi tidak diiktiraf sebagai kelayakan kejuruteraan oleh Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) oleh kerajaan.

Tuan Baharum bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekejap, bolehkah Yang Berhormat.

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada di antara universiti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi yang mengiktiraf hanya Sains Komputer sahaja tetapi tidak mengiktiraf *software engineering* iaitu kalau boleh saya sebutkan semula iaitu *University Hertfordshire di United Kingdom* di mana yang peliknya universiti ini tidak mengeluarkan B.Sc Komputer Sains (*Software Engineering*) tetapi universiti ini mengeluarkan terus kepada bidang yang pelajar itu ikuti iaitu contohnya kalau *B.Sc Software Engineering* dia terus kepada *Software Engineering* tetapi yang diiktiraf oleh JPA ialah B.Sc Komputer Sains dan mesti ada (*Software Engineering*) kalau tidak, tidak diiktiraf. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya mungkin tidak sedar tetapi saya percaya bahawa JPA mungkin telah pun mengambil maklum tentang perkara ini. Jadi, saya harap pegawai mencatat apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sekijang ini dan saya akan memberi penjelasan kepada Yang Berhormat.

Pengiktirafan kelayakan oleh kerajaan bertujuan untuk memenuhi keperluan dan perlantikan dalam perkhidmatan awam. Oleh itu pengiktirafan oleh kerajaan adalah berdasarkan penilaian yang dijalankan kepada kelayakan dan bukannya kepada institusi. Dengan kata lain kerajaan lebih menekankan kepada kesesuaian dan kualiti kelayakan yang dikeluarkan dan bukannya nama atau kedudukan sesuatu universiti.

Pertimbangan dan penilaian sesuatu kelayakan bergantung kepada program pengajian yang dijalankan oleh IPTA tempatan atau yang dipohon oleh IPT luar negara tanpa mengambil kira sama ada ia berbentuk umum atau khusus. Dalam keadaan tertentu, kerajaan juga mencari dan mengenal pasti kursus-kursus yang bersesuaian di IPT luar negara untuk dinilai bagi tujuan penghantaran pelajar-pelajar Malaysia.

Oleh itu adalah tidak benar bahawa kerajaan hanya mengiktiraf kursus-kursus umum sahaja. Tidak timbul isu negara tidak dapat bersaing di peringkat antarabangsa dan pihak jentera pelaksana tidak memahami aspirasi pucuk pemimpin negara kerana penilaian dan pengiktirafan kelayakan dibuat berdasarkan sistem jawatankuasa.

Selaku Pengerusi JTPPK, Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi dan ahli-ahlinya yang terdiri daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Naib-naib Canselor Institusi Pendidikan Tinggi Awam, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, Ketua Pengarah Kerja Raya, Ketua Pengarah Kesihatan dan Ketua Pengarah Pertanian sentiasa mengambil kira faktor-faktor berkenaan dalam menggubal dasar-dasar pengiktirafan dan mempertimbangkan sesuatu kelayakan untuk diiktiraf.

Dalam urusan penilaian dan pengiktirafan, Bahagian Latihan Jabatan Perkhidmatan Awam bertindak sebagai Urusetia JTPPK yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi. Sebagai Pengerusi JTPPK, Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi memahami akan kehendak dan keperluan negara untuk bersaing di peringkat antarabangsa. Malah JTPPK juga dijadikan salah satu forum untuk membincangkan agenda ini dan ia amat sesuai serta menggalakkan kerana ahli-ahlinya terdiri daripada ketua-ketua jabatan yang strategik dan Naib-naib Canselor IPTA yang arif akan keperluan pembangunan sumber manusia dari aspek pembangunan, kemahiran, teknikal dan akademik.

Oleh itu kedudukan Urusetia JTPPK di Bahagian Latihan JPA tidak menjejaskan fungsi dan tanggungjawab JTPPK. *Set up* sekarang adalah relevan apabila pengiktirafan kelayakan dikaitkan dengan perlantikan dalam perkhidmatan awam dan bagi memastikan penajaan pelajar-pelajar hanya ke universiti-universiti yang kelayakannya diiktiraf. JPA dapat memainkan peranan utama dalam kedua-dua perkara ini. Mengenai syor supaya pengurusan biasiswa dipindahkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi, kerajaan berpendapat pengurusan biasiswa perlu dikekalkan di JPA bagi tujuan memastikan bekalan sumber manusia untuk sektor awam mencukupi dan mempunyai kelulusan yang bersesuaian dengan bidang-bidang yang diperlukan oleh perkhidmatan awam.

Ahli Yang Berhormat bagi Pontian mencadangkan supaya jawatan utama sektor awam JUSA hendaklah terbuka kepada semua skim perkhidmatan termasuk golongan profesional. Dimaklumkan bahawa pengwujudan JUSA bagi sesuatu skim perkhidmatan adalah berasaskan kepada fungsi dan tanggungjawab yang perlu dijalankan. Dalam perkhidmatan awam terdapat skim-skim perkhidmatan seperti pegawai perubatan, jurutera, akauntan, kastam, pegawai kaji cuaca, juru audit, pegawai alam sekitar yang telah diperuntukkan JUSA pada Gred 'C' dan ke atas.

Contohnya Ketua Pengarah Kerja Raya, Ketua Pengarah Kesihatan dan Peguam Negara.

Dengan itu dakwaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu adalah tidak betul. Yang Berhormat bagi Bukit Bintang mencadangkan supaya lebih banyak peluang diberikan kepada bukan bumiputera bagi memegang jawatan termasuk jawatan kanan dan tinggi dalam perkhidmatan awam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem pentadbiran awam yang diamalkan sekarang memberi layanan dan peluang yang sama kepada bumiputera dan bukan bumiputera untuk memegang jawatan tinggi dan kanan dalam bidang profesional di sektor awam.

Pengisian jawatan tinggi dan kanan dalam sektor awam tidak berasaskan kepada kaum, tetapi dibuat berdasarkan kelayakan, pengalaman, tahap kecekapan dan kebolehan serta prestasi seseorang pegawai dan minat.

Bilangan bukan bumiputera kurang memegang jawatan tinggi dan kanan, bukanlah disebabkan oleh kelemahan sistem pentadbiran awam, tetapi disebabkan kurangnya sambutan mereka di peringkat permohonan kemasukan ke sektor awam. Oleh itu pelbagai strategi dan mekanisme yang sentiasa diusahakan bagi menarik minat golongan bukan bumiputera menyertai perkhidmatan awam. Strategi dan mekanisme yang diguna pakai pada masa kini adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan iklan dan promosi pengambilan yang lebih menarik dengan cara menjelaskan spesifikasi pekerjaan, gaji, elaun dan kemudahan yang ditawarkan serta peluang kemajuan kerjaya bagi memberi maklumat dan seterusnya menarik minat calon untuk memohon sesuatu jawatan dalam perkhidmatan awam; dan
- (ii) mengguna media massa yang lebih luas sebarannya seperti akhbar dan pendaftaran calon secara *online* bagi menyebarkan maklumat mengenai sesuatu jawatan.

Tuan M. Kula Segaran: *[Bangun]*

Tuan Liow Tiong Lai: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada dua yang bangun Yang Berhormat. Ipoh Barat dan Bentong.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Yang di-Pertua, cantik apa yang diberitahu oleh Menteri bahawa bukan bumiputera ini yang tidak ingin dan....

Puan Chong Eng: Tidak minat!

Tuan M. Kula Segaran:tidak berminat dalam *civil service*. Sebenarnya *the reality of the ground is not like that* dengan izin, saya di antara bukan bumiputera dan ramai di antara bukan bumiputera merasa bahawa mereka tidak ada peluang untuk memasuki *civil service*. Walaupun ada beberapa kriteria-kriteria yang dikatakan oleh Menteri, ini semua nampaknya bukan benar, *I mean*, dengan izin *I don't want to say that you are the liar but the reality among the non-Malays is they feel*, dengan izin tidak mahu birokrasi, tidak ingin memberi peluang kepada bukan bumiputera. *That is the reality* Menteri, *maybe* Yang Berhormat dapat jawapan dari birokrasi di sini, tetapi nampaknya tidak betul. Mungkin ada satu siasatan mengenai perkara itu kerana saya sendiri apabila bercakap dengan ramai di antara bukan bumiputera di *civil service*, mereka berkata, "*you see*" dengan izin, *when I retire no more thambi around here!*

Begitu, *that's it, this is the last, that is the general feeling*. Atau jikalau seorang yang diambil *as the office boy or as a clerk only*. Apa pandangan Menteri, adakah tindakan susulan akan diambil untuk mengatasi masalah *the reality*?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan layak dan pegawai kerajaan pun bukan layak. Saya masih ingat semasa saya mula-mula menjadi Menteri, kita telah membangkitkan tentang soal betapa perlunya di dalam perkhidmatan awam kerajaan mesti ada mereka yang datang daripada kaum-kaum lain. Kita tidak mahu melihat hanya orang Melayu sahaja dan perkara ini dibangkitkan berkali-kali. Sebab itu ada arahan daripada Jemaah Menteri untuk ambil sebenarnya, cari, *seek them out* untuk mereka bekerja dengan perkhidmatan awam dan ini dilakukan. Tetapi kalau sekiranya sambutan daripada yang bukan Melayu itu tidak menggalakkan hendak buat macam mana? Saya beri contoh, sewaktu saya jadi Menteri Pembangunan Usahawan, MARA bawah saya, MRSM, saya buat keputusan dan mencadangkan kepada Jemaah Menteri untuk buka 30% kepada bukan bumiputera. Saya kena marah daripada orang-orang Melayu, tetapi saya buka. Tahun pertama tidak ada sambutan dan di antara alasan yang telah diberikan kepada saya ialah kerana mereka merasakan iaitu kalau setiap MRSM itu ada 30 dan daripada setiap itu ambil 30%.

Jadi kumpulan ini kecil, jadi mereka merasa takut untuk pergi kerana Melayu terlalu ramai. Maka saya katakan kita tukar, alih, kita alih, di mana kita jangan letak di semua MRSM, kita pukul rata berapa, 30% sebenarnya pelajar kalau kata ada 1,000 penuntut, 30% maknanya 300. 300 itu saya kata kita letak dalam dua, tiga MRSM supaya jumlah bukan bumiputera itu juga besar supaya mereka tidak merasakan mereka kecil, itu kita buat. Dahulu kita ambil daripada sekolah kebangsaan, saya kata jangan ambil sekolah kebangsaan ambil juga daripada sekolah Cina, sekolah Tamil ambil, kita ambil. Tetapi hari ini kita dengar dan saya merasa dukacita, saya dengar kenyataan yang dibuat oleh Ketua Pengarah Mara mengatakan sambutan daripada bukan bumiputera untuk masuk MRSM adalah begitu dingin sekali setelah tiga tahun. Kita buat macam-macam, saya yang buat, buat apa saya hendak tipu, saya cakap betul, saya buat.

Tetapi beginilah sebenarnya perasaan orang bukan bumiputera terhadap tempat-tempat yang adalah kerajaan. Mereka sendiri merasakan iaitu bahawa dalam perkhidmatan awam, dia rasa mungkin daripada segi orang kata budaya mereka tidak suka dalam kerajaan. Saya difahamkan, betulkah atau tidak, saya tidak tahulah, kalau macam tenterakah, Polis Diraja Malaysiakah yang beruniform ini, orang-orang Cina contohnya dia tidak suka. Jadi ini mungkin *cultural*, saya tidak tahu. Jadi sebab itu saya hendak beritahu memang kita mahu buka, saya sendiri cakap dalam Jemaah Menteri, saya kata kita tengok dalam perkhidmatan awam ini sebagai perkhidmatan awam Melayu, kita hendak lebih ramai rakyat Malaysia, Iban, Kadazan, Cina, India, yang ini kita buat, buat apa saya hendak tipu, memang ada arahan supaya diambil *seek them out*, tetapi kalau sambutannya dingin, macam mana kita hendak buat, kita tidak boleh paksa orang.

Tuan Liow Tiong Lai: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun Yang Berhormat, ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hah, Bentong, Bentong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bentong, sila.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang pada satu ketika telah pun menunjukkan *political* komitmennya untuk memastikan MRSM, kemasukan pelajar-pelajar bukan bumiputera dapat ditingkatkan

dengan mengumpulkan pelajar-pelajar bukan bumiputera di lima institusi MRSM ini. Ini satu usaha yang menunjukkan bahawa fleksibiliti yang ada untuk membolehkan pelajar-pelajar bukan bumiputera minat masuk ke MRSM.

Itulah caranya kita menyelesaikan masalah dan saya hendak beritahu Yang Berhormat Menteri, kita yakin bahawa pada masa-masa akan datang ramai lagi pelajar-pelajar bukan bumiputera akan masuk ke MRSM. Pada hari ini sudah ada 200 lebih memasuki lebih baik daripada dulu yang ada hanya beberapa puluh orang sahaja, kurang daripada 10 orang, saya dapati pada satu ketika, tetapi pada hari ini kita buat lawatan ke MRSM Muar baru-baru ini, kita dapat lihat bukan bumiputera yang ada di sana cukup selesa dan ucap terima kasihlah kepada usaha Yang Berhormat Menteri untuk menambahkan bilangan bukan bumiputera di MRSM.

Tambahan lagi, itulah yang saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dari segi penambahan kakitangan bukan bumiputera di Jabatan Perkhidmatan Awam, ini saya rasa sudah menjadi kenyataan bahawa bilangan bukan bumiputera di perkhidmatan awam semakin hari semakin menurun dan kita perlu satu komitmen. Prosedur komitmen yang benar-benar untuk meningkatkan bilangan ini, untuk memastikan bahawa semua garis panduan, dasar-dasar dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan ini dapat berjalan dengan baik dan salah satu langkah yang ingin saya tanya pendapat Yang Berhormat Menteri bahawa satu ketika kita memberi banyak biasiswa kepada pelajar-pelajar bukan bumiputera. Selepas mereka belajar kita pastikan mereka berkhidmat di JPA selama 7 tahun ataupun lebih, tetapi yang anehnya biasiswa diberi kemudian selepas dia belajar JPA lepaskan mereka begitu sahaja tidak beri mereka kerja di JPA. Apa sebenarnya yang berlaku dan mengapa begini, adakah kerajaan kita betul-betul komited untuk memastikan bahawa bukan bumiputera dapat berkhidmat di JPA?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu macam mana hendak letak kereta lembu dahulukah, lembu dahulu? Hah, macam mana dua-dua, kalau dua-dua tidak berjalan, lembu seekor sahaja yang berjalan, kereta tidak berjalan, tidak boleh jadi yang mana satu? Ada orang kata, bahawa mungkin orang bukan Melayu tidak mahu masuk kerana suasana itu Melayu, jadi mereka tidak mahu masuk, jadi macam mana hendak buat, macam mana? Sebab saya pun tahu, saya minta cadangan daripada pihak bukan Melayu, bagaimana hendak menarik perhatian orang bukan Melayu untuk masuk dalam perkhidmatan

awam. Saya hendak beritahu di sini Kabinet tidak suka ini, perkhidmatan awam yang begitu Melayu ini, kita tidak suka, kita hendak Malaysia. Kita komited untuk mengisi dalam perkhidmatan awam ini dengan pegawai-pegawai dan kakitangan bukan Melayu, *this is not a Malay government, this is Malaysian government*, ini kita kena faham sebab itu saya minta, ini bukan cakap kosong. Saya minta supaya dicadangkan.....

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, nanti sekejap. Saya beri. Kita minta supaya tolonglah beritahu macam mana hendak menarik perhatian orang bukan Melayu untuk bekerja dalam perkhidmatan awam ini.

Soal dilepaskan mereka yang dapat *scholarship* JPA. Ini bukan sahaja berlaku kepada pelajar bukan Melayu, yang Melayu pun kena juga, lepas. Saya pun terkejut, iaitu orang yang telah dihantar kemudian bila dia balik, dia lepas. Melayu dan bukan Melayu.

Mungkin mereka ada sebab mereka, mengapa, tetapi ini luar daripada pengetahuan saya, tetapi mungkin saya boleh minta supaya pegawai mencatatkan dan berikan jawapan mengapa kalau kita telah pun beri biasiswa kepada pelajar-pelajar, tidak kira Melayu atau bukan Melayu, mengapa kita lepaskan dia selepas kita belanja banyak duit dalam perbelanjaan persekolahannya? Mengapa? Saya hendak jawapan ini diberi kepada Yang Berhormat bagi Bentong kerana dia tanya dalam Dewan ini. Sila Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, memang itu isu yang dikemukakan ke hadapan kita satu isu yang sangat serius dan saya sangat suka hati bahawa Yang Berhormat Menteri berkata bahawa kerajaan serius dalam menangani isu ini. Isu ini bukan statik, bukan berlaku sekarang sahaja. Ini sudah berlaku 20, 30 tahun, selepas NEP di mana tentulah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa selepas 20, 30 tahun, apa yang kita lihat ialah bukan sahaja kita tidak boleh mencapai satu keadaan di mana Jabatan Perkhidmatan Awam lebih *multiracial*, tetapi lebih *monoracial*.

Bukan lebih *multiracial* tetapi lebih *monoracial*, itu yang berlaku bukan sekarang tetapi lebih 20, 30 tahun. Ini perlu diberhentikan, *diarrestkan* supaya kita ada satu Malaysian agenda, bukan sahaja satu agenda, agenda *Malaysian*. Soalnya sekarang ialah, sama ada kita rela khasnya kerajaan, rela untuk menangani isu ini untuk mencari sebab musabab dan adakah formula-formula boleh diatasi. Kalau rela mungkin satu

cadangan boleh dibuat iaitu adakan satu pilihan raya, adakan satu jawatankuasa Parlimen, semua parti.

Kalau semua parti bersetuju bahawa ini satu masalah yang perlu diatasi, kita boleh bekerjasama untuk mencari masalah ini. Adakah ini satu cadangan yang boleh di fikir dan boleh diterima, satu *Parliamentary Committee, all-party Parliament Committee* untuk mencapai satu perkhidmatan awam yang benar-benar *multiracial*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita tidak usah bincang-bincanglah, kita buat teruslah. Memang kita buat sekarang ini. Iklan dikeluarkan juga di dalam surat-surat khabar. Surat khabar Cina, surat khabar Tamil – keluar, tetapi dia tidak mahu, hendak buat macam mana. Jadi, sebab itu saya hendak beritahu bahawa kita komited. Perkhidmatan Awam Malaysia, ini tahun 2004, ya, kalau beritahu kepada saya, seorang Melayu beritahu saya, kata pergi halau Cina dan India keluar dari negara ini, saya akan marah Melayu itu. Ini bukan tahun 40, 50, 60, 70. Ini tahun 2004. Kita semua rakyat Malaysia.

Saya lebih rela, kita lebih rela membela rakyat Malaysia keturunan Cina dan India, daripada rakyat bukan Malaysia yang datang daripada Indonesia. Tidak ada sebab mengapa kita hendak rasa kita dekat dengan mereka. Mereka bukan warganegara sini, dia bukan rakyat Malaysia. Apa perlu kita hendak tolong mereka? Saya hendak beritahu, langsung saya tidak ada perasaan persaudaraan dengan orang-orang bumiputera daripada Indonesia ataupun Filipina, malah saya lebih rapat dengan Cina dan India yang datang ke Malaysia. *[Tepuk]*

Ini kita hendak kena – ini serius benda ini, bukan main-main. Sebab itu saya harap supaya tolong bantu, kalau sekiranya kita telah buka, kita buka, tolong bantu cari mereka, tidak payah kita ada suruhanjaya, hendak bincang apa. Soalnya hendak tambahkan orang bukan Melayu dalam perkhidmatan awam. Jadi, kita buat kerjalah, tidak payah bincang lagi, buat sahaja.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangun.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, kena bantu semua. Semua di sini, Dewan Rakyat di sini, semua kita kena bantu untuk memperbanyakkan pegawai-pegawai dan kakitangan bukan Melayu dalam perkhidmatan awam. Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila.

Puan Chong Eng: Memang kami selalu membantu dengan memberi cadangan yang boleh dilaksanakan. [*Disorak*] Saya rasa seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa beberapa usaha telah dilakukan tetapi tidak berhasil. Itu bermakna bahawa langkah-langkah ini tidak berkesan, jadi patutlah mencari langkah yang lebih berkesan. Bukankah Barisan Nasional ini boleh. Mengapa dari segi ini nampaknya kurang boleh?

Saya hendak cadangkan dahulu dikatakan jurang di antara Melayu dan bukan Melayu sangat jauh, jadi ada satu langkah, satu formula untuk meningkatkan atau menyeimbangkan keadaan ini, sekarang jurang kakitangan kerajaan di antara Melayu dan bukan Melayu juga telah jauh sangat. Jadi, saya rasa formula yang sama boleh *apply*. Mengapa masih kata menggunakan negara kita *treat them as equal*. Di keadaan sekarang kalau di dalam *gender* punya dasar, polisi, ia akan terus menekan jurang yang lebih jauh di antara *gender*.

Jadi, ia mesti ada satu *gender positive* punya dasar. Jadi, di sini saya rasa kalau kita betul-betul hendak imbangkan bilangan Melayu dan bukan Melayu di dalam sektor awam, jadi, saya rasa formula yang sama boleh dipakai. Kita pentingkan pengambilan orang bukan Melayu di dalam sektor awam. Ini senang sahaja. Jadi, mengapa tidak boleh pakai? Ini yang pertama.

Yang kedua, rungutan yang saya selalu dengar ialah kenaikan pangkat yang tidak mengikuti meritokrasi. Saya dengar banyak kali bahawa di dalam universiti pun, seorang bukan bumiputera, dia seorang pensyarah di sana, muridnya sudah keluar pergi ke luar negara, sudah balik dan terus naik pangkat di atas beliau. Beliau masih di tempat itu.

Jadi, perkara seperti ini telah melemahkan semangat orang bukan Melayu untuk terus kekal di dalam kerajaan. Saya harap Yang Berhormat Menteri kalau katakan sangat jujur, dilihat dia juga berkomited, saya harap beliau akan lebih memahami keadaan yang sebenar dari akar umbi supaya kita lihat ada betul-betul Barisan Nasional ini ada agenda bangsa Malaysia dan bukanlah agenda Melayu sahaja. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya lima tahun duduk di dalam Jemaah Menteri ini, dari tahun 1999, saya tidak pernah tengok pun cadangan DAP berkenaan hendak memasukkan bukan Melayu di dalam

perkhidmatan awam. Tidak pernah saya tengok. Saya percaya kalau ada memang kita bincang punya dalam Jemaah Menteri ini.

Jadi, yang pertama tidak ada cadangan daripada DAP. Keduanya, bercakap tentang orang yang hendak menggunakan sistem kita menarik orang bukan Melayu dalam swasta, gunakan untuk dalam perkhidmatan awam, takkan sama, gajinya berbeza. Orang akan berminat kepada gaji yang tinggi. Orang tahulah dalam kerajaan ini kalau dibandingkan dengan swasta, gajinya tidak tinggi, sebab itu dia orang tidak berminat.

Jadi, yang ketiga, berkenaan dengan apa yang dikatakan orang yang tidak naik pangkat. Saya rasa Yang Berhormat tolong beritahu secara spesifik, perkara tertentu supaya kita ambil tindakan. Jangan waktu kita bincang baru hendak bangkit. Saya rasa setiap kali, boleh beritahu, beritahu kepada kita kalau mana-mana pegawai kerajaan yang merasakan bahawa dia telah dianiayai, tidak naik pangkat, beritahu kepada kita.

Jangan waktu kita bincang baru hendak bangkitkan. Saya rasa setiap kali boleh beri tahu kepada kita kalau ada mana-mana pegawai kerajaan yang merasakan bahawa dia telah dianiayai, tidak naik pangkat, beri tahu kepada kita. Jangan waktu kita bincang macam ini selepas itu baru hendak bangkitkan perkara ini. Susahlah macam itu untuk saya mengambil tindakan, saya pun tidak tahu siapa dia.

Tuan Jimmy Donald: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Sri Aman bangun.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oleh itu saya harap, saya minta supaya bincang secara serius, memberi kerjasama dengan kerajaan bagaimana hendak membanyakkan bukan bumiputera, bukan Melayu ini dalam perkhidmatan awam. Memang kita serius hendak buat kerja ini dan kita bincang perkara ini berkali-kali, cari jalan bagaimana untuk mengatasi dan sebenarnya memang ada arahan Kabinet untuk menambah ataupun memperbanyakkan orang bukan Melayu dalam perkhidmatan awam. Tetapi kalau *software*nya tidak mahu datang, hendak buat macam mana? Saya minta Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada gerenti yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tentang pengambilan pekerja-pekerja pada masa yang akan datang. Oleh kerana sekarang sudah hampir bulan puasa, pada tahun yang lepas di Kuching Airport semasa bulan puasa, *line* untuk pemeriksaan, *queuenya* begitu panjang sedangkan orang yang bertugas di sana terdiri daripada dua orang yang beragama Islam. Orang marah, mereka yang berdua ini juga marah.

Pagi tadi saya dengan Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya terpaksa menunggu begitu lama, tidak ada seorang pun pegawai Imigresen yang bertugas, mungkin kerana mereka bersembahyang, jadi kita tidak kutuk mereka. Tetapi di Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, *populationnya* 30 peratus Muslim dan 40 peratus, saya rasa, bumiputera lain dan saya merasa begitu aneh mengapa, di manakah bumiputera lain tidak diambil untuk bekerja bagi membantu orang yang beragama Islam supaya semasa Tahun Baru Cina kita dapat menugaskan pegawai lain daripada kaum Islam seperti kaum Dayak, kaum Iban dan semasa bulan puasa kita boleh menugaskan pegawai dari kaum Dayak dan kita tidaklah membebankan pegawai yang beragama Islam.

Saya tahu sebahagian jawapannya kerana kita di Parlimen menteri begitu jujur, saya harap, 100 peratus saya percaya. Tetapi dalam perkara pengambilan ini, pegawai-pegawai atasan, pegawai kanan memang dia mempertahankan kaum dia, memang dia mempertahankan saudara mara dia. Saya pernah berkhidmat dalam *civil service* dan saya tahu inilah yang berlaku. Kalau saya puas hati dengan cara-cara pentadbiran dalam *civil service*, saya rasa saya tidak akan mengambil persaraan awal untuk memasuki Parlimen tetapi kerana saya tidak puas hati dengan kerenah birokrasi, kerenah *favouritism*, kerenah pegawai-pegawai kanan maka kerana itulah saya masuk Parlimen, Tuan Yang di-Pertua.

Saya harap ada jaminan daripada Yang Berhormat Menteri kita yang begitu baik hati, kita tengok baik-baik kerenah birokrasi, kerenah suruhanjaya, kerenah pegawai-pegawai kanan yang begitu yang hendak mengambil saudara-mara mereka dan menggunakan banyak cara untuk menentukan saudara-mara, kaum mereka yang sama agama dengan mereka masuk ke dalam *civil service* ini. Inilah kita mesti jaga kerana mereka inilah yang memburukkan nama kerajaan dan menyebabkan

ketidakpercayaan orang dari kaum lain kepada kerajaan kita di sini. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Sri Aman, sebab itu saya guna istilah “bukan Melayu”. Kalau saya kata “bukan bumiputera” bermakna saya juga puas hati dengan penglibatan bumiputera yang lain tetapi saya sebut “bukan Melayu” dan ini termasuklah Iban, Kadazan dan saya rasa kita juga perlu galakkan mereka untuk masuk ke dalam perkhidmatan awam.

Saya rasa sebenarnya ia banyak bergantung kepada minat. Dalam politik tidak susah pun kita tengok untuk jadi Ahli Parlimen – ramai Cina, Melayu, Iban sebab minat. Jadi dalam perkhidmatan awam ini mungkin gaji itu tidak menarik mereka tetapi saya hendak beri tahu kepada Dewan ini bahawa dalam mesyuarat Jemaah Menteri yang akan datang saya akan minta kepada KSN untuk memberikan laporan terakhir berkenaan dengan pengambilan bukan Melayu ke dalam perkhidmatan awam supaya kita dapat tahu kedudukan sebenarnya.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang: Sebenarnya masalah bukan pada gaji, bukan gaji. Kalau kerajaan rela untuk mengatasi, menangani isu ini, adalah sangat senang dengan mengisytiharkan bahawa kerajaan akan memperkenalkan meritokrasi. Meritokrasi sama ada dari aspek pengambilan, kenaikan pangkat semua kakitangan dari peringkat bawah hingga ke peringkat tertinggi. Inilah sebabnya. Oleh kerana tidak ada syarat ini yang menyebabkan kegagalan *brain-gain policy* di mana 94 orang yang kembali pada 1995 hingga 2000 kesemuanya sudah balik semula ke luar negeri.

Itu meritokrasi sebab mereka boleh dapat, dengan izin, *job satisfaction* dan kalau ini boleh diperkenalkan, saya rasa satu masalah besar sudah dapat diatasi oleh sebab kita tengok dalam universiti-universiti sampai sekarang pun belum ada seorang orang bukan Melayu yang dilantik sebagai Naib Canselor, kenapa? [Disampuk] Berapa orang Dean? Bukan tidak ada orang yang layak. Itulah meritokrasi. Kalau meritokrasi boleh dijadikan dasar kerajaan, saya percaya masalah ini boleh diatasi

tetapi kalau meritokrasi tidak boleh menjadi asas, dasar maka masalah ini akan menjadi lebih rumit, akan menjadikan perkhidmatan awam lebih *monoracial* daripada sekarang. Adakah kerajaan sedia menerapkan dasar meritokrasi?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya sudah sebut tadi, dalam kes-kes spesifik di negara apakah, yang tidak naik pangkat, beri tahulah kepada kita. Sebab itu kita hendak tanya sebab mengapa dia tidak naik pangkat supaya kita boleh mengambil tindakan. Saya tidak suka hendak bercakap-cakap dalam Dewan ini, bercakap itu bercakap ini, hendak ungkit itu hendak ungkit ini, kita betul-betul akan ambil tindakan. Yang mana, bagi tahu. Soal sama ada meritokrasi ataupun tidak, saya sudah sebut tadi, iaitu macam hari ini persepsinya tidak ada meritokrasi. Ini akan menyebabkan ramai orang bukan Melayu tidak mahu masuk. Jadi sampai bila, sampai bila? Lembu dulukah, kereta dulukah? Macam mana? Yang Berhormat bagi Ipoh Barat kata, lembu dulu. Kalau lembu dulu, jalanlah, kereta tidak jalan.

Jadi sebab itu kena masuk sekarang, jangan tunggu sehingga persepsi itu bertukar. Kalau hendak tunggu sampai persepsi itu bertukar, saya rasa sampai bila-bila tidak ramai orang bukan Melayu yang akan masuk ke dalam perkhidmatan awam. Sebab itu kita masuk sekarang, selepas itu kita boleh tengok sama ada persepsi yang mengatakan tidak mengambil kira meritokrasi itu berlaku ataupun tidak. Tetapi kalau bukan Melayu tidak ada, semuanya Melayu, macam mana kita hendak membuat perbandingan? Tidak boleh banding. Sebab itu masuk dulu dan selepas itu kita akan lihat kalau sebenarnya betul atau tidak soal meritokrasi itu merupakan perkara yang penting yang berlaku, yang menyebabkan orang bukan Melayu tidak mahu masuk perkhidmatan awam. Jadi masuk dulu selepas itu baru bercakap. Tuan Yang di-Pertua,

Tuan M. Kula Segaran: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat bangun, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya bagi satu kes spesifik kepada Yang Berhormat Menteri tentang seorang yang menjadi profesor di Universiti Kebangsaan Malaysia dan masih menjadi profesor. *[Disampuk]* Selepas dia mengajar murid ini, *his own student*, akhirnya datang menjadi Dean di fakulti tersebut, dan dia punya bos sekarang. Tidak berapa lama dulu saya berjumpa dengan profesor tersebut dan saya tanya: "Berapa lama you jadi profesor?" Dia kata, "Sudah 10

tahun". Saya tanya lagi: "Siapa *Dean*?" "*The Dean is my own student*". *How can it happened? And we know yang Dean itu adalah orang Melayu dan profesor itu adalah orang India.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri ini dulu pun dia sekolah, dia ada cikgunya. Pergi tanya Perdana Menteri, Pak Lah. Tetapi dia punya cikgu tidak jadi Perdana Menteri. Dia jadi Perdana Menteri. *[Disampuk]* Janganlah, janganlah, saya punya cikgu pun ada yang bukan Melayu.

Tuan M. Kula Segaran: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, saya hendak cerita ini apa yang berlaku. Macam Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, dia pun sekolah juga dahulu. Sudah tentu dia ada cikgu, *headmaster* dia tetapi *headmaster* dia tidak jadi Perdana Menteri. Dia jadi Perdana Menteri. Tidak bolehlah guna rasional iaitu bahawa siapa sahaja yang menjadi cikgu maka dia tidak boleh dilangkah. Itu dari segi *general principle*, tidak boleh. Kalau tidak sudah tentu Pak Lah punya *headmaster* sudah jadi Perdana Menteri pada hari ini. Tidak boleh guna *general principle* itu. Jadi, sebab itu *as a general principle, no*, saya tidak bersetuju iaitu cikgu lebih pandai daripada murid. Saya tidak setuju.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua orang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tetapi kalau *specific case*, okey, beritahu kepada saya. Jangan ambil secara umum iaitu bahawa anak murid tidak boleh mengatas gurunya. *Example, you also as an example.*

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat punya cikgu tidak jadi Ahli Parlimen pun tetapi Yang Berhormat jadi Ahli Parlimen.

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, sebab itu jangan guna *as a general principle*.

Tuan M. Kula Segaran: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jangan guna *as general principle*, mungkin *specific case*, okey, okey.

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau *specific case*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sila duduk, dia belum bagi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...beritahu kepada saya. Okey, *specific case but not as a general principle*.

Puan Chong Eng: [Bangun]

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua orang yang bangun, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Lipis dan Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Penjelasan ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mungkin... Saya bagi Yang Berhormat bagi Lipis dahulu.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Jadi, sebenarnya kalau kita lihat tadi, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat dia tidak faham jawatan yang ada dalam universiti. Profesor merupakan jawatan tertinggi dari segi akademik. Jadi, kalau profesor India itu dapat profesor, paling tinggilah itu. Paling tinggi dalam jawatan akademik di universiti ialah profesor. *Dean* ini jawatan pentadbiran. Sesiapa sahaja boleh menjadi *dean* atau dekan.

Jadi, kalau tidak faham tidak usahlah bawa ke Dewan ini. [Disampuk] Menyusahkan orang lain, buatkan orang lain marah dan sebagainya. Jadi, minta penjelasan supaya dia belajar balik, masuk universiti, jangan jadi orang yang tidak faham. Sekian, terima kasih. [Tepuk]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis sebab dia daripada bahagian akademik. Memang betul, hendak jadi profesor mesti JUSA, mesti. Tetapi *dean* tidak semestinya JUSA. Begitu juga kita akan tengok nanti macam di sekolah-sekolah iaitu kadangkala cikgu itu yang baik dia tidak jadi *headmaster* kerana itu pentadbiran. Tetapi cikgu ada cikgu cemerlang. Dia akan kekal mengajar profesion dia mengajar. Jadi itu lihat kepada dia punya minat sama. Sebab itu kadangkala mungkin cikgu itu juga dia punya gred lebih tinggi daripada *headmaster*. Itu yang kita mesti ingat dan tengok.

Puan Chong Eng: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau kita betul-betul komited, saya rasa kita perlu lebih *open-minded*. Tadi Yang Berhormat Menteri meminta *specific case*. Jadi, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat beri satu kes yang spesifik, tetapi saya rasa logik yang dia gunakan tidak boleh diterima kerana dari seorang guru dia tidak boleh naik pangkat, naik pangkat, sampai naik ke pangkat Perdana Menteri [*Ketawa*] kerana ini bukan macam Perdana Menteri yang bertanding sebagai Ahli Parlimen dan disokong oleh yang lain. Cara dia sampai ke kedudukan ini adalah tidak sama.

Tetapi kalau dari cikgu kepada guru besar, itu adalah naik pangkat. Jadi, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat katakan ialah dia dari profesor, bagaimana dia boleh naik pangkat kepada *dean*. Walaupun katakan dari segi akademik, profesor itu adalah yang tertinggi. Yang Berhormat Menteri menggunakan guru cemerlang itu sebagai contoh. Kalau profesor ini, dia suka atau minat mengajar, jadi dia akan terus kekal sebagai profesor. Tetapi kalau dia juga minat untuk menjadi *dean*, adakah dia ada peluang?

Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini, ada berapa *dean* di dalam semua universiti kerajaan dan antara semua bilangan ini, berapakah orang Melayu, berapakah orang India dan berapakah orang Cina dan berapa orang wanita? Bolehkah berikan satu angka? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, siapa kata guru tidak boleh jadi menteri? Siapa kata guru tidak boleh jadi Ahli Parlimen? Berapa orang guru di sini?

Puan Chong Eng: [*Menyampuk*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi Lipis guru, dia ini guru. [*Disampuk*] Ini guru semua. Maknanya iaitu bahawa dia letak jawatan, dia naik pangkat, dia jadi Ahli Parlimen. Boleh. Maknanya guru kepada Perdana Menteri, Pak Lah ini dahulu, dia boleh jadi Ahli Parlimen, sebab kalau dia guru kepada Perdana Menteri, dia mesti hebat daripada Perdana Menteri. Dia juga boleh *resign*, boleh bertanding dan mungkin jadi Perdana Menteri. Tetapi dia tidak jadi. Apa cerita? Tidak usahlah. Jadi, kalau ada.... Tidak usah hendak main-main dengan sayalah. Tolonglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tolonglah, kalau hendak bertanya, tanya betul-betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya jawab betul. Maknanya sebagai seorang guru, dia pun boleh jadi Ahli Parlimen dan dia boleh lebih hebat daripada Perdana Menteri.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Awak yang tidak faham itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tetapi kalau....

Tuan M. Kula Segaran: Kalau dia naik pangkat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dan saya hendak tanya di sini, berapa orang setuju dengan saya. Setuju tidak apa yang saya cakap?

Beberapa Ahli: Setuju!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Setuju! Yang you kata tidak setuju, ini dua orang sahaja yang tidak setuju.

Tuan M. Kula Segaran: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh, dia tidak bagi lagi.

Tuan M. Kula Segaran: Kalau saya kata Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, sila duduk, dia tidak bagi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bermakna saya cakap adalah betul.

Tuan M. Kula Segaran: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduklah.

Tuan M. Kula Segaran: Kalau saya kata Yang Berhormat...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduk, duduk, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat duduk.

Tuan M. Kula Segaran: Kalau saya...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini saya punya jalan, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, sila duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduk, duduk. Dia bercakap seolah-olah di Malaysia ini pengundi-pengundi ini 80% bersama dengan dia, cara dia bercakap. Saya hendak beritahulah, saya bercakap, saya mewakili 69% pengundi dalam negara ini. *[Tepuk]* Tahu tidak? Saya betul. Jadi, janganlah cuba hendak bercakap seolah-olah macam saya tidak mewakili, dialah yang betul. Saya cakap benda yang betul.

Seorang guru pun boleh jadi Ahli Parlimen atau menteri. Banyak menteri yang dahulu adalah guru-guru belaka. Apa masalahnya? Soalnya di sini iaitu bahawa tidak semestinya *general principle*, tidak semesti iaitu bahawa anak murid tidak boleh mengatasi guru dia, tidak semesti. Itu saya hendak beritahu.

Jadi, tolonglah. Kita sekarang ini, kita hendak banyakkkan orang bukan Melayu masuk perkhidmatan awam. Jangan dok kelahi di sini. Tolong kita bagaimana hendak membantu kita. Jangan cari jalan batu penghalang. Apa kita hendak buat, halang. Apa kita hendak buat, halang. Cuba sekali DAP bantu kita bawa senarai nama, "Ini semua hendak jadi guru. Ini semua hendak jadi kakitangan perkhidmatan awam". Bawa kepada kita, barulah betul. Ini nama pun tidak bawa, hanya tahu hendak kritik daripada mula sampai akhir.

Tolong buat perkara yang positif kerana kerajaan ada *political will* untuk hendak membanyakkkan orang bukan Melayu masuk dalam perkhidmatan awam. itu dia yang sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, panjang lagi?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: You tidak percaya you punya fasal, saya tidak peduli...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagikah, Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:sebab saya mewakili 69% pengundi. You hendak kata apa?

Tuan M. Kula Segaran: [*Menyampuk*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: 92% of the Parliament, Barisan Nasional, hendak kata apa? *You behavelah.* You tidak betul, tidak betullah. Jangan hendak mengatakan yang kita tidak betul. Kita buat ikhlas. Tetapi kalau sekiranya....

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...dalam kita hendak berusaha untuk memasukkan orang bukan Melayu lebih ramai, ada penghalang-penghalangnya, buanglah penghalang itu. Jangan sekali-kali pertikaikan keikhlasan Kerajaan Barisan Nasional untuk memasukkan...

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...bukan Melayu dalam perkhidmatan awam. [*Tepuk*] Saya hendak bagi jaminan di sini, itu jangan kamu pertikaikan. Kita ikhlas sebab kita bincang dalam Jemaah Menteri, tanya menteri-menteri daripada bukan Melayu, itu kita bincangkan. Jadi, bagaimana kita hendak memasukkan mereka? Kalau ada batu-batu penghalang, kita cantaskan batu penghalang. Jangan saudara ataupun Yang Berhormat sebelah sana menjadi penghalang kepada urusan kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bagan bangun, Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita sudah hendak buat, tidak apalah, dia sudah bagi *specific case*, kita buatlah selepas ini, kita buat. Saya sudah beritahu saya hendak minta laporan daripada KSN tentang skim mengambil bukan Melayu dalam perkhidmatan awam. Nanti saya beritahu. Okey? Baik.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat bagi Maran...

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Banyak lagi ini. Ini belum sampai kepada Islam lagi. [*Disampuk*] Teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Bagan sila duduk. Sila duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, saya ada 80 muka surat, baru muka surat 29. Jadi, dengar jawapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bagan, sila duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Cadangan Yang Berhormat bagi Maran supaya diwujudkan jawatan pegawai khas kepada Ahli-ahli Parlimen dari kalangan graduan yang menganggur, sesungguhnya kerajaan sedar bahawa masalah pengangguran di kalangan graduan perlu ditangani secara sistematik. Sehubungan ini, terdapat beberapa program yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk menangani masalah tersebut.

Antaranya melaksanakan program Skim Sangkutan dan Latihan (SSL) pada tahun 2002. Selain itu, kerajaan juga membenarkan pelantikan dibuat secara kontrak melalui lantikan Pegawai Khidmat Singkat.

Mengenai cadangan mewujudkan satu jawatan pegawai khas kepada Ahli-ahli Parlimen, perkara ini perlu dikaji terlebih dahulu mengikut keperluan dan kesesuaian serta dasar-dasar kerajaan sedia ada. Ketika ini proses pewujudan sesuatu jawatan adalah tertakluk kepada beban tugas, fungsi serta peranan jawatan yang hendak diwujudkan.

Berkenaan dengan kajian semula tangga gaji pegawai-pegawai kerajaan oleh Yang Berhormat bagi Johor Bahru, perkara ini sentiasa diberi perhatian oleh kerajaan. Semakan gaji diadakan dari semasa ke semasa bagi memastikan tangga gaji serta elaun dan kemudahan yang disediakan dapat diperbaiki mengikut kemampuan kerajaan. Dalam tempoh empat tahun kebelakangan ini sebanyak tiga semakan serta pelarasan gaji telah diadakan iaitu peningkatan sebanyak 10% pada tahun 2002. Pelarasan sebanyak 10% juga pada tahun 2002 dan peningkatan gaji secara kuantum semasa pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia pada 1 November 2002.

Di samping itu kadar imbuhan tetap perumahan dan imbuhan tahunan diperbaiki khususnya untuk kumpulan sokongan bagi membantu mereka menangani kos sara hidup yang meningkat. Kerajaan juga menyediakan pelbagai jenis kemudahan seperti rawatan perubatan dan kemudahan cuti sakit untuk pegawai kerajaan dan ahli keluarga mereka demi menjaga kebajikan mereka.

Yang Berhormat bagi Bukit Gantang pula mencadangkan supaya hanya pegawai yang cekap dan efisien serta mempunyai visi mengetuai sesebuah jabatan.

Ditegaskan bahawa kerajaan sentiasa memastikan hanya pegawai yang benar-benar layak dan berkebolehan serta mempunyai tahap integriti yang tinggi mengetuai sesebuah jabatan.

Mengenai pemecatan pegawai atau kakitangan yang tidak efisien sebenarnya di bawah Peraturan 49, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, kerajaan boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai demi kepentingan awam jika kerajaan berpuas hati bahawa kelakuan dan prestasi pegawai itu menjejaskan kredibiliti kerajaan.

Berhubung dengan pemantauan kakitangan di Ketua Jabatan dimaklumkan mengikut Peraturan 3C, peraturan-peraturan yang sama setiap pegawai dikehendaki menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai-pegawai bawahannya. Pegawai yang gagal melaksanakannya boleh disifatkan sebagai cuai dan tidak bertanggungjawab yang boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Tuan Yang di-Pertua,..... ya Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, ini mengenai pengambilan kakitangan awam. Sebenarnya saya sudah duduk di sini lama. Saya tidak mahu bangkitkan perkara ini. Saya sendiri yang mengalami pengalaman ini. Kalau Yang Berhormat tengok saya, layakkah saya menjadi seorang mata-mata atau polis sahaja? Dari masa saya bersekolah saya bercita-cita hendak menjadi seorang polis.

Jadi habis belajar di sekolah menengah saya ada nampak iklan dalam surat khabar untuk mengambil *provisional* polis konstabel. Saya minta borang, saya cuba mengemukakan permohonan. Masa itu tidak ada *photostat machine*. Dia hendak surat beranak, dia hendak *i/c* semua pergi kedai gambar untuk ambil gambar kerana tidak ada *photostat machine*. Belanja berpuluh-puluh ringgit untuk buat gambar *i/c*, surat beranak, sijil sekolah dan semuanya. Semua gagal tidak dapat apa-apa. Saya kata, baik *police inspector* tidak boleh dapat - tidak apa. Daripada pangkat rendah sekali saya memohon. Saya memohon mata-mata. Saya dipanggil temu duga di Butterworth. OCPD pada masa itu ialah Zaman Khan. Pada suatu masa dia pernah menjadi Pengarah Penjara di sini. Sekarang sudah bersara. Dia gagalkan saya, dia tendang saya keluar. Tidak mahu ambil saya.

Puan Teresa Kok Suh Kim: Apa sebab?

Tuan Lim Hock Seng: Tidak bagi sebab. Dia kata karangan Bahasa Kebangsaan saya tidak baik. Tetapi masa itu sijil Cambridge saya lulus dalam bahasa

Melayu bukan Bahasa Kebangsaan. Saya ambil mata pelajaran bahasa Melayu, saya lulus. Dia kata saya tidak baik. Kalau hendak kata *physical* masa itu saya pun ada ambil bahagian dalam sekolahlah. Judo, saya tidak berani cakap besar. Kalau panggil saya panjat pokok kelapa tangkap burung saya pun boleh.

[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]

Saya pernah panjat pokok kelapa 40 kaki tangkap burung masa itu. Habis itu, apa lagi hendak. Obstacle test, ujian tulisan, temu duga.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Burung 10 kakikah atau dua kaki punya burung?

Tuan Lim Hock Seng: Tapi saya tidak dapat. Tidak dapat tidak apalah. Saya keluar cari kerja dan satu hari saya ada peluang jadi Ahli Parlimen. Itu pun satu nasiblah. Hendak masuk polis tidak boleh, cari kerja, satu hari sudah masuk Dewan ini. Kalau saya jadi polis pun hari ini mungkin bersara dari peringkat mata-mata.

[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]

Jadi inilah pengalaman saya. Saya hendak kongsi pengalaman.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak tanya Yang Berhormat Zaman Khan itu dia menterikah?

Tuan Lim Hock Seng: Tidak, Zaman Khan pada masa itu.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia polislah.

Tuan Lim Hock Seng:OCPD di kawasan saya. Dia yang menjalankan temu duga.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia polislah bukan menterilah.

Tuan Lim Hock Seng: Bukan, OCPD.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Maknanya daripada segi dasar kita mahu supaya ramai orang bukan Melayu masuk dalam perkhidmatan awam. Jadi yang berlaku ini di bawah tentulah yang melaksanakan itu mungkin tidak mengikut arahan kita. Daripada segi kehendak kita, ya, sebab itu kita akan perbetulkan daripada segi yang disebut oleh Sri Aman tadi, yang di bawah ini yang hendak mengambil orang ini kita hendak pastikan supaya mereka tidak bersikap diskriminasi seperti mana yang dialami oleh Yang Berhormat itu. Itu kita akan pastikan ya.

Sebenarnya Yang Berhormat pada peringkat awal kita minta secepat 30% sebenarnya untuk memastikan supaya bukan Melayu, that must be fill up. Jadi saya hendak tahu tengok setakat ini laporan yang saya sebut sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Johor Bahru mencadangkan supaya perancangan dan keputusan dibuat di peringkat daerah atau negeri dan tidak tertumpu di peringkat pusat. Untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini proses dan peruntukan bajet bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan dilakukan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Perbendaharaan. Ia bertujuan supaya perancangan bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan dapat dibuat dengan lebih menyeluruh dan agihan peruntukan dapat diselaraskan dengan baik.

Kementerian-kementerian dan agensi-agensinya di bawahnya diminta mengemukakan cadangan perancangan bagi pelaksanaan program-program pembangunan kepada UPE, JPM untuk kelulusan berdasarkan kepentingan negara dan kedudukan kewangan kerajaan. Untuk memantapkan lagi proses perancangan Majlis Tindakan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Jawatankuasa Tindakan Negara yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara telah diwujudkan di peringkat Persetujuan bagi meneliti cadangan perancangan yang dikemukakan.

Majlis Tindakan Negeri, Jawatankuasa Tindakan Negeri dan Jawatankuasa Tindakan Daerah pula diwujudkan bagi peringkat negeri dan daerah bagi merancang projek-projek pembangunan yang diperlukan untuk sesebuah negeri atau daerah. Cadangan perancangan dari peringkat negeri dan daerah ini akan dipertimbangkan oleh jawatankuasa dan seterusnya Majlis Pembangunan Negara. Jawatankuasa Tindakan Daerah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan ahli terdiri daripada ketua-ketua jabatan di peringkat daerah. Pendekatan proses perancangan yang diamalkan sekarang lebih menyeluruh dan berkait rapat dengan dasar negara.

Kerajaan sedar tentang kehendak dan harapan rakyat yang semakin meningkat termasuk mereka yang berada di peringkat akar umbi. Oleh itu usaha-usaha meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam menjadi salah satu agenda utama kerajaan pada masa ini. Tumpuan utama diberikan kepada usaha untuk mengurangkan kerenah birokrasi. Dalam hal ini semua kementerian telah menubuhkan pasukan bertugas bagi mengurangkan kerenah birokrasi yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri masing-masing.

Tumpuan kerja pasukan bertugas ini adalah terhadap usaha-usaha bagi menambah baik sistem dan prosedur kerja, mengkaji semula undang-undang dan peraturan-peraturan, memperkemaskan pelaksanaan piagam pelanggan, membuat

analisis terhadap borang maklum balas, kepuasan pelanggan serta menentukan bekalan peralatan yang diperlukan bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai.

Selain daripada itu agensi-agensi kerajaan juga digalakkan mengambil langkah-langkah tertentu bagi mendekatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat sehingga ke akar umbi.

Antaranya menyediakan pusat perkhidmatan setempat dan pusat pembayaran setempat. Menyediakan kaunter perkhidmatan yang bersifat mesra pelanggan seperti penyediaan pelbagai perkhidmatan di satu kaunter. Mewujudkan pasukan petugas khas bagi mengatasi tunggakan kerja dalam urusan pentadbiran tanah. Mengadakan hari bertemu pelanggan, mengadakan perkhidmatan bergerak, menyediakan perkhidmatan secara dalam talian, online bagi memudahkan rakyat berurusan dengan agensi kerajaan tanpa mengira waktu. Berpandukan kepada hasrat untuk mendekati rakyat sehingga ke akar umbi, jabatan kerajaan telah mewujudkan pejabat-pejabat cawangan hingga ke peringkat daerah. Jabatan-jabatan yang tidak berupaya mewujudkan cawangan di peringkat daerah telah menggunakan pejabat daerah sebagai wakil mereka untuk menyampaikan perkhidmatan ke peringkat akar umbi.

Yang Berhormat bagi Tangga Batu mencadangkan supaya kerajaan melaksanakan pendekatan Total Quality Management (TQM) bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Sukacita dimaklumkan bahawa Perkhidmatan Awam Malaysia telah pun melaksanakan TQM mulai tahun 1992 melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 1992 bertajuk Panduan Mengenai Pengurusan Kualiti Menyeluruh Dalam Perkhidmatan.

Sebagai langkah seterusnya untuk memperkukuhkan lagi usaha-usaha meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai, kerajaan telah melaksanakan MS ISO 9000 dalam perkhidmatan awam melalui pekeling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1996 bertajuk Garis Panduan Bagi Melaksanakan MS ISO 9000 dalam Perkhidmatan Awam. Di samping itu pelbagai program lain yang meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai telah dilaksanakan oleh kerajaan.

Yang Berhormat bagi Jerlun meminta supaya jabatan-jabatan kerajaan meningkatkan keupayaan kakitangan menjawab panggilan telefon secara baik dan berkesan. Sukacita dimaklumkan bahawa usaha untuk meningkatkan kualiti

perkhidmatan telefon di agensi kerajaan telah mula pada tahun 1991 melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 1991 bertajuk Panduan Meningkatkan Kualiti Layanan Urusan Melalui Telefon. Pekeliling ini menggariskan amalan baik yang boleh meningkatkan kualiti layanan melalui telefon. Amalan-amalan baik yang disarankan termasuklah perkara berikut:-

- menjawab telefon sebelum deringan yang ketiga;
- menjawab panggilan telefon dengan nada yang mesra dan beri ucap selamat;
- menggantikan sistem telefon sekiranya sistem yang ada tidak berupaya;
- menampung jumlah panggilan telefon yang diterima;
- memberi latihan kepada telefonis cara-cara yang terbaik menjawab panggilan;
- membekalkan maklumat asas, fungsi jabatan supaya telefonis boleh menyambung panggilan kepada pegawai dengan tepat.

Berhubung dengan masalah kesukaran berjumpa dan berbincang dengan pegawai-pegawai tinggi kerajaan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Johor Bahru, dimaklumkan bahawa JPA akan terus memberi penekanan terhadap tindakan dan perubahan yang patut dibuat oleh pegawai-pegawai perkhidmatan awam bagi meningkatkan dan memperbaiki sistem penyampaian kepada rakyat dengan memberi kerjasama kepada semua pihak termasuk anggota pentadbiran dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Penekanan yang diberi oleh JPA akan disampaikan melalui forum tertentu seperti kursus, bengkel, seminar, mesyuarat, program Sehari Bersama Pelanggan dan mesyuarat lain di peringkat negeri dan Persekutuan.

Mengenai kesukaran Yang Berhormat bagi Johor Bahru untuk berjumpa dengan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, dimaklumkan permohonan temu janji Yang Berhormat bagi Johor Bahru dengan Ketua Pengarah UPE Jabatan Perdana Menteri telah ditetapkan pada 14 Jun 2004 tetapi terpaksa ditangguhkan kepada 17 Jun oleh kerana pada tarikh tersebut Ketua Pengarah UPE perlu membuat persediaan bagi perbincangan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Namun temu janji pada 17 Jun 2004 juga terpaksa dibatalkan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan kerana beliau terpaksa mempengerusikan Mesyuarat Penswastan di UPE Jabatan Perdana Menteri yang

mendesak. Walau bagaimanapun, beliau sentiasa bersedia untuk mengadakan temu janji dengan Yang Berhormat dan akan diatur dalam jangka masa yang terdekat ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Muar pula menyarankan supaya diwujudkan kerjasama erat antara wakil rakyat dan pegawai kerajaan. Ditegaskan bahawa kerjasama antara wakil rakyat dengan pegawai kerajaan telah lama wujud melalui mesyuarat di peringkat daerah dan negeri. Walau bagaimanapun, forum yang sesuai atau forum khas boleh diadakan bagi membolehkan wakil rakyat dan pegawai kerajaan meningkatkan kefahaman masing-masing tentang fungsi, tanggungjawab dan bidang kuasa masing-masing dan seterusnya memupuk rasa saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

Yang Berhormat bagi Pasir Puteh pula menyeru supaya.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bagi pengalaman kami di sebelah sini, kadang-kadang bagi perkara yang kami perjuangkan di kawasan kita ini, selepas kami berbincang atau menyelesaikan masalah dengan pegawai berkenaan, tetapi yang mengumumkan keputusan itu selalunya adalah opponent kami, dari MCA atau MIC atau dari Barisan Nasional.

Jadi soalan saya adalah, apakah sepatutnya pendirian pegawai kerajaan? Bila perkara seperti ini berlaku, perkara itu memang diminta oleh wakil rakyat dari parti pembangkang, jadi haruskah pegawai kerajaan mengadakan satu pendirian bahawa dia mesti pro kepada kerajaan dan kalau ada apa-apa maklumat, mesti diumumkan oleh wakil dari Barisan Nasional dan tidak diberi penghormatan kepada wakil rakyat dari parti pembangkang? Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri?

Cik Fong Po Kuan: Ya, diskriminasi!

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebagai pegawai kerajaan, nama pun pegawai kerajaan, government servant, jadi dia orang pun rasa susah juga dalam menjalankan tanggungjawab dia, dia rasa bimbang

takut-takut apa yang diberi itu akan merupakan satu perkara yang mungkin dianggap sebagai menyalahi kerja-kerja mereka sebab itu dia lebih berhati-hati.

Jadi saya faham kedudukan Yang Berhormat sebagai pembangkang tetapi kalau hendak dapat layanan secara tidak ragu-ragu oleh pegawai kerajaan, masuk kerajaanlah ya. Jadi, itu yang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, banyak lagikah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagikah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab kalau boleh Yang Berhormat, Yang Berhormat, sebab.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Banyak, ini tidak sampai agama lagi. Kawan-kawan saya sudah tunggu pasal agama ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingat Yang Berhormat, penjelasan Yang Berhormat boleh kawal sikitlah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sudah dia tanya, dia tidak puas hati.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab ada dua menteri menunggu untuk memberikan jawapannya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, saya tahu tetapi hendak buat macam mana? Ahli Parlimen 219! Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Tuan Lim Hock Seng: Satu, satu sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya sangat menghayati satu perkataan atau satu sentence yang diberi oleh seorang pegawai kanan yang sekarang sudah bersara di Pulau Pinang. Dia sebagai seorang pengarah di Pihak Berkuasa Air (PBA). Semasa saya menjadi wakil rakyat, kawasan saya tidak ada bekalan air dan selalu saya pergi duduk bincang dengan dia. Dia kata, public administration must be neutral. Jadi dia tidak kira saya pembangkang, dia bagi kelulusan untuk membekalkan bekalan air.

Sekarang dia sudah bersara. Saya ingat dia sekarang sudah 75 tahun umurnya, dia masih hidup, dia masih ada di Pulau Pinang. Saya sangat menghayati perkataan ini. Jadi saya berharap pegawai-pegawai awam patut ada sikap sebegini.

Kita dipilih oleh rakyat, kita mengadakan demokrasi untuk pilihan raya, jadi, rakyat yang pilih. Kita patut dihormati oleh semua pegawai, public administration.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah soalan yang ingin ditunjukkan kepada Yang Berhormat Menteri?

Tuan Lim Hock Seng: Saya katakan kerana tadi Yang Berhormat Menteri pun ada sebutkan perkara ini. Jadi saya cuma mengingatkan kepada semua supaya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah.

Tuan Lim Hock Seng:supaya prinsip ini dapat dikekalkan dan semua orang perjuangkan untuk hak dan kepentingan rakyat, bukan diri sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, fahamlah, fahamlah.

Seorang Ahli: Setuju, setuju.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, saya juga ada berjumpa dengan ramai pegawai kerajaan yang mana mereka beritahu kepada saya, government servant must be loyal to the government-of-the-day, macam mana? Government-of-the-day, bukan Barisan Nasional. Kalau Barisan Nasional merupakan kerajaan pada hari ini, maka kamilah. Jadi sebab itu they have to be loyal to the government-of-the-day sebab bila kita hendak memerintah, kita kena jaga pemerintah itu.

Kita tidak boleh jadi pegawai kerajaan, at the same time kita feed maklumat kepada pembangkang untuk hentam kerajaan balik, tidak kena. Sebab itu government servant must be loyal to the government-of-the-day, itu merupakan yang pertama dinasihatkan kepada pegawai-pegawai kerajaan, must be loyal to the government-of-the-day, bukan kita kata loyal to BN, whatever it is, pembangkang semua, tidak ada. Bila kita kalah di Kelantan, kita tidak kacau pegawai kerajaan pun, kita faham iaitu dia mesti menjaga PAS, itu kita faham, kita tidak kacau pegawai kerajaan negeri.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha, dengarlah, ini hendak jawab. Tidak boleh, tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh pula menyeru supaya semua agensi kerajaan bekerjasama dengan ahli-ahli politik tempatan bagi memastikan sesuatu projek berjalan dengan lebih lancar dan teratur.

Dimaklumkan bahawa pelaksanaan projek pembangunan di bawah RMK-8 dilaksanakan melalui jentera penyelarasan pelaksanaan Dasar Wawasan Negara dan Sistem Pengesanan Projek 2, Negeri dan Sabah. Setiap masalah pelaksanaan yang dikenal pasti akan ditangani bagi memastikan projek-projek pembangunan siap mengikut jadual. Input dari ahli-ahli politik tempatan adalah amat dialu-alukan. Adalah penting projek disiapkan mengikut jadual bagi memastikan kumpulan sasar iaitu rakyat menerima faedah dari projek tersebut.

Yang Berhormat bagi Johor Bahru mencadangkan supaya Ibu Pejabat FELDA dipindahkan ke luar daripada Kuala Lumpur bagi menyampaikan perkhidmatan ke akar umbi dengan lebih berkesan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan FELDA terbahagi kepada Ibu Pejabat, Wilayah dan Rancangan. Ibu pejabat terletak di Kuala Lumpur dan merupakan pusat pentadbiran FELDA. Pada masa ini Ibu Pejabat FELDA mengawasi pentadbiran sepuluh buah wilayah dan 275 buah rancangan di seluruh negara. Sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan, Ibu Pejabat FELDA sesuai berada di Kuala Lumpur, kerana FELDA juga menjaga kepentingan Kerajaan Persekutuan dan memberikan perkhidmatan kepada semua negeri.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan mempersoalkan FELDA tidak melantik wakil Sabah dalam Ahli Lembaga FELDA. Dimaklumkan bahawa wakil Kerajaan Negeri Sabah telah dilantik di dalam Ahli Lembaga FELDA mulai 1 Januari 2003. Dengan perlantikan itu keahlian dalam Lembaga FELDA yang mewakili Kerajaan Negeri Pahang, Negeri Sembilan dan Sabah. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, FELDA adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan dan operasi yang dijalankan adalah tertakluk kepada dasar yang diputuskan oleh kerajaan. Pada tahun 1989 kerajaan telah membuat keputusan tidak lagi mengambil peneroka baru di semua tanah rancangan di seluruh negara. Berikutan keputusan itu kawasan diurus secara komersial dan FELDA dikehendaki menjelaskan bayaran premium kepada kerajaan negeri. Bayaran sebanyak RM144.7 juta telah dijelaskan kepada kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, isu orang Rohingya di negara ini khususnya di Sabah telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Bharu dan Penampang. Dimaklumkan bahawa orang-orang Rohingya ini datang dari negara Myanmar dan Bangladesh dengan menggunakan dokumen perjalanan yang sah atau masuk secara haram. Bagi mereka yang masuk secara sah, mereka memusnahkan dokumen

perjalanan tersebut apabila berada di negara ini. Oleh itu status mereka adalah pendatang tanpa izin dan boleh dikategorikan sebagai *stateless*. Usaha-usaha

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rantau Panjang minta laluan.

Dato' Seri Mohammad Nazri bin Abdul Aziz: Saya habiskan dahulu ya. Usaha-usaha untuk menghantar mereka pulang ke negara asal menghadapi masalah kerana Kerajaan-kerajaan Myammar dan Bangladesh tidak mengiktiraf mereka sebagai warganegarannya kerana mereka tidak memiliki dokumen yang dikeluarkan oleh negara-negara itu. Kerajaan telah memutuskan supaya orang Rohingya diberikan dokumen pengenalan diri bagi tujuan mengenal pasti bahawa mereka adalah orang yang tidak dapat diusir ke negara asal. ID berkenaan juga membolehkan kerajaan memantau pergerakan mereka di negara ini. ID ini tidak memberi status kerakyatan kepada pemegangnya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekejap tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut berkenaan dengan FELDA. Saya hendak bertanya sedikit kepada Yang Berhormat, setakat inilah FELDA di Kelantan boleh dikatakan berpuluh-puluh ribu ekar telah mengusahakan tanah di Kelantan khususnya di kawasan KESEDAR di Hulu Kelantan dan saya dimaklumkan FELDA masih belum lagi membayar sedikit pun premium kepada Kerajaan Negeri Kelantan, bolehkah saya mendapat sedikit maklumat daripada Yang Berhormat. Perundingan telah berlaku begitu lama berlarutan Kerajaan Negeri Kelantan telah menunggu-nunggu, saya ingat sehingga sekarang pun masih berunding lagi dan desakan demi desakan masih lagi tidak dibayar. Jadi, adakah Yang Berhormat mendapat maklumat? Adakah FELDA sudah bayar sekarang?

Dato' Seri Mohammad Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya ini, bayaran sebanyak RM144.7 juta telah dijelaskan kepada kerajaan negeri. Jadi, saya tidak tahu kepada kerajaan negeri mana kerana FELDA ini melibatkan beberapa buah negeri, mungkin saya boleh beri jawapan kepada Yang Berhormat selepas ini.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak bangkitkan isu Rohingya dan isu ini saya anggap isu yang berlainan dengan isu pelarian yang lain. Kalau isu pendatang haram daripada Indonesia, kita boleh hantar balik, daripada Filipina kita boleh hantar balik,

tetapi masalahnya adalah pelarian Rohingya ini kalau dihantar balik mereka akan dibunuh, ini perbezaan mereka dengan isu-isu pendatang haram yang lain.

Oleh itu saya mengharapkan supaya Kerajaan Malaysia dan juga sekarang ini menjadi Pengerusi NAM, Pengerusi OIC dapat memberikan suatu pendekatan yang bijaksana di atas nama kemanusiaan terhadap pelarian Rohingya ini, kerana mereka merupakan suatu kaum yang dalam negara mereka demokrasi telah ada dan memang bukti-bukti kukuh, bukti-bukti yang dilaporkan oleh *United Nations* sendiri mengatakan kalau mereka kembali, mereka memang akan dibunuh dan mereka ini adalah merupakan orang Islam.

Jadi saya mengharap sungguhlah supaya pihak Menteri walaupun tidak boleh memberikan suatu jawapan pasti pada hari ini, akan memanjangkan perkara ini, dibincang secara cermat dan teliti dalam Kabinet, supaya nasib kaum ini dapat diberikan pembelaan yang sewajarnya di atas nama kemanusiaan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohammad Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebut dalam jawapan saya, iaitu kerajaan telah memutuskan supaya orang-orang Rohingya ini diberikan Dokumen Pengenalan Diri (ID), untuk tujuannya kita mengenal pasti bahawa mereka adalah orang yang tidak dapat diusir keluar ke negara asal. Kita tahu di sana, kalau mereka balik akan dibunuh dan macam-macam lagi dan mereka tidak diterima. Sebab itu kita kata, kita beri mereka Dokumen Pengenalan Diri bagi tujuan mengenal pasti bahawa mereka adalah orang yang tidak dapat diusir ke luar negara asal, tetapi ini tidak memberi status kerakyatan kepada pemegangnya. Sampai masa kalau sekiranya Myanmar ataupun Burma, demokrasi pulih dan kembali, mereka tetap dihantar balik ke negara asal.

Tanggapan bahawa Malaysia tidak.....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Rohingya, Rohingya. Terima kasih Yang Berhormat, kerana dua minggu yang lepas ada beberapa wakil kumpulan Rohingya datang ke Parlimen jumpa anggota Caucus Myanmar Parlimen ini, dan selepas dua hari yang lepas itu gerakan mereka ditangkap pula dan mereka selalu telefon saya minta apakah keputusan kerajaan sekarang, sampai semalam mereka juga panggil saya. Jadi, saya rasa ini adalah berita baik, jadi mereka akan diberi satu ID pengesahan diri tetapi macam mana mereka memohon kad ini. Adakah mereka perlu

pergi ke agensi kerajaan mana? Adakah makluman yang terperinci itu sudah diberikan sekarang?

Dato' Seri Mohammad Nazri bin Abdul Aziz: Padang Besar, Menteri Dalam Negeri pergi jumpa dengan dia, sebagai Ahli Parlimen yang baik hati bawa dia pergi jumpa ke sana dan berjumpa dengan pegawai di sana, kerana ini soal Imigresen. Saya harap supaya Yang Berhormat bawalah pergi berjumpa dengan Imigresen dan ini sudah kita membuat keputusan untuk memberikan dokumen pengenalan diri ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tetapi ada sepuluh ribu. Macam mana bawa?
[Ketawa]

Dato' Seri Mohammad Nazri bin Abdul Aziz: Tidak mengapalah, kalau dia, kena kumpullah. Kena buat juga dahulu sepuluh ribu ke satu juta pun, kalau kita sudah membuat keputusan hendak beri mereka ID, mereka kena memohonlah. Macam juga dengan rakyat kita, rakyat kita Malaysia berjuta-juta belum buat lagi IC baru, macam itu juga. Kena juga memohon, dua puluh lima juta kena memohon. Jadi, ini sepuluh ribu sahaja, tidak ada masalah ya. Okey.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya betul. Dua puluh lima juta pun kita boleh selesai, ini sepuluh ribu ya, tetapi tidaklah dalam satu hari, tidaklah dalam satu hari, sudah tentu ia akan memakan masa.

Tanggapan bahawa Malaysia tidak mengambil berat akan hak asasi dan status pelarian Filipina di Sabah, seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Penampang adalah tidak benar. Kerajaan sentiasa mengambil berat akan perkara ini dan mematuhi segala ketetapan yang dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kerajaan memberi perlindungan kepada pelarian Filipina di Sabah dengan menyediakan kawasan-kawasan penempatan sejajar dengan kehendak Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai pelarian. Sehubungan ini, enam kawasan telah diwartakan sebagai kawasan penempatan pelarian Filipina di Sabah seperti berikut iaitu di.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tuanan.

Dato' Seri Mohammad Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap, sekejap, tidak habis lagi. Nanti saya akan berilah.

Seperti Skim Penempatan Kinarut, Kota Kinabalu, Telipuk, ini bukan Telipuk Kota Bharu ya, ini Telipuk Kota Kinabalu, Kampung Bahagia, Sandakan, ini bukan

tempat orang gila selalu bahagia ini tempat orang gila, ini Kampung Bahagia betul ini di Sandakan, Kampung Selamat, Semporna, Kampung Hidayat di Tawau dan Skim Penempatan Kampung Muslim di Labuan.

Selain dari itu pelarian Filipina dibenarkan bekerja bagi membolehkan mereka mencari nafkah hidup. Ya, silakan Tuan.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Penampang bukan soal sama ada kerajaan mengambil berat ataupun tidak dalam soal kehadiran pelarian Filipina di negeri Sabah. Perkara yang dibangkitkan ialah pelarian Filipina di Sabah sudah berada di sana lebih 30 tahun dan kita sedar tentang kewujudan penempatan tadi.

Mereka berada di Sabah dan menggunakan dokumen yang dipanggil MM13 maknanya mereka ini dikecualikan daripada Akta Imigresen. Persoalan yang dibangkitkan ialah sampai bila? Sampai bilakah mereka ini akan diberi dokumen MM13? Adakah mereka ini akan berterusan diberi status pelarian ataupun adakah kerajaan bercadang untuk menarik balik status pelarian tersebut sebab mereka sudah berada di negeri Sabah sudah lebih 30 dan sudah beranak pinak dan masalahnya sekarang ialah anak-anak pelarian Filipina ini apa sudah jadi?

Masalahnya ialah sekolah. Baru-baru ini, anak-anak mereka telah ditangkap ataupun tidak tahu sama ini anak pelarian Filipinakah atau anak pendatang tanpa izin pun kita tidak tahu. Itu yang persoalan yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Penampang. Persoalannya sekarang ialah apakah keputusan kerajaan sama da hendak teruskan mereka berstatus pelarian ataupun mahu tarik balik ataupun adakah mereka ini akan dihantar ke negara ketiga. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, inilah masalah status pelarian ini. Selagi pertelingkahan itu masih berlaku, maka selagi itulah dia akan diibaratkan sebagai pelarian walaupun dia telah pun beranak dan sesetengahnya mungkin bercucu. Macam contoh kata di Palestin, di Syria, di Jordan semenjak tahun 1948 lagi. Tetapi selagi soal Palestin tidak selesai, selagi itulah mereka berstatus pelarian.

Kita tidak boleh tarik balik cuma kalau hendak kita boleh hantar dia balik ke Filipina, itu pun tidak diizinkan oleh United Nations. Jadi, dia akan berterusan sebagai pelarian. Dia akan berterusan sebagai pelarian. Seperti contoh yang telah kita lihat di

Palestin, orang-orang Arab yang keluar dari Palestin pada tahun 1948 sampai sekarang duduk di dalam kem di Syria, Jordan, Tunisia dan macam-macam lagi.

Tuan Yang di-Pertua, adalah ditegaskan memang wujud perbezaan di antara pelarian dengan pendatang tanpa izin. Kebanyakan masyarakat umum, tidak memahami akan perbezaan ini dan selalu menyamakan kedua-duanya. Dalam konteks negeri Sabah, pelarian merujuk kepada orang yang berasal dari wilayah Selatan Filipina dan masuk ke negeri itu antara tahun 1972 sehingga tahun 1984 berikutan konflik bersenjata yang berlaku dan memaksa ramai penduduk di wilayah tersebut lari untuk mencari perlindungan di Sabah. Mereka dianggap sebagai *refugee* atau *displaced person*.

Status mereka sebagai pelarian telah disahkan oleh UNHCR. Mereka dibenarkan tinggal di negeri Sabah di bawah Perintah Pasport (Pengecualian (2)) (Pindaan) 1972 oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Perintah ini masih berkuat kuasa. Berdasarkan gerakan banci Pasukan Petugas Khas Persekutuan bagi Sabah dan Labuan pada tahun 1991, jumlah mereka adalah seramai 57,179 orang. Mereka dan keluarga dibenarkan tinggal dan bekerja di Sabah. Mereka dibenarkan kembali ke negara asal secara sukarela.

Tuan Wilfred Madius Tangau: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak habis lagi. PTI pula merujuk kepada warganegara asing yang memasuki negara ini secara haram tanpa dokumen yang sah atau masuk dengan menggunakan Pas Lawatan yang sah tetapi terus tinggal melebihi tempoh pas lawatannya. Mereka ini terdiri daripada berbagai-bagai bangsa seperti Filipina, Indonesia, India, Pakistan, China dan lain-lain. Jumlah mereka ini dianggarkan di antara 100,000 hingga 150,000 orang.

Tindakan penguatkuasaan dijalankan secara berterusan terhadap golongan ini.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Perangkaan Yang Berhormat berikan tadi saya anggap amat serius. Yang Berhormat mengatakan bahawa ada 57,197 orang. Dalam bulan Julai yang lalu, saya telah membuat ucapan penangguhan di Dewan yang mulia ini tentang isu yang sama dan jawapan daripada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bahawa bilangan pelarian Filipina ini ialah 65,000 dan saya juga ada bertanya secara bertulis dan telah dinyatakan perubahan dari setahun ke setahun dari segi orang-orang yang telah diberikan dokumen MM13 maknanya yang berstatus pelarian.

Persoalannya di sini siapa yang benar? Adakah perangkaan yang diberi oleh Yang Berhormat tadi maknanya daripada Majlis Keselamatan Negara ataupun perangkaan daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang saya jangka dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen, itu satu.

Yang keduanya, Yang Berhormat telah menyatakan tadi, mereka sudah berada di sini dan diberi status pelarian dalam jangka masa 1972 sampai 1984. Persoalan di sini sampai bilakah? Sebab yang menyatakan yang konflik di Selatan Filipina masih berterusan. Tetapi dari segi definisi 'pelarian' seperti mana yang termaktub dalam definisi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu *definition of refugees* mengatakan bahawa *it is actually people* yang keluar oleh kerana mereka mempunyai *reasonable fear that they will be prosecuted by virtue of religion, race or something like that*, dengan izin.

Tetapi perkara itu sebahagian besar masalah itu semuanya sudah selesai. Sudah selesai. Yang perang saudara di Filipina itu sebenarnya sudah selesai. Sudah selesai masalah itu. Itu satu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat tak perlu beri ucapan.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Barangkali ada persoalan di situ. Tetapi persoalan yang satu lagi ialah sampai bila dan jika ini tidak ditangani, bagaimanakah masa depan anak-anak pelarian ini? Bagaimana dari segi pendidikan dan sebagainya sebab mereka tidak mempunyai dokumen-dokumen yang tertentu yang digunakan untuk pergi ke sekolah. Seorang Profesor Madya daripada Universiti Malaysia Sabah menyatakan bahawa lebih kurang 28% daripada anak-anak pendatang tanpa izin yang berada di negeri Sabah ini berkeliaran.

Apakah kita mahu buat? Mereka ini akan menjadi sumber masalah sosial pada masa-masa akan datang. Perkara ini besar, menjadi masalah besar dan perlulah ditangani dalam apa juga bentuk. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat sudah jawab selama tiga jam.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yalah, hendak buat macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya cadangkan lagi setengah jam bolehkah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Ketawa]* Saya jangan kacaulah cakap saya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak benarkan mereka kacau.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah benarkan mereka kacau. Yang Berhormat boleh buat

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua pun janganlah sebut. Bila dia berdiri, jangan kacau saya pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Baik. Baik. Saya akan gunakan kuasa saya. Hah, boleh.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hah, bila saya bercakap, Tuan Yang di-Pertua kata, Yang Berhormat ada orang berdiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak. Tidak, saya tidak akan sebut. Yang Berhormat, baik.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hah, jangan kacau ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya cadangkanlah lagi setengah jam, boleh ya?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sekejap. Sekejap.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ekspres, insya-Allah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Laju ya? Laju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, ya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sekejap. Sekejap.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Sila duduk. Tuan Yang di-Pertua, cuma hendak jawab ini 65,000 ataupun 57,000 lebih itu dekat-dekat sahaja sebab kita bukan kira satu-satu kepala. Kita kira dalam kampung itu ada berapa, kita ambil jumlah begitu. Sebab itu saya rasa kalau jawapannya 65,000 dengan 57,000 itu dekat-dekatlah.

Kemudiannya, saya sebut bahawa perang belum habis lagi. Masih lagi iaitu kerajaan kita Malaysia menjadi 'orang tengah' untuk mendamaikan kedua-dua ini. Jadi, belum habis lagi.

Ketiganya, bukan bermakna itu kalau bapanya ada masalah, kemudian anaknya boleh pulang senang sahaja. Tidak, tidak begitu. Anak dia juga ada masalah sebab itu dia tidak boleh balik. Dari segi kemanusiaan kita tidak boleh pisahkan di antara anak dengan bapa itu. Saya sudah sebut iaitu bahawa sampai bila, kita tengok sahajalah di Palestin daripada tahun 1948 sampai sekarang tidak selesai dan mereka masih lagi berstatus *refugee* orang-orang Palestin di Syria dan Jordan. Ini lumrah kehidupan hendak buat macam mana? Kita tidak boleh tukar.

Yang Berhormat bagi Tanjong membangkitkan pindaan Kanun Acara Jenayah dan pandangan Peguam Negara mengenai rogol. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pandangan Peguam Negara timbul ekoran daripada keputusan lisan Mahkamah Rayuan dalam kes Azahan bin Mohamed Aminallah lawan Pendakwa Raya berhubung isu kecacatan pertuduhan kerana tarikh dan masa tidak dinyatakan secara spesifik. Sehingga kini tidak ada penghakiman bertulis oleh Mahkamah Rayuan, adalah wajar penghakiman bertulis dibuat sebelum sebarang cadangan berkaitan diberi pertimbangan.

Isu kes rogol seharusnya tidak diabaikan. Sesungguhnya kes-kes rogol dipandang serius dan sentiasa dipantau secara rapi oleh Jabatan Peguam Negara. Setelah sesuatu aduan dibuat kepada pihak polis tidak ada peruntukan undang-undang yang membenarkan penarikan balik aduan dalam mana-mana kesnya. Berlandaskan kepada prinsip setiap aduan rogol adalah dibuat secara suci hati, pihak polis akan menyiasat aduan tersebut dan berdasarkan keterangan yang diperoleh. Pihak pendakwa akan mendakwa tertuduh sekiranya keterangan yang ada mencukupi untuk mendapatkan sabitan di mahkamah. Walaupun mangsa boleh menarik balik aduan rogol ini tidak akan menegah pendakwa raya daripada mengemukakan pertuduhan di mahkamah asalkan terdapat cukup keterangan untuk mendapatkan sabitan daripada mahkamah.

Sebarang penarikan balik kes rogol hanya dipertimbangkan setelah penelitian terperinci dilakukan dan dalam keadaan tertentu umpamanya jika saksi penting atau tertuduh meninggal dunia. Cadangan penggunaan kaedah sains forensik dalam siasatan kes jenayah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah

satu amalan lazim oleh agensi-agensi penguatkuasaan yang menyiasat kes-kes jenayah.

Mengenai isu tarikh perlakuan jenayah dalam pertuduhan seperti yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Beluran, sememangnya pihak pendakwa raya sentiasa peka untuk menyatakan tarikh perlakuan jenayah terutamanya jenayah seksual dan penderaan kanak-kanak. Ada kalanya terdapat keadaan di mana mangsa tidak mengingat tarikh yang tepat dan pihak pendakwa hanya dapat menyatakan anggara tarikh kejadian. Walau pun begitu, ini tidak akan menjejaskan pembuktian kes pendakwa memandangkan bahawa tarikh dan masa kejadian dalam kes jenayah seksual dan penderaan bukanlah inti pati yang diperlukan untuk membuktikan kes pendakwa. Siasatan sentiasa dijalankan selaras dengan kaedah-kaedah penyiasatan yang sentiasa diperkemaskan supaya pengendalian kes dapat berjalan dengan lancar dan telus.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka membangkitkan beberapa cadangan untuk meningkatkan integrasi nasional. Sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan telah bersetuju untuk memulihkan perkhidmatan feri Malaysia sebagai sumbangan untuk meningkatkan matlamat integrasi seperti berikut:-

- (i) menggalakkan integrasi nasional;
- (ii) membina bangsa Malaysia dan semangat patriotisme;
- (iii) menggalakkan peluang perkembangan ekonomi; dan
- (iv) menggalakkan industri pelancongan dan perkhidmatan.

Kerajaan sedar bahawa dalam masyarakat yang berbilang kaum banyak faktor yang mempengaruhi perpaduan integrasi. Dari segi Bahasa Kebangsaan, penerimaan rakyat berbilang kaum terhadap bahasa Malaysia menunjukkan kesedaran mereka tentang hakikat kepentingannya di negara ini. Kerajaan juga dalam masa yang sama turut memberi ruang kepada pengembangan bahasa-bahasa lain bermula dari peringkat sekolah sehinggalah ke peringkat pengajian tinggi.

Saranan supaya pemupukan perpaduan nasional di peringkat awal seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mas, sesungguhnya kerajaan sentiasa memberikan penekanan kepada usaha memupuk perpaduan dan integrasi di kalangan remaja melalui program dan aktiviti yang bersesuaian. Sebagai contoh, Program Titian Integrasi merupakan program anak angkat yang melibatkan mahasiswa mahasiswi di IPTA dan IPTS di Semenanjung atau Sabah Sarawak telah memberi

kesan yang amat positif kepada usaha memperkukuhkan integrasi nasional dan mempertingkatkan lagi persefahaman serta semangat persaudaraan antara rakyat Malaysia di Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Labuan. Usaha-usaha ini ditambah melalui penerbitan Antologi Cerpen, Buletin Jiran dan Majalah Perpaduan untuk bacaan umum khususnya kepada golongan remaja.

Ahli Yang Berhormat bagi Padang Terap mencadangkan supaya dikaji semula elaun bulanan imam dan digantikan dengan skim gaji bulanan. Sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan telah mengkaji pemberian elaun imam di semua negeri dan mendapati elaun yang dibayar adalah lebih rendah daripada kadar RM450 seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2005. Oleh yang demikian, dakwaan bahawa elaun imam yang dibayar oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri Kelantan lebih tinggi berbanding dengan apa yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah tidak benar. Kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk menggantikan elaun imam kepada skim gaji secara tetap.

Cadangan untuk mengganti elaun kepada gaji bulanan sukar dilaksanakan kerana sebab-sebab berikut:-

- (i) Imam yang dilantik mempunyai kelayakan kelulusan yang setaraf dan berbeza-beza mengikut negeri-negeri;
- (ii) Faktor umur; dan
- (iii) Kesukaran untuk menentukan skim perjawatan dengan keadaan dan kedudukan imam masjid kariah.

Walau bagaimanapun, perkara tersebut terpulang kepada pihak berkuasa kerajaan negeri kerana urusan pelantikan imam adalah di bawah bidang kuasa mereka.

Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian mencadangkan supaya insentif diberikan kepada bilal dan siak di surau dan masjid. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tugas imam, bilal dan siak agak berbeza. Tanggungjawab imam adalah lebih berat. Imam bertanggungjawab bukan sahaja mengimamkan sembahyang tetapi juga sebagai tempat rujukan keagamaan, mengetuai pembacaan doa dan tahlil di kariah masing-masing. Kerajaan belum bercadang untuk mengkaji suatu insentif atau elaun kepada bilal dan siak. Walau bagaimanapun, kerajaan tiada

halangan jika pihak berkuasa agama Islam negeri mengkaji pemberian insentif tersebut.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Padang Terap supaya diadakan latihan bagi anggota-anggota pentadbir surau dan masjid, sebenarnya kerajaan melalui JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam telah mengadakan latihan kursus mengikut tugas kepada pegawai dan ahli jawatankuasa masjid secara menyeluruh. Ia dilaksanakan sama ada oleh JAKIM sendiri di Institut Latihan Islam Malaysia atau oleh pihak berkuasa agama negeri masing-masing. Modul yang diguna pakai dirangka secara bersama oleh JAKIM dan JAIN. JAKIM dan JAIN juga sedang memperkemaskan lagi modul latihan untuk dilaksanakan di masa hadapan.

Berhubung dengan cadangan mengimarah masjid dan surau, dimaklumkan pada masa ini kebanyakan masjid dan surau telah menganjurkan program atau pun aktiviti pengimarah seperti berikut:-

- Kelas Pengajian Ta'mir;
- ceramah/forum Agama;
- Kuliah Subuh dan Maghrib;
- sambutan hari-hari kebesaran;
- Kursus Pengurusan Jenazah; dan
- Kelas Pengajian Wanita dan sebagainya

Gesaan Ahli Yang Berhormat bagi Puchong supaya pendakwah-pendakwah asing dipantau, sesungguhnya JAKIM mengambil perhatian serius terhadap perkara ini. Pada masa sekarang JAKIM dengan kerjasama JAIN dan agensi-agensi pusat sentiasa memantau kegiatan pendakwah-pendakwah dari kalangan warga negara dan pendatang asing termasuklah aktiviti yang dijalankan di masjid dan surau.

Antara langkah yang diambil ialah mengadakan tapisan terhadap setiap permohonan pendakwah dari luar negara yang ingin memasuki negara ini sama ada permohonan baru ataupun permohonan perlanjutan tempoh tinggal. JAKIM dan dengan kerjasama JAIN juga sentiasa memantau kegiatan ajaran sesat termasuk yang dibawa oleh pendatang asing. JAKIM dengan kerjasama Jabatan Imigresen akan menahan atau tidak membenarkan mana-mana orang yang dikenal pasti sebagai penyebar ajaran sesat dari memasuki negara ini. Bagi mereka yang telah dikenal pasti, tindakan undang-undang akan diambil sebagai pengajaran dan ingatan kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk mengenakan syarat kepada suami yang berhasrat untuk berpoligami seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah termaktub dalam Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan iaitu di bawah Seksyen 23(1), *“Tiada seseorang lelaki boleh berkahwin dengan seorang yang lain dalam masa ia masih beristerikan isterinya yang sedia ada kecuali terlebih dahulu mendapat kebenaran secara bertulis daripada Hakim Syariah dan jika ia berkahwin sedemikian tanpa kebenaran tersebut, maka perkahwinan itu tidak boleh didaftar di bawah akta ini”*.

Berkenaan cadangan mengenai syarat kepada suami supaya memberi layanan yang saksama kepada isteri sememangnya suami patut dan dikehendaki memberi layanan yang saksama kepada isteri-isteri. Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah suami yang tidak memberikan layanan yang saksama kepada isteri-isteri mereka. Mengikut peruntukan Seksyen 128 Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, *“Seseorang yang tidak dapat memberikan keadilan yang sewajarnya kepada isterinya mengikut hukum syarak telah melakukan satu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-dua denda dan penjara”*.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan beberapa ahli yang lain memberi pandangan serta teguran terhadap Lembaga Tabung Haji. Sesungguhnya Lembaga Tabung Haji amat berterima kasih di atas segala pandangan dan teguran yang membina untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatannya kepada pelanggan, lebih-lebih lagi pelanggan itu dari kalangan jemaah haji. Walau bagaimanapun, adalah baik sekiranya pandangan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat itu bersifat spesifik supaya Lembaga Tabung Haji dapat mengambil tindakan yang lebih pantas.

Mereka yang berpengalaman yang menunaikan fardu haji dalam tahun 80-an hingga 90-an dapat melihat sendiri penambahbaikan perkhidmatan Lembaga Tabung Haji dari tahun ke tahun. Sebahagian daripada mereka memberi penghargaan kepada Lembaga Tabung Haji di atas perkhidmatan haji yang dilakukan pada tahun 2000 dan selepasnya.

Mengenai penempatan jemaah haji ianya berasaskan penerbangan seseorang jemaah haji. Biasanya seseorang jemaah haji akan memohon untuk mendapatkan tempat dalam penerbangan bersama-sama dengan ahli keluarga atau kumpulan

masing-masing. Tujuannya supaya mereka mendapat tempat tinggal dalam satu bangunan yang sama malahan bilik yang sama. Adalah tidak wajar mengasingkan warga tua di bilik yang berasingan daripada ahli keluarga kumpulan mereka yang muda sedangkan mereka memerlukan bantuan dan perhatian daripada ahli keluarga yang muda.

Bangunan penginapan di Mekah yang disediakan oleh Lembaga Tabung Haji adalah tidak jauh dari Masjid dengan jarak antara 400 hingga 800 meter. Manakala kemudahan lif adalah yang mencukupi dan bilik yang selesa. Walau bagaimanapun, Lembaga Tabung Haji telah mewujudkan perkhidmatan khas bagi pergerakan warga tua di Arafah dan Mina di bawah Skim Warga Emas. Mereka disediakan kenderaan, perkhemahan dan petugas khas untuk membantu urusan ibadah mereka.

Setiap petugas Lembaga Tabung Haji yang berkhidmat di tanah suci diberi latihan seperti kursus teras petugas, muzakarah petugas dan lain-lain yang berkaitan dengan perkhidmatan pelanggan. Dalam usaha mempertingkatkan perkhidmatan kepada pelanggan, pada setiap musim haji akan diadakan post-mortem bagi mengenal pasti sebarang permasalahan dan mengambil tindakan penyelesaian supaya tidak berulang lagi. Ini bermakna Lembaga Tabung Haji amat prihatin berkenaan perkhidmatan kepada pelanggan. Namun, ini tidak bererti Lembaga Tabung Haji menutup pintu kepada sebarang pandangan ataupun cadangan.

Mengenai cadangan penstrukturan semula Lembaga Tabung Haji, sebenarnya Lembaga Tabung Haji telah distrukturkan semula sejak bulan Ogos 2001 dan kini telah ditadbir dengan lebih cekap melalui beberapa tindakan di antaranya memantapkan serta memperketatkan proses kelulusan pelaburan seperti berikut:-

- (a) Struktur kelulusan pelaburan – Pengerusi Lembaga Pengarahnya yang baru telah dilantik pada bulan Ogos 2001. Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang telah tamat tempoh tidak disambung perkhidmatannya dan diganti dengan ahli yang baru. Jawatankuasa Kajian Pelaburan telah dimansuhkan pada bulan September 2001 dan diganti dengan Panel Pelaburan Perniagaan dan Hukum Syarak. Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif yang baru telah dilantik pada bulan Oktober 2001. Pakar perunding daripada *Price Water*

House Coopers telah dilantik untuk menyemak portfolio aktiviti pelaburan dan penambahbaikan serta transformasi perniagaan Tabung Haji.

- (b) Bagi mempertingkatkan Jabatan Pelaburan pegawai-pegawai baru yang pakar dalam bidang pelaburan telah dilantik dan mewujudkan kajian risiko mengikut amalan yang terbaik di pasaran. Dasar-dasar pelaburan dan peraturan kawalan dalaman telah dipertingkatkan mengikut amalan terbaik di pasaran dan pakar perunding dari *Watson Wyatt* telah dilantik untuk membuat kajian mengenai rangka peruntukan aset. Proses Kelulusan Pelaburan - proses kelulusan pelaburan telah diperketatkan bagi memastikan semua pelaburan yang dibuat adalah selaras dengan profil risiko dengan pulangan Tabung Haji. Semua pelaburan memerlukan sokongan dari pihak pengurusan, Panel Pelaburan dan Lembaga Pengarah sebelum diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri
- (c) Peruntukan Aset Pelaburan – selaras dengan sektor baru Tabung Haji telah mewujudkan peruntukan (*allocation*) aset pelaburannya seperti berikut:-

• Ekuiti	50%;
• Pendapatan tetap	20%;
• Hartanah	20%;
• Pelaburan Murabahah	10%;
Jumlah besar	100%

Kajian terperinci dibuat oleh pihak pengurusan Tabung Haji sebelum mencadangkan pelaburan bagi setiap sektor di atas dengan mengambil kira jangkaan pulangan dan kajian risiko bagi setiap pelaburan.

- (d) Pelaburan dalam sektor hartanah – pelaburan Tabung Haji dalam sektor ini berkeadaan baik untuk tempoh jangka panjang dengan keadaan ekonomi negara yang semakin pulih, stabil

kedudukan keuntungan pelaburan semasa dalam sektor ini menunjukkan peningkatan jika dibandingkan dengan beberapa tahun yang lalu. Pelaburan dalam sektor perladangan – pada masa sekarang Tabung Haji terlibat dalam perladangan kelapa sawit yang dijangka mencatat keuntungan untuk jangka panjang. Tabung Haji bersyukur kerana perladangan kelapa sawit telah menghasilkan pulangan yang baik. Harga minyak sawit mentah pernah mencecah RM2,001 tan metrik pada setengah tahun pertama 2004, tetapi harga sekarang adalah RM1,501 satu tan metrik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat terdapat beberapa pelaburan Tabung Haji dan sektor pembangunan hartanah dan perladangan yang memerlukan tempoh pulangan yang lama. Kemajuan projek-projek ini pada masa ini adalah baik, tetapi masih dalam proses peringkat awal untuk menjana pulangan yang diharapkan. Sesungguhnya Tabung Haji memberi jaminan bahawa dengan struktur yang ada seperti di atas dan kawalan yang ketat serta kajian pengurusan risiko, proses kelulusan pelaburan akan ditimbang serta dikaji dengan teliti oleh Jawatankuasa-jawatankuasa dan Lembaga Pengarah.

Oleh itu isu pembelian bangunan Tabung Haji dan kerugian pelaburan dalam Metro Wangsa sebanyak RM80 juta yang berlaku sebelum tahun 2001 tidak akan berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai isu-isu yang ada kaitan dengan agama Islam dan juga dengan Jabatan Perdana Menteri dan yang sempat saya jawab. Mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri ada usul.

USUL**WAKTU MESYUARAT URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT****4.43 ptg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga 6.30 petang dan selepas itu mesyuarat akan ditangguh sehingga pukul 10.00 pagi esok”

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan, masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

[Majlis Mesyuarat disambung semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

4.44 ptg.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Bagi isu-isu yang telah disentuh saya akan cuba memberikan penjelasan yang sewajarnya.

Isu yang pertama ialah penyalahgunaan dadah. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sekijang menyatakan kebimbangan di atas penubuhan Agensi Antidadah Kebangsaan yang dilihat akan mengganggu aktiviti membanteras gejala dadah kerana pihak-pihak yang telah terlibat perlu menumpukan perhatian kepada urusan pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Agensi Antidadah Kebangsaan 2004 memberikan kuasa kepada agensi untuk melaksanakan fungsi-fungsi penguatkuasaan berhubung dengan Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan Akta Dadah Berbahaya Perlucutan Hak Harta 1988.

Dari segi penguatkuasaan undang-undang dadah menepati penahanan, penangkapan, penyiasatan, pendakwaan dan juga perisikan yang diberikan kepada ADK adalah bertujuan untuk memantapkan lagi peranan ADK sebagai agensi *focal point* negara dalam usaha membanteras gejala dadah.

Penubuhan Agensi Antidadah Kebangsaan tidak akan mengganggu fungsi dan tugas membanteras dadah yang dilaksanakan oleh agensi-agensi penguatkuasaan dadah yang lain. Dengan pemberian fungsi-fungsi penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia akan terus berjalan kerana Polis Diraja Malaysia mempunyai kuasa melaksanakan penguatkuasaan ke atas semua undang-undang dalam negara kita. Oleh itu tugas-tugas polis akan *complement* kepada fungsi penguatkuasaan ADK.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sekijang juga mendakwa bekalan dadah yang diperolehi oleh banduan di dalam pusat serenti dan penjara didalangi oleh orang dalam. Sehingga hari ini Kementerian Keselamatan Dalam Negeri tidak ada menerima laporan dan maklumat mengenai penglibatan orang dalam yang membekalkan dadah kepada penghuni-penghuni di dalam pusat serenti. Sebaliknya penyeludupan dadah ke dalam pusat serenti dilakukan oleh segelintir penghuni yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti bercorak kemasyarakatan yang dijalankan di luar pusat serenti.

Mereka menyeludup dadah ketika dibawa balik ke dalam pusat serenti dengan pelbagai cara yang kadangkala tidak dapat dikesan oleh pihak keselamatan pusat serenti. Walau bagaimanapun pihak kementerian telah mengambil tindakan dengan membuat pemeriksaan fizikal ke atas penghuni yang menjalankan aktiviti-aktiviti luar. Di samping itu juga kementerian telah mengambil beberapa tindakan iaitu mempertingkatkan langkah-langkah keselamatan supaya tidak mudah dibolosi dan mengelakkan berlakunya penyeludupan barang-barang terlarang termasuk dadah. Pemeriksaan secara berkala juga diadakan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia bagi memantau tahap keselamatan di tempat-tempat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang sama yang didakwakan berlaku di penjara. Jabatan Penjara Malaysia merupakan sebuah jabatan yang memainkan peranan yang penting dalam aspek pengurusan keselamatan dan juga pemulihan penghuni. Langkah kawalan serta peperiksaan yang rapi telah diambil untuk mencegah penyeludupan artikel larangan termasuklah dadah. Daripada hasil siasatan didapati penyeludupan dadah telah dilakukan oleh pelbagai pihak dengan pelbagai cara. Pihak yang dikenal pasti terlibat dengan penyeludupan dadah di dalam penjara adalah banduan sendiri terutamanya semasa balik dari perbicaraan iaitu melalui cara menelan atau disembunyikan di dalam dubur.

Pelawat banduan yang terdiri dari keluarga serta kenalan banduan, bekas banduan terutamanya melalui cara balingan dan kakitangan penjara sendiri. Walaupun jumlah dadah yang diseludupkan di dalam penjara adalah sangat kecil, Jabatan Penjara tetap memandang serius dan berusaha membanteras terutamanya yang melibatkan kakitangan. Di samping langkah pemeriksaan rapi dan kuarantin terhadap penghuni jabatan juga telah menubuhkan Unit Antidadah, yang antara salah satu fungsinya ialah menjalankan risikan dan siasatan berhubung penglibatan penghuni serta kakitangan dalam penyeludupan dan juga penyalahgunaan dadah.

Hasil dari tindakan tegas yang dijalankan oleh Jabatan Penjara dengan kerjasama pihak polis semenjak tahun 1998 hingga tahun 2004 seramai 12 orang kakitangan telah diambil tindakan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Jabatan Penjara tidak akan teragak-agak melaksanakan tindakan yang tegas termasuk terhadap kakitangan yang didapati menyalahgunakan kuasa yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sekijang juga menyatakan walaupun Akta Membanteras Dadah telah diadakan namun kita masih lagi dianggap untuk mengatasi masalah dadah.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak tepat untuk merumuskan bahawa negara kita gagal dalam usaha membanteras gejala penyalahgunaan dadah. Berdasarkan kepada petunjuk-petunjuk perangkaan jumlah tangkapan pesalah dadah dan jumlah rampasan dadah saya yakin bahawa usaha-usaha untuk membanteras gejala dadah yang dilaksanakan oleh kerajaan secara seriusnya, sejak 20 tahun berjaya mengawal gejala penagihan dadah dari menjadi epidemik yang tidak terkawal jika dibandingkan dengan negara-negara lain di rantau ini dan di seluruh dunia.

Malaysia merupakan antara beberapa negara sahaja yang berjaya mengawal epidemik ini. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa gejala dadah masih tidak dapat dihapuskan sepenuhnya sehingga kini dan masih menjadi musuh utama, musuh nombor satu negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya menyatakan apakah langkah-langkah yang perlu diambil ke arah memperkasa fungsi Agensi Antidadah Kebangsaan di dalam memerangi gejala penyalahgunaan dadah khususnya menerusi kerjasama dengan jabatan lain seperti PDRM. Untuk melaksanakan fungsi-fungsi baru yang diperuntukkan dalam Akta Agensi Dadah Kebangsaan 2004 kelak, Agensi Antidadah Kebangsaan perlu diperkasa menerusi aspek-aspek antaranya seperti yang berikut:

- (i) tenaga manusia mencukupi;
- (ii) latihan pengetahuan dan juga kemahiran;
- (iii) integriti dan imej;
- (iv) tatacara prosedur kerja;
- (v) peralatan dan juga kelengkapan pejabat;
- (vi) peralatan kerja; dan juga
- (vii) peruntukan kewangan.

ADK sebagai agensi utama dan agensi pusat membanteras gejala dadah negara, bekerjasama dengan lain-lain agensi khususnya PDRM menerusi koordinasi di bawah kementerian yang sama dan juga Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya juga menyatakan penyaluran dana kepada badan bukan kerajaan seperti PENGASIH masih kurang. Dasar kerajaan memberikan bantuan kewangan kepada NGO ialah untuk membantu membiayai pengurusan pentadbiran mereka sahaja. NGO diharapkan mencari sumber kewangan sendiri dari sumber-sumber lain untuk membiayai program ataupun aktiviti mereka. Dalam konteks bantuan kewangan kepada PENGASIH dimaklumkan bahawa badan ini merupakan badan yang *profit oriented* di mana mereka mengenakan bayaran kepada pelanggan ataupun penagih dadah yang mendapat rawatan daripada PENGASIH. Justeru itu, kerajaan sebenarnya ada membiayai aktiviti PENGASIH tetapi tidaklah wajar bagi kerajaan membiayai sepenuhnya aktiviti mereka.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam menyatakan bahawa publisiti memerangi dadah tidak mendapat liputan yang meluas di media cetak dan juga elektronik. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bahawa publisiti mengenai dadah tidak mendapat liputan yang meluas di media cetak dan elektronik. Ia seolah-olah seperti kita tidak ada program atau aktiviti untuk memberikan pengetahuan dan juga kesedaran kepada masyarakat umum untuk memerangi gejala dadah. Keadaan tersebut berlaku disebabkan beberapa kelemahan dan juga kekangan yang dihadapi. Di antaranya ialah soal peruntukan dan juga koordinasi antara agensi-agensi yang terlibat.

Justeru itu, kita telah mengambil langkah-langkah dengan menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Membanteras Dadah yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Jawatankuasa Bertindak Pendidikan Pencegahan Dadah dan Publisiti yang dipengerusikan oleh Menteri Pelajaran dan dianggotai oleh antaranya Menteri Penerangan, Menteri Sumber Manusia dan juga Menteri Belia dan Sukan.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam juga mencadangkan agar pihak kementerian memberikan sedikit peruntukan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam usaha mereka turut sama membantu kempen memerangi gejala penyalahgunaan dadah. Saya mengambil perhatian di atas cadangan Yang Berhormat supaya kerajaan memberikan sedikit peruntukan kepada Yang Berhormat bagi membantu kempen memerangi gejala penyalahgunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pasir Mas menyatakan supaya semua tahanan ISA dibicarakan di mahkamah. Penguatkuasaan di

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Saya hendak kembali kepada peranan media khususnya media elektronik dalam kempen menangani gejala dadah. Kita lihat salah satu daripada rancangan TV yang paling berkesan ialah rancangan hiburan dalam bentuk Anugerah ERA, Malaysian Idol ataupun seumpamanya dan banyak lagi. Jadi kita telah memberikan pandangan agar dalam rancangan hiburan seperti ini diadakan satu bentuk pencelahan tentang kempen menangani najis dadah ini. Jadi saya umpamakan misalnya dalam program itu, juruacara berani menyatakan bahawa mereka yang

berjaya ini adalah mereka yang tidak terlibat dalam dadah ataupun tidak terlibat dalam rokok. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai saranan ini yang boleh memberikan perhatian khusus kepada ramai majoriti golongan muda? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dan saya percaya perkara ini kita akan cuba laksanakan apabila Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet akan diadakan. Tetapi juga untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita juga sekarang ini telah pun bersama-sama dengan Akademi Fantasia yang kita lantik sebagai duta untuk kita memerangi dadah ini dan kita akan cuba turun ke padang untuk kita berkempen bersama-sama dengan artis supaya belia-belia sambil mereka berhibur, mereka juga akan didedahkan kepada Kempen Antidadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Pasir Mas mengatakan tahanan ISA dibicarakan [*sambil melihat kepada Yang Berhormat bagi Pasir Mas*] Adakah Pasir Mas atau tidak, tidak ada ya? Dibicarakan di mahkamah terbuka. Penguatkuasaan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 adalah sejajar dengan objektif akta berkenaan yang digubal sebagai satu undang-undang pencegahan. Setiap tangkapan tahanan dan juga sekatan atau buang daerah, di bawah akta ini bertujuan untuk mencegah seseorang daripada melakukan sebarang perbuatan dengan apa-apa cara yang boleh memudaratkan dan juga mengancam keselamatan negara, menyenggarakan perkhidmatan perlu di dalam Malaysia dan juga kehidupan ekonomi Malaysia.

Justeru peranan yang dibuat di bawah ISA ini adalah melalui proses siasatan dan penilaian dari aspek ancaman yang telah, sedang dan bakal diberikan terhadap keselamatan negara. Tangkapan yang melibatkan ahli-ahli JI ataupun KMM tidak didakwa di mahkamah terbuka, tidak seperti kes Dato' Seri Anwar Ibrahim dengan asas tangkapan kepada JI dan juga KMM ialah ditahan di bawah ISA yang jelas memperuntukkan tahanan tanpa perbicaraan.

Walaupun tahanan di bawah AKDN tidak dihadapkan di mahkamah terbuka, tetapi mereka juga sebenarnya diberikan hak untuk diwakili oleh peguam yang dipilih oleh mereka sendiri. Selain daripada itu mereka juga diberikan hak yang lain seperti hak untuk membuat rayuan ke Lembaga Penasihat. Menurut Seksyen 11 (1) 1960, setiap orang yang dikenakan perintah tahanan di bawah Seksyen 8 (1) akta tersebut berhak membuat rayuan terhadap perintah tahanannya, manakala menurut Seksyen

13, AKDN 1960, Lembaga Penasihat mesti mengulang kaji perintah tahanan tidak lewat daripada 6 bulan selepas penyelesaian pendengaran rayuan itu oleh Lembaga Penasihat yang kepadanya rayuan itu dibuat.

Dalam proses sidang Lembaga Penasihat inilah, syor Lembaga Penasihat akan diambil kira dalam pembebasan orang tahanan atau sebaliknya. Kerajaan tidak boleh membebaskan dengan sewenang-wenangnya orang tahanan tanpa melalui proses undang-undang yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerlun mencadangkan agar elaun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua yang bangun di sini.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Salahuddin bin Ayub: *[Bangun]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Bagi kepada Ketua Pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, sila.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam beberapa tahun ini, satu menteri lepas satu menteri pernah berkata bahawa ISA di bawa dan di dalam kajian oleh satu jawatankuasa tugas khas dan lain-lain, termasuk Yang Berhormat Menteri dari Jelebu.

Tetapi sampai sekarang tidak pernah ada apa-apa hasil yang konkrit, apa kedudukan sebenarnya, adakah ISA pernah dalam kajian, sedang dalam kajian atau tidak pernah dikaji? Bolehkah kita dapat satu kedudukan yang sebenar?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya bersetuju menteri-menteri kata sedang dikaji bukan hendak dihapuskan. Jadi sekarang kita sedang kajilah, apabila sedang dikaji, takkan kita hendak heboh, tunggu siap kajian, kita bentanglah dalam Parlimen, kalau kita setuju.

Tuan Lim Kit Siang: Siapa yang kaji?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Hendak tahu siapa yang kaji? Itu pun hendak tahu, takkanlah Yang Berhormat tidak tahu? Siapa yang ada kuasa membuat penggubalan undang-undang. Itu pun tidak faham Yang Berhormat?

Siapa yang draf undang-undang, siapa yang hendak kaji undang-undang, kalau itu tidak faham, saya beri tuisyen di luar, bagaimana peranan dalam kerajaan ini. Hah, sila Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih dan tahniah kerana menang MT. *[Ketawa]* Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, prinsip undang-undang dalam sesebuah negara itu adalah untuk menegakkan keadilan. *What ever* apa-apa pun mereka ini Jlkah, mereka ini KMMkah, saya bersetuju untuk keselamatan negara dan untuk masa depan negara mereka ini mesti dihukum. Kalau mereka *terrorist* dan ada bukti mereka ini pengganas yang mengancam keselamatan negara, mereka mesti dihukum dan diberikan hukuman yang setimpalnya akan perbuatan mereka.

Jadi saya bersetuju kalau ISA ini dikaji semula dan langkah-langkah *pre-emptive* ini perlu. Itu saya setuju. Tetapi, atas prinsip undang-undang kalau mereka, kalau kerajaan, kalau polis, yang saya rasa polis di Malaysia ini adalah di antara yang tercekap di dunia ini, yang kompeten ini, mereka ada bukti, kenapa tidak dakwa mereka ke mahkamah terbuka. Biar mereka menerima hukuman sekiranya mereka bersalah dan ini boleh mengelakkan berlakunya satu bentuk ketidakadilan terhadap mereka. Jadi, di sini saya menekankan bahawa prinsip keadilan mesti ditegakkan dan mereka mesti dibicarakan, mereka mesti diberikan kebebasan ataupun diberikan hukuman di atas prinsip undang-undang, , biar mahkamah yang memberikan mereka satu keputusan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat, juga tahniahlah malam tadi masuk televisyen, siaran langsung. *[Disampuk]* Itu pun kata kita tidak demokrasi lagi. Bagi DAP, hah itu... *[Ditujukan kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam]* tahniah jugalah kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam pun masuk malam tadi kan. Hah! Masuk dalam TV. Tengok kita liberal, beri peluang. *[Disampuk]* Pembangkang masuk. *[Ketawa]* Itu pun kata kita zalim lagi.

Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat.....

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya!

Puan Chong Eng: Ada Parlimen, ayo... banyak kompelin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Ketawa]* Tetapi, dia cakap. Saya tengok dengan kawan-kawan. Dia orang bercakap malam tadi, Tuan Yang di-Pertua, mereka kata, nasib baik laporan Parlimen ini tidak disiarkan terus-menerus, sebab dia kata, dia

tengok wakil DAP bercakap malam tadi pun tidak ikut peraturan. Orang lain bercakap, dia *pot pet, pot pet*, bercakap. Jadi, mereka kata, tidak ada *standard*.

Kalau siaran Parlimen ini masuk dalam TV, lagi orang rasa menyampah tengok DAP bercakap. *[Ketawa]*

Puan Chong Eng: Samalah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat, tetapi seperti mana yang saya kata, ini kita sedang kaji. Hah! Kita sedang kaji, tengok macam mana keadaan, tetapi tidak akan kita hapuskan. Kita kena bezakan di antara undang-undang pencegahan dengan undang-undang penjenayah. Kalau hendak bukti saya bersetuju. Yang Berhormat kata mesti ada bukti sebelum kita tangkap. Itu undang-undang jenayah, tetapi ini undang-undang pencegahan.

Kemudian, Yang Berhormat kata, "hak". Hak itu betul, hak individu, tetapi mana yang lebih penting. Hak individu atau hak orang ramai. Adakah kita hendak berikan peluang mengikut undang-undang kepada individu tertentu yang mungkin kalau kita lambat bertindak akan menyebabkan jutaan – dan negara kita akan hancur. Yang mana lebih baik?

Saya pun sama dengan Yang Berhormat dahulu, sebelum jadi Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, saya pun fikir sedemikian, tetapi bila saya sudah jadi Timbalan Menteri ini, saya memang cukup bersetujulah ISA lebih penting. Kerana lebih penting, kita beri perlindungan kepada negara daripada kepentingan individu itu sendiri.

Beberapa Ahli: Betul.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sebab yang hendak melakukan kesalahan ini adalah individu. Yang hendak bom itu bukan ramai pun, seorang dua sahaja yang terlibat dalam bom. Apa guna sudah meletup macam di Jakarta, baru kita hendak tangkap, sampai sekarang pun tidak boleh tangkap. Kita tengok di Indonesia, dakwa Abu Bakar Bashir tidak selesai lagi sampai sekarang, bom masih meletup juga, JI masih berjalan juga.

Oleh itu kita lihat negara kita cekap, sebab itu kalau kita lihat sejarah, tidak silap saya bulan Julai kita tangkap JI dahulu, kita tangkap di Malaysia dahulu, barulah berlaku letupan di 11 September, dan barulah di Jakarta meletup. Bermakna kita

lebih *advance*, lebih tahu daripada negara-negara lain. Sebab itu pada hemat saya ISA ini kita mesti kekalkan demi untuk menjaga keselamatan di dalam negara kita.

Yang Berhormat bagi Jerlun juga mencadangkan agar elaun diberikan kepada pegawai polis yang bertugas melakukan sekatan jalan raya ketika aktiviti lumba haram kerana tugas ini membahayakan mereka. Pada ketika ini, PDRM tidak bercadang untuk mewujudkan sekatan jalan raya kepada pegawai dan juga anggota polis yang menjalankan tugas tersebut bagi membanteras kegiatan lumba haram. Cawangan Trafik sebagai tonggak utama dalam menjalankan operasi bersepadu itu bagi membanteras kegiatan lumba haram seluruh negara telah diberi bayaran insentif polis trafik kepada semua pegawai dan anggotanya. Dengan kadar.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sekejap, sekejap, hendak beri habis pasal elaun trafik.

Dengan kadar RM250 sebulan, berkuat kuasa mulai 16 Jun 2001. Pemberian bayaran ini oleh kerajaan adalah atas pertimbangan bahawa tugas yang dijalankan mempunyai risiko yang tinggi dan membahayakan kepada nyawa dan tubuh badan mereka. Okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai, ada apa? Hendak beritahu kita, Yang Berhormat sudah berjaya? [*Ketawa*] Itu sahajalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat pun tahniahlah telah berjaya MKT. Cuma saya hendak minta penjelasan, pada pandangan Yang Berhormat, sekarang ini sudah menjadi MKT, jadi Timbalan Menteri, adakah benar gaji yang kita beri pada pasukan keselamatan hari ini mencukupi untuk kita hidup.

Beberapa Ahli: Betul.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Basic salary* yang depa dapat ini. Bagi pandangan saya tidak mencukupi. Apatah lagi kalau mereka berada di dalam kawasan-kawasan yang *cost of living* itu tinggi. Jadi, apakah kerajaan ataupun kementerian Yang Berhormat cuba mengkaji kembali. Memastikan bahawa apabila mereka berkhidmat mereka tidak payah fikir tentang masalah di rumah.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham kadang-kadang mereka ini berhutang. Berhutang dengan bank, bank memberi pinjaman dan sebagainya. Ambil. Bukan kerana apa, kerana hendak anak sekolah, kerana itu dan ini. Jadi, apakah pihak kementerian akan mengkaji untuk memastikan bahawa *basic salary* kepada – bukan setakat anggota-anggota polis tetapi pasukan keselamatan, semua dikaji supaya mencukupi dengan paras *cost of living*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara ini pun telah dibangkitkan dan Menteri sedang menjawab. Cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak, saya hendak memperingati, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Hati yang baiklah, sudah duduk dahulu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya ikut, saya ikut, Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup baik sekarang. *[Ketawa]* Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tahniah, Yang Berhormat menang Timbalan Pengerusi Tetap. Nanti dalam Mesyuarat Agung, Pengerusi Tetap ingatkan perwakilan supaya berhenti bercakap, saya risau Yang Berhormat besok, perwakilan suruh Yang Berhormat berhenti bercakap – jadi Timbalan Pengerusi. *[Ketawa]*

Saya ucapkan terima kasih kepada keprihatinan Yang Berhormat mengenai gaji polis. Saya memang bersetuju pendapat Yang Berhormat supaya gaji polis ini kalau boleh dikaji. Tetapi sebenarnya Yang Berhormat, baru-baru ini kita telah pun membuat kajian dan kita buat penyelarasan gaji polis, di mana kita telah pun kuatkuasakan penyelarasan gaji polis ini pada Januari 2004. Melalui pelarasan gaji polis ini, kenaikan telah pun dibuat antara 1% dan 14.6% mengikut kategori pangkat masing-masing. Ini berlaku selepas kerajaan memperkenalkan Sistem Saraan Malaysia menggantikan Sistem Saraan Baru, yang dilaksanakan mulai 1 November 2002 kepada kakitangan awam termasuk anggota PDRM.

Justeru itu adalah tidak adil bagi kerajaan untuk memberikan lagi pelaksanaan gaji kepada PDRM dalam waktu yang terdekat ini. Oleh sebab kita baru. Dahulu masuk polis hanya kelayakan SRP, hanya lulus SRP sudah boleh masuk, jadi bila ada penyelarasan gaji ini, kita syaratkan kelulusan minimum ialah SPM. Jadi, bila kelulusan SPM, gaji akan naik seperti lain-lain jabatan. Hanya kakitangan penjara

kesian. Penjara – oleh kerana kelulusan masuk pun masih lagi SRP, maka gaji penjara kita lihat lebih rendah daripada gaji lain-lain jabatan. Ini kita sedang berusaha untuk membuat penyelarasan.

Yang Berhormat bagi Tanjong menyatakan mengenai masalah rasuah dan juga masalah disiplin yang sering dilaporkan di dalam laporan Suruhanjaya Perkhidmatan Polis setiap tahun. Saya tidak nafikan bahawa memang terdapat kes-kes rasuah dan kes-kes disiplin di kalangan pegawai dan juga anggota polis. Pihak kerajaan memandang berat di atas perkara ini dan Suruhanjaya Pasukan Polis sentiasa mengambil tindakan tegas yang berterusan, termasuklah tindakan tatatertib seperti tahan kerja, gantung kerja, tamat perkhidmatan, turun pangkat, tahan pergerakan gaji dan buang kerja di kalangan pegawai-pegawai dan juga anggota polis di semua peringkat yang didapati bersalah ataupun melanggar peraturan sebagai penjawat awam.

Di sepanjang tahun 2000 hingga Julai 2004, seramai 3,584 pegawai dan anggota polis telah dikenakan tindakan tatatertib. Pihak Berkuasa Tatatertib adalah tegas dan prihatin dalam menangani masalah disiplin di kalangan pegawai dan anggota polis dalam usaha kerajaan untuk memulihkan imej PDRM di mata masyarakat dengan harapan akan wujudnya sebuah pasukan polis yang cemerlang dalam menjaga keselamatan, keamanan dan juga ketenteraman awam.

Dalam urusan menangani masalah rasuah dan masalah disiplin ini, di samping tindakan tatatertib yang diambil terhadap pegawai dan anggota polis yang terbabit, kerajaan juga terus berusaha mencari jalan mengatasi masalah ini termasuk mengubahsuaikan atau mengemaskinikan prosedur-prosedur kerja supaya ianya lebih berkesan dan telus dan kita juga menyerahkan kepada pihak-pihak yang lain untuk mengambil tindakan kepada pihak polis, anggota dan juga pegawai polis.

Saya ingin nyatakan, dalam tempoh tahun 2000 hingga Julai 2004, seramai 523 pegawai dan anggota polis telah pun ditahan oleh pihak BPR. Kerajaan sedang dan akan mengambil tindakan sewajarnya dengan mengambil kira peraturan-peraturan penambahbaikan yang diperakukan oleh Suruhanjaya Diraja berkenaan bagi mewujudkan satu pasukan polis yang berwibawa. Laporan lengkap Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan tersebut dijangka akan siap dan dikemukakan kepada pihak kerajaan pada awal tahun depan.

Buat masa ni PDRM juga sangat menitikberatkan tentang disiplin dan juga gejala rasuah ini. Sebarang syor yang dibuat oleh Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM melalui Arahan Tetap Ketua Polis Negara telah pun kita laksanakan. Di samping itu kursus-kursus dan juga latihan yang dianjurkan di pusat-pusat latihan PDRM sentiasa menekankan soal-soal disiplin dan juga gejala buruk rasuah dalam usaha menaikkan imej PDRM.

Secara amnya pihak kerajaan juga telah melancarkan Pelan Integriti Nasional bagi mendidik dan juga melahirkan masyarakat yang bermaruah dan juga merangkumi pegawai-pegawai awam dan juga orang ramai bagi menghapuskan gejala rasuah di semua peringkat serta lapisan masyarakat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Chow Kon Yeow: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi Puchong mencadangkan satu unit risikan ditubuhkan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tanjong dan Ipoh Timur bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Suruhanjaya Polis Diraja Malaysia, pada hari pertama sidang Parlimen ini pada masa sesi soal jawab apabila saya timbulkan mengenai laporan interim Suruhanjaya Polis Diraja Malaysia, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa itu mengatakan bahawa dia boleh beri satu laporan itu kepada saya dan sekarang sudah hampir satu bulan saya masih menunggu laporan tersebut. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih tidak boleh beri laporan itu, bukankah ini menunjukkan satu prestasi sama ada tidak kecekapan atau ketelusan? Apa masalah? Kenapa masa itu kata boleh beri tetapi sekarang sudah satu bulan masih tidak boleh beri. Bolehkah laporan itu diberikan?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sudah agak Yang Berhormat mesti bertanya soalan ini. Yang Berhormat, semasa saya menjawab soalan itu, memang betul Yang Berhormat, saya ada satu *copy*, saya pun tidak dapat laporan ini sebenarnya. Laporan itu hanya saya dapat bila saya diberi pada pagi itu. Oleh sebab itu saya fikirkan perkara ini bukan satu benda yang rahsia sebab saya tengok tidak ada apa pun di dalam laporan itu. Sebab itu kita kata kita boleh beri tetapi Yang Berhormat kena ingat bahawa laporan itu ialah laporan Suruhan Diraja Pembaikan Polis Diraja Malaysia. Saya hari itu hanya tolong membacakan.

Oleh itu Yang Berhormat, saya telah pun mengambil tindakan, saya telah menulis surat kepada Suruhanjaya, saya katakan yang saya sudah berjanji dengan Yang Berhormat Ketua Pembangkang untuk beri satu laporan, apakah boleh atau tidak boleh. Kemudian surat saya itu telah pun dijawab, saya memang pun hendak beri Yang Berhormat satu salinan surat ini supaya Yang Berhormat boleh baca sebab apa yang ini hak saya [*Menayangkan kepada Dewan*] dia beri kepada saya, jadi saya boleh beri kepada Yang Berhormat. Laporan itu adalah hak Suruhanjaya, jadi saya kena minta daripada Suruhanjaya dan mereka telah pun menjawab dengan memberi sebab mengapa mereka tidak boleh memberi kepada saya. Jadi saya memang hendak beri kepada Yang Berhormat satu salinan, oleh sebab yang ini saya punya saya boleh berilah. Yang laporan itu Suruhanjaya punya, mereka tidak beri, saya tidak boleh buat apa-apalah. Okey? Saya pun memang hendak bagi.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan saya, sungguhpun laporan itu laporan Suruhanjaya Polis Diraja Malaysia tetapi sudah dibentangkan kepada pihak kerajaan, bukankah ini satu tanggungjawab kerajaan untuk mengumumkan, sekurang-kurangnya pada hari pertama Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa tidak ada masalah. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan sebab yang diberikan untuk mengatakan ia patut menjadi satu rahsia? Saya tidak tahu, saya belum baca laporan ini.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, dia ada beri alasan di sini, Suruhanjaya telah mengklasifikasikan dokumen laporan sebagai "Rahsia" dan edarannya adalah amat terhad sekali. Saya sebagai Timbalan Menteri pun tidak dapat, takkan Yang Berhormat Ketua Pembangkang hendak dapat lebih daripada saya? Saya sudah beri satu salinan kepada Yang Berhormat dan Yang Berhormat boleh baca dan ini adalah laporan awal. Saya boleh terima alasan yang diberi, ini laporan awal yang baru dilaporkan, yang dihantar kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Suruhanjaya kena report kepada Yang di-Pertuan Agong.

Ini adalah laporan yang pertama dan akan ditamatkan dengan laporan kedua. Saya tidak tahu laporan kedua ini sama ada Suruhanjaya ini akan bentangkan ataupun tidak di dalam Parlimen kerana yang melantik Suruhanjaya ini bukannya Perdana Menteri, yang melantik ialah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ini Suruhanjaya, Yang Berhormat, bukannya urus setiakah, bolehlah kalau kita ada kuasa.

Jadi yang melantiknya adalah Yang di-Pertuan Agong, jadi terpulanglah kepada Yang di-Pertuan Agong menentukan macam mana keputusan yang hendak diambil.

Saya fikir pada masa itu, saya tidak ada masalah, saya ini telus Yang Berhormat, apa yang hendak dirahsiakan? Tetapi bila ia sudah beri jawapan saya kena hormatlah apa yang Suruhanjaya nyatakan. Saya harap Yang Berhormat boleh terima, dan kalau Yang Berhormat tidak berpuas hati lagi, Yang Berhormat boleh tulis sendiri kepada Suruhanjaya tanyakan sebab apa tidak boleh beri. Saya sudah minta, Yang Berhormat dan mereka sudah menjawab surat saya. Saya minta maaf kalau saya tidak boleh tunai janji, saya memang hendak bagi kepada Yang Berhormat dan sebab itulah saya minta tetapi kerana mereka sudah jawab begitu saya tidaklah boleh kata apa-apa.

Yang Berhormat bagi Puchong mencadangkan supaya satu unit risikan ditubuhkan untuk mengawal masalah rasuah dan ketidakcekapan penguat kuasa, pegawai dan juga anggota PDRM. Saya ingin menyatakan bahawa Polis Diraja Malaysia telah menubuhkan Unit Risik tersebut semenjak 26 Disember 1990. Penubuhan Unit Risik tersebut adalah bertujuan untuk mengawal masalah rasuah dan lain-lain salah laku termasuk ketidakcekapan anggota dan juga pegawai dalam PDRM. Unit ini dikenali sebagai Unit Risik Bantuan Teknik di mana ia diletakkan di bawah pengawasan Timbalan Ketua Urus Setia KPN iaitu urusan tatatertib. Semenjak penubuhannya, unit ini telah banyak membantu dalam penyiasatan tindakan tatatertib terhadap pegawai kanan anggota pangkat rendah dan juga kakitangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Puchong, Sandakan, Sepanggar dan juga Padang Terap menyentuh mengenai jenayah pendatang asing di Malaysia. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan keadaan di dalam negara ini berada dalam keadaan aman dan selamat. Oleh yang demikian, berbagai-bagai langkah telah dilaksanakan oleh kerajaan bertujuan membendung dan menangani kes-kes jenayah yang berlaku di negara ini termasuk yang melibatkan rakyat asing ataupun pendatang tanpa izin. Bagi tujuan membendung dan menangani masalah jenayah yang melibatkan rakyat asing khususnya pendatang tanpa izin, langkah-langkah yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Sejak tahun 1991 sehingga sekarang kerajaan telah melancarkan berbagai-bagai operasi untuk menangkap pendatang tanpa izin termasuk pekerja asing yang tidak mempunyai sebarang dokumen

perjalanan yang sah. Sebagai contoh, Ops Nyah Satu telah dilancarkan bagi menangkap pendatang tanpa izin yang masuk kawasan pantai dan juga sempadan negara. Ops Nyah Dua telah dilancarkan untuk menangkap pendatang tanpa izin dan pekerja asing yang masuk secara haram dan tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah.

Selain itu beberapa operasi seperti Ops Bersih di Sabah, Ops Nyah Dua di Sarawak dan Ops Wawasan di Kelantan telah dilancarkan untuk menangani masalah kemasukan pendatang tanpa izin di negara ini.

- Kerajaan juga telah meminda Akta Imigresen 1956/63 bagi memperuntukkan hukuman yang lebih berat terhadap memasuki negara ini secara tidak sah. Akta Imigresen Pindaan 2002 telah diluluskan dan berkuat kuasa pada 1 Ogos 2002. Akta tersebut memperuntukkan hukuman ke atas pendatang tanpa izin, penghuni atau tuan punya premis yang membenarkan pendatang tanpa izin masuk ke dalam premis berkenaan serta orang-orang yang melindungi pendatang tanpa izin dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda yang berat atau penjara dan juga sebatan. Ramai sebenarnya pendatang-pendatang tanpa izin telah pun dijatuhi hukuman sebat. Yang belum lagi, kita hendak tunggu majikan, kita telah minta mana-mana majikan yang menggaji, mengambil pendatang tanpa izin, kita harap majikan ini pula akan kita tangkap dan majikan bila didapati bersalah majikan juga boleh dikenakan hukuman rotan.

Tuan Chow Kon Yeow: *[Bangun]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya bagi habis sekejap, sekejap ya, Yang Berhormat, saya bagi habis mengenai Imigresen.

- Mengenakan syarat kepada majikan supaya menyediakan penginapan bagi semua pekerja asing agar pergerakan mereka terkawal dan juga terbendung;
- Meningkatkan rondaan di kawasan-kawasan yang disyaki menjadi tumpuan pendatang tanpa izin dan selain daripada operasi yang

hanya dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia, operasi bersepadu yang melibatkan pihak penguatkuasaan lain seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam, RELA, Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Jawatankuasa Keselamatan juga dipergiatkan.

Pihak Polis Diraja Malaysia sentiasa melaksanakan pelbagai operasi dari masa ke semasa bagi tujuan membendung dan juga menangani banjiriran pendatang tanpa izin ke negara ini...

Cik Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: ...serta mencegah kegiatan jenayah yang melibatkan pendatang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, sekejap, sekejap. Saya hendak habiskan ini sedikit lagi. Berdasarkan kajian yang dilakukan ke atas tangkapan pendatang tanpa izin dari tahun 2000 hingga tempoh Januari dan Ogos 2004, didapati tangkapan yang dibuat adalah sebanyak 472,296 orang. Daripada jumlah tersebut sebanyak 51,045 pendatang tanpa izin telah ditangkap untuk tahun ini sahaja sehingga Ogos. Penjara pun sudah penuh, depot pun sudah penuh. Sudah tidak tahu mana hendak letak pendatang tanpa izin ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, saya bagi dahulu Yang Berhormat yang hendak tanya tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Nanti saya bagi Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Dia bangun dahulu tadi.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Semua langkah-langkah operasi yang diadakan oleh kerajaan, kami menyokong. Tetapi masalahnya ialah sebelum operasi ada banyak kali maklumat terbocor. Ini saya menonton rancangan 999 ada menyatakan maklumat terbocor sebelum pihak yang

bertanggungjawab itu atau pihak berkuasa pergi ke tempat tersebut untuk menjalankan operasi, maklumat terbocor.

Ada juga kita boleh nampak sekarang, ada pihak polis sangat suka mengadakan sekatan jalan untuk buat apa? Agar dapat menangkap pendatang tanpa izin, selepas itu mendapat ganjaran sebaliknya iaitu rasuah. Saya ada terima panggilan di mana pendatang tanpa izin ini, majikannya menghubungi saya, dia kata, "Ini saya punya pekerja kena tangkap." Lepas itu saya kata, "Ini hak pihak polis". Pada hari lain saya tanya dia, "Sudah bebas sebab sudah bayar". Ini memang benar.

Perkara ketiga ialah tempat kontrak kerja-kerja pembinaan projek kerajaan juga dan *government link* punya projek seperti pembinaan satu universiti yang saya kendali sendiri masalahnya, di mana pihak subkontraktor ini lebih gemar mengambil pekerja tanpa izin. Yang pekerja dengan izin yang mempunyai permit itu, mereka tidak membayar gaji. Yang pekerja tanpa izin, mereka boleh tidak bayar gaji mereka, sebab mereka tidak boleh mengadu.

Ini pekerja yang tidak dibayar, pekerja asing ini dia datang mengadu kepada saya, lima bulan tidak dibayar. Dia kata, "Saya hubungi pihak berkuasa, lepas itu akhirnya telah dibayar dan permit tidak dilanjutkan." Saya kata, "Kerja sudah siapkah?" Saya tanya pekerja Indonesia ini. Dia kata, "Kerja tidak siap. Kontrak sebenarnya dua tahun." Tetapi sekarang mereka ambil pekerja kosong. Pekerja kosong maksudnya pekerja yang tanpa izin. Mereka tidak boleh mengadu.

Jadi, yang menjadi tempat *harboring all these illegal*, dengan izin, ialah terlibat juga projek-projek di bawah kerajaan. Jadi, saya pohon penjelasan berkenaan perkara ini. Selagi masalah rasuah tidak selesai di kalangan pihak berkuasa, saya rasa masalah pendatang tanpa izin atau apa-apa masalah juga tidak akan dapat diselesaikan hingga ke akar umbinya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasihlah Yang Berhormat, bagi makluman. Itu bocor itu, Yang Berhormat. Yang sudah bocor, baru kita dapat tangkap 472,000. Ini 51,000, itu bocor itu. Kalau tidak bocor, saya ingat saya hendak buat tambahan letak dekat rumah Yang Berhormatlah, pendatang tanpa izin ini. Ikut saya melawatlah, penjara dengan depot. Hendak letak di mana? Kita letak berpusu-pusu nanti, *human rights* datang pula, Suhakam datang pula, sudah tidak mengikut peraturan dan sebagainya.

Kapasiti penjara kita sudah naik lima kali ganda. Saya ambil satu contoh, lokap untuk wanita untuk seorang, sekarang kita bubuh sepuluh orang. Sampai hendak tidur pun tidak boleh, depot.

Cik Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Nanti. Bagilah saya habis jawab dahulu. Saya faham, saya hendak beritahu. Walau bagaimanapun saya berterima kasihlah kepada Yang Berhormat kerana memberikan maklumat-maklumat yang terbaru. Tetapi Yang Berhormat seorang peguam. Kita sedia maklum, Yang Berhormat juga peguam. Yang Berhormat cakap bagi bukti. Saya janji dengan Yang Berhormat, Yang Berhormat tolong bagilah specific case, tidak boleh rambang. Kita tidak boleh buat tuduhan-tuduhan yang rambang. Saya boleh cakap, semua orang politik rasuah dan sebagainya, tetapi bukti macam mana?

Yang kedua, yang projek kerajaan. Projek kerajaan itu kerajaan bagi projek. Bukan kerajaan yang hendak buat projek itu. Itu ialah kontraktor. Kita tidak kira. Bila kita buat operasi, kita tidak tengok ini projek kerajaan, kita tidak tangkap. Ini projek bukan kerajaan, kita tangkap. Tidak ada. Kita buat operasi, kita akan terus tahan dan siapa juga atau mana-mana punya projek, kalau mereka melanggar peraturan, kita akan ambil tindakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada banyak lagi?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya janji dengan Yang Berhormat sejam, ada sedikit lagi.

Cik Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Okey, Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Saya bagi sekali lagilah sebab dia tidak puas hati.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hei!

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Nanti, nanti, saya bagi, saya bagi Yang Berhormat. Nanti sekejap.

Beberapa Ahli: Hei! *[Ketawa]*

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa gunanya forum Dewan ini kalau bukan untuk kita menjadi pengantara bagi menyalurkan semua maklumat yang kita terima. Kalau saya jadi kerajaan, biar saya akan pergi siasat.

Gunakan maklumat yang kita ada di sini, biar pergi buat siasatan. Jangan selalu cabar kita untuk buat aduan polis untuk kemukakan bukti. Jangan buat cabaran macam itu. Apa guna forum macam ini? Kalau macam itu, apa guna forum macam ini? Apa guna forum di sini? Ini perkara pertama.

Perkara kedua ialah berkenaan dengan penangkapan operasi maklumat terbocor. Kalau sudah bocor, 400,000 lebih, saya percaya. Kalau tidak bocor, berjuta-juta boleh ditangkap. Ini ialah masalah keselamatan. Kalau kita tidak boleh pastikan pendarang tanpa izin tidak boleh masuk, apa keyakinan orang ramai terhadap keselamatan yang dibekalkan oleh kerajaan. Jadi, isu dan masalahnya ialah rasuah. Jadi, jangan minta kita semua bagi bukti. *[Disampuk]* Saya boleh bagi nama universiti tersebut tetapi jangan minta saya bawa semua bukti dokumen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Cukup, cukup.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, betullah di Dewan ini boleh berbincang. Kalau masalah dengan pembangkang ini, hendak dengar cakap pembangkang sahaja. Dengarlah juga saya punya hujah. Kalau Yang Berhormat boleh dengar hujah saya, Yang Berhormat tidak akan membuat tuduhan melulu. Masalah hendak dengar, jangan ingat apa Yang Berhormat cakap semua betul. Saya tidak nafikan ada juga kebenarannya. Tetapi jika laporan begitu sahaja, apa tindakan yang boleh kita ambil.

Saya hendak beritahu, tanpa Yang Berhormat bagi laporan pun, kita sudah tangkap dekat 400,000 lebih. Tahun ini sahaja 50,000 kita sudah tangkap tanpa Yang Berhormat bangkitkan di dalam Dewan. Dan juga tuduhan rasuah, kita telah tangkap sekarang kalau kata kita tidak ambil tindakan, BPR telah menangkap seramai 369 orang pegawai dan juga anggota polis. Jadi ingat, jangan tuduh bila ada rasuah BPR tidak tangkap. Kalau BPR tidak bertindak, takkan kita sudah boleh tangkap 369 orang. 523 orang pegawai dan anggota polis, kita kenakan tindakan hukuman-hukuman di mana kita tahan di bawah kesalahan-kesalahan yang lain.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Jadi... Ha, okey.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Yang Berhormat bagi Batu Gajah ini syak jahat. Parti pembangkang begitulah. Sebenarnya kita patut berterima kasih dan tahniah kepada pasukan keselamatan. *[Tepuk]* Mereka bekerja bertungkus-lumus mengawal kemasukan pendatang-pendatang haram dan tindakan memang sentiasa diambil. Itu sesuatu yang memang kita telah pun dapat kenyataan dengan terang dan jelas. Tidak ada apa-apa perkara yang buruk, yang telah pun dilakukan oleh anggota keselamatan kita dalam usaha melindungi negara kita daripada kebanjiran pendatang tanpa izin ini.

Cuma saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukan hendak membela pendatang haramlah, pendatang haram tetap pendatang haram, tetapi ada kes penganiayaan. Dia dibawa masuk tanpa dokumen sah oleh orang-orang tertentu, kerja dalam ladang, gaji tidak dibayar dan hanya diberi makan. Konon berjanji bahawa gajinya akan disimpan, "Tetapi nanti bila you hendak balik, bolehlah ambil semua gaji." Tetapi apabila sampai tempoh dia akan dikembalikan, tauke ini sudah report kepada pihak berkuasa. Jadi, bertempieran dia ini dengan alasan tauke ini tidak payahlah lagi dia bayar gaji kerana dia diburu oleh pihak pasukan keselamatan kita.

Jadi, ini penganiayaan. Dalam kes-kes macam ini macam mana kita hendak ambil tindakan kepada majikan yang tidak berhati perut ini. Soal pendatang tanpa izin itu satu perkara tapi penganiayaan kepada pekerja-pekerja asing ini yang memang ikhlas hendak cari makan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:memotong buah kelapa sawit dan sebagainya. Saya dengar cerita, nanti dahulu *[Berkata kepada Tuan Yang di-Pertua]* kadang kala perempuan dibawa dalam hutan ini oleh tauke-tauke yang berkenaan. Dia kerja dua jenis. Tauke ini pula mengambil hasil lagi kerja malam. Ini kes-kes penganiayaan. Saya sedar bahawa kerajaan kita memang satu kerajaan yang benar-benar bersikap adil tetapi kes-kes penganiayaan seperti inilah macam mana kita hendak mengatasi masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini soal siapa yang tidak bertanggungjawab menganiaya kepada pekerja-pekerja tanpa permit, pendatang asing. Ini saya maklumkan kepada Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat Menteri ada sepuluh minit lagi ya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Okey. Terima kasih Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat tanya saya, memanglah sebagai manusia biasa kita memang simpati tetapi kalau daripada segi undang-undang kita dia sudah tahu bahawa masuk negara kita mesti ada peraturan, yang dia pergi ikut masuk negara kita tanpa izin sebab apa. Jadi saya ingat kalau banyak majikan buat macam itu cerita-cerita macam ini tersebar sampai ke negara asal mereka, kita harap mereka akan takut hendak datang ke negara kita dengan cara yang tidak sah.

Jadi bila cerita macam ini tersebar dianiaya dan sebagainya maka mereka akan terfikir kalau hendak masuk Malaysia mesti mengikut saluran yang tertentu. Jangan masuk tanpa izin ikut tekong-tekong tertentu. Itu ada juga *advantagenya* kepada kita dan saya hendak beritahu juga kepada Yang Berhormat bahawa masalah majikan. Seorang majikan datang berjumpa saya, dia tunjuk kepada saya pasport dia macam ini. Pasportnya ada tetapi orangnya tidak ada sebab pendatang-pendatang yang masuk secara sah ini dia masuk ke Malaysia ini hanya untuk dapat kebenaran masuk sahaja melalui pintu yang sah di mana kita sedia maklum bila hendak ambil pekerja majikan ini perlu bayar macam-macam, bayar perubatan, urusan pasport dan sebagainya. Kemudian majikan ini untuk pastikan pekerja ini bekerja terus dengan dia, dia pun pegang pasport.

Apabila sampai di Malaysia dia tahu kalau dia kerja dua bulan, tiga bulan mungkin tidak dapat gaji kerana majikan dia akan potong *advance* yang dia bayar. Jadi apa yang mereka buat, bila mereka sampai di Malaysia duduk seminggu, dua minggu dia lari. Dia pergi cari kerja lain dan mereka tidak kisah pun pasportnya. Jadi majikan pun kena aniaya. Itu yang ikut saluran tertentu tetapi yang tidak ikut saluran tertentu seperti Yang Berhormat kata ini menyebabkan pendatang tanpa izinlah. Jadi kita pun menyeru supaya berita-berita begini disebarikan juga, bagi saya biar disebarikan di dalam surat khabar supaya mereka baca kalau datang ke Malaysia mengikut saluran tertentu mereka akan dianiayai bukan oleh kerajaan tetapi orang-orang yang kononnya membantu mereka.

Mengenai penglibatan pendatang tanpa izin di dalam jenayah bagi tempoh tahun 2000 sehingga Ogos 2004, penglibatan rakyat asing di dalam perangkaan

jenayah indeks adalah dalam peratusan yang kecil iaitu antara 1.83% sehingga 2.25% dari jumlah keseluruhan jenayah indeks di negara ini. Oleh yang demikian dapat dinyatakan bahawa tahap penguatkuasaan undang-undang dalam menangani masalah jenayah yang melibatkan warga asing termasuk pendatang tanpa izin adalah baik dan juga terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai jenayah ragut yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tebrau, saya ingin menyatakan bahawa jenayah ragut merupakan *track of opportunity* di mana penjenayah hanya menunggu peluang dan kesempatan ke atas mangsa yang leka dan juga cuai serta kehadiran polis yang tidak kelihatan. Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bagi Tebrau yang mencadangkan supaya menambahkan beberapa rondaan polis di kawasan-kawasan perumahan dan juga usaha untuk membanteras jenayah ragut diteruskan, sememangnya pihak PDRM sedang melaksanakan perkara tersebut.

Bagi tujuan menangani jenayah ragut di negara ini, pihak PDRM telah mengadakan lebih banyak rondaan pencegahan jenayah ragut di kawasan-kawasan yang dikenal pasti kerap berlakunya jenayah ragut. Sehubungan itu pihak PDRM juga telah menjalankan serbuan di kawasan-kawasan yang dikenal pasti untuk menjadi tempat di mana mereka yang melakukan jenayah ragut berkumpul seperti tempat berkumpulnya penagih dadah.

Berdasarkan perangkaan jenayah ragut di Malaysia bagi tempoh bulan Januari sehingga Ogos 2004 didapati kes jenayah ragut yang dilaporkan adalah sebanyak 8,489 kes. Manakala bagi tempoh yang sama iaitu bagi bulan Januari hingga Ogos 2003 kes jenayah ragut yang dilaporkan adalah sebanyak 11,110 kes. Oleh yang demikian, jelaslah dari perangkaan ini kita lihat dalam tempoh yang sama didapati jenayah ragut telah pun turun sebanyak 2,621 kes iaitu 23.59% kalau kita bandingkan dengan kes ragut pada tahun-tahun yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan iaitu beliau telah menyatakan negara-negara Islam di Asia seperti Thailand dan Indonesia telah menjadi sasaran pengeboman sedangkan Malaysia tidak menjadi sasaran. Ini menyebabkan kedudukan Malaysia menimbulkan keraguan yang dikatakan terbabit dengan beberapa keganasan. Tambahan pula dua orang rakyat Malaysia dikatakan terbabit dan menjadi

dalang dalam dua kes pengeboman di Indonesia. Apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan untuk menghentikan pandangan negatif ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia sentiasa komited dan memberikan sepenuh kerjasama dalam membanteras kegiatan keganasan di rantau ini. Justeru pandangan negatif berhubung dakwaan bahawa Malaysia terbabit sebagai dalang pengeboman tersebut sebenarnya tidak mempunyai asas dan ianya hanyalah berupa tanggapan semata-mata. Perkembangan yang lalu membuktikan cubaan kumpulan pengganas untuk bertapak di negara ini telah gagal kerana tindakan mereka berjaya dikesan terlebih awal dengan kawalan keselamatan yang dilakukan telah menyukarkan untuk mereka mendirikan pengaruh.

Di samping itu tindakan eksekutif melalui penguatkuasaan undang-undang khususnya ISA telah berjaya mengekang fahaman-fahaman dan juga kumpulan-kumpulan pengganas yang cuba untuk bertapak di negara ini. Ini jelas dilihat di mana seramai 26 anggota Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) dan 94 orang Kumpulan Jemaah Islamiah (JI) telah ditangkap di bawah ISA. Seterusnya pihak berkuasa juga telah berjaya membongkar gerakan dan juga jaringan mereka sehingga ke akar umbi di negara ini. Terdapat beberapa strategi atau langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh kerajaan untuk menangani keganasan global ini sekali gus menafikan pandangan negatif tersebut. Antaranya ialah:

- (i) PDRM telah bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan yang lain seperti Angkatan Tentera Malaysia, RELA dan juga Jabatan Imigresen Malaysia sentiasa memperketat kawalan di semua pintu masuk dan juga sebarang strategik di seluruh Malaysia terutamanya dalam mengawal aktiviti penyeludupan senjata api, imunisasi dan juga bahan-bahan letupan;
- (ii) mempertingkatkan kerjasama dengan pihak berkuasa negara-negara asing di seluruh dunia terutama dalam aspek perkongsian maklumat bagi membanteras aktiviti keganasan;
- (iii) mempelbagaikan bentuk kerjasama tersebut seperti pertukaran maklumat risikan, latihan, dan juga tindakan bersama bagi menangani ancaman pengganas;
- (iv) meneruskan usaha pemantauan secara berterusan terhadap anasir-anasir militan seperti KMM dan juga JI yang masih bebas

termasuk terhadap dua rakyat Malaysia yang dikatakan masih bersembunyi di luar negara dan menjadikan *ASEAN Regional Forum on Counter-Terrorism and Transnational Crime* sebagai wadah untuk meningkatkan kerjasama dan perkongsian maklumat antara negara-negara ASEAN.

Kesimpulannya, berdasarkan kepada langkah-langkah tersebut pihak polis akan terus memantau pergerakan anasir-anasir Kumpulan Militan ini bagi mengesan dan membanteras sebarang cubaan untuk melancarkan serangan sama ada di Malaysia ataupun dengan menjadikan negara ini sebagai pangkalan merancang operasi keganasan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur iaitu memberikan pertimbangan yang serius untuk menjamin kebebasan akhbar, ingin saya nyatakan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri mengamalkan dasar terbuka, liberal dan juga bertanggungjawab bagi menjamin kebebasan media di negara ini sejajar dengan prinsip-prinsip demokrasi.

Di samping itu kementerian juga mempunyai tanggungjawab berat bagi memastikan bahan-bahan penerbitan termasuk surat khabar tidak mengandungi bahan-bahan yang tidak diingini ataupun bahan-bahan yang boleh memudaratkan ketenteraman awam, keselamatan negara serta kesejahteraan rakyat. Namun begitu, dasar liberal dan keterbukaan yang diamalkan, kerajaan seharusnya juga dimartabatkan oleh industri surat khabar negara dengan memanfaatkan permit penerbitan yang dipegang secara sebaik-baiknya.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Satu soalan sahaja, saya sudah *last*.

Tuan Lim Kit Siang: Bersabit dengan surat Yang Berhormat ada bagi kepada saya dan berkait dengan isu ini, *right to know* khasnya dalam bab ini mengenai Laporan Interim Suruhanjaya Polis Diraja. Apa yang terkandung dalam surat ini yang ditulis oleh Setiausaha Suruhanjaya Diraja. Dia tidak beri apa-apa sebab kenapa Suruhanjaya Diraja mahu mengklasifikasikan Interim Report itu sebagai rahsia selain daripada yang disebut bahawa laporan itu tidak begitu lengkap dan terperinci, bahawa laporan kali ini adalah dijangka laporan akhir yang lebih lengkap dan terperinci dan akan menggariskan langkah-langkah serta cadangan-cadangan yang lebih komprehensif kepada kerajaan.

Ertinya bahawa Laporan Interim tidak begitu lengkap, tidak begitu terperinci, tidak begitu komprehensif. Itu tidak boleh jadi satu sebab kenapa ia tidak diklasifikasikan sebagai rahsia. Oleh kerana laporan itu sudah dibentangkan kepada Kabinet, adakah Kabinet rela untuk mengkaji perkara ini oleh kerana sekarang ini bukan harta benda Suruhanjaya Polis Diraja, tetapi sudah menjadi harta benda kerajaan. Jadi, *right to know* supaya Kabinet atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Yang Berhormat Menteri selaku Menteri Keselamatan Dalam Negeri rela untuk mengkaji perkara ini supaya ia diumumkan untuk pengetahuan orang ramai, untuk kepentingan orang ramai. Adakah rela dibuat begitu?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Ini Laporan Interim, belum siap lagi. Sebab itu kita tengok bahawa pihak polis kita telah arahkan, kita hendak bertindak bukan kita *neverkan* laporan ini. Bila kita dapat laporan, pihak Polis Diraja Malaysia kaji dan Kabinet telah membuat arahan bahawa yang mana boleh diselesaikan, kita selesaikan dahulu. Sebab itu kita lihat, mana-mana perkara yang dibangkitkan dalam laporan tersebut yang tidak melibatkan dasar dan juga yang tidak melibatkan kewangan, maka pihak Polis Diraja Malaysia terus ambil tindakan serta-merta. Sudah tujuh pekeliling kita sudah keluarkan berkaitan perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam laporan-laporan yang dikemukakan.

Jadi soalnya Yang Berhormat, bukannya kita hendak hebahkan, soalnya ialah tindakan. Tindakan Laporan Interim kita sudah ambil, tujuh pekeliling kita sudah edarkan dan saya percaya bila laporan ini lengkap nanti, ini baru yang pertama, dia baru tanya orang tentang laporan ini. Ini hanya satu laporan yang diterima oleh orang ramai. Dia pergi buat kaunter dekat Ipoh, datang orang DAP, macam Yang Berhormat bagi Batu Gajah, yang kata ada polis rasuah, so dia tulis ada polis rasuah, dan sebagainya, *sometimes* laporan tidak ada bukti. Sebab laporan itu baru yang pertama dan bila dalam laporan kedua, sekarang ini *Royal Commission* tengah mengkaji bagaimana laporan-laporan yang diterima, yang patut diambil tindakan dan juga cadangan-cadangan yang akan dikemukakan kepada kerajaan.

Walau bagaimanapun kita lihat, kita begitu peka. Tidak suruh pun polis telah keluarkan tujuh pekeliling mengenai laporan yang telah dibangkitkan. Sabarlah Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak ambil tahu pun tidak payah. Kita sudah ambil tindakan, Yang Berhormat. Jadi, saya ingat itu sahaja yang saya hendak gulung, jadi saya minta maaf jika ada perkara yang tidak dapat saya jawab. Saya percaya

pegawai-pegawai kementerian telah pun mencatat segala cadangan dan pandangan baik yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

5.44 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin rakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2005 yang menyentuh bidang tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Kota Bharu telah mencadangkan supaya pelaksanaan konsep bina dan jual dalam industri perumahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini negara kita mengamalkan konsep pembangunan perumahan mengikut Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Pindaan) 2003 dan peraturan-peraturan di bawahnya yang berdasarkan konsep jual dahulu dan bina kemudian. Melalui akta tersebut dan peraturan-peraturan yang berkaitan kepentingan pembeli dan pemaju dilindungi melalui Perjanjian Jual Beli yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

Pada masa ini, tiada peraturan yang mewajibkan pemaju melaksanakan projek perumahan secara bina dahulu, jual kemudian. Walau bagaimanapun pihak kementerian menggalakkan pemaju untuk melaksanakan konsep bina dan jual. Sekiranya pemaju berwibawa dan mempunyai modal kewangan yang cukup, mereka boleh melaksanakan pembinaan rumah secara bina dan jual tanpa tertakluk kepada keperluan untuk mendapatkan permit jualan di bawah Akta Pemajuan Perumahan. Pihak kementerian mengambil perhatian, bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Muar agar konsep ini dikaji dengan teliti sebelum dilaksanakan.

Pada masa sekarang, kerajaan sedang mengkaji dan merancang untuk melaksanakan satu sistem yang boleh menjamin kepentingan pembeli rumah supaya tidak menjadi mangsa akibat projek terbengkalai termasuk konsep bina dan jual, dan kerajaan sedang mengkaji sejauh manakah pelaksanaan konsep ini akan memberi implikasi terhadap industri perumahan termasuk bekalan rumah yang secukupnya dengan harga yang mampu dibeli oleh semua golongan masyarakat. Pelaksanaan

konsep tersebut dijangka melibatkan kenaikan kos dan harga rumah dan ini akan memberi kesan kepada bekalan rumah terutamanya rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah. Satu kertas akan dibentangkan kepada kerajaan untuk mendapat keputusan berhubung cadangan pelaksanaan konsep bina dan jual selepas pihak kementerian mendapat pandangan daripada semua pihak yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai rumah kos rendah di Sandakan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Negeri Sabah saling bekerjasama untuk melaksanakan pembinaan lebih banyak rumah kos rendah melalui Program Perumahan Rakyat yang dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara. Buat masa ini, Jabatan Perumahan Negara sedang melaksanakan sejumlah 1,000 unit rumah PPR Batu Empat, Jalan Utara Sandakan yang bertujuan untuk menempatkan semula keluarga-keluarga setinggan di sekitar Sandakan. Apabila siap kelak, rumah-rumah ini akan disewa dengan kadar sewa serendah RM124 sebulan seunit sahaja. Selain itu, kementerian saya juga ada menerima cadangan-cadangan pembangunan PPR baru di Sandakan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sabah bagi menampung kekurangan rumah kos rendah di samping projek-projek yang dirancang oleh kerajaan negeri, perkara ini masih dipertimbangkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Ahli Yang Berhormat bagi Tebrau telah membangkitkan isu mengenai ketiadaan kemudahan awam di rumah pangsa kos rendah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Jabatan Perumahan Negara sedang membina sejumlah 2,000 unit rumah pangsa ataupun PPR di kawasan Tebrau yang dijangka siap pada bulan Januari 2006. Projek rumah pangsa ini akan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan awam seperti Dewan Serbaguna, tadika, surau, kedai, padang bola dan taman permainan kanak-kanak. Penyediaan kemudahan-kemudahan awam yang lain bagi kawasan rumah pangsa kos rendah seperti telefon awam, perhentian bas dan pengangkutan awam akan ditentukan dan diuruskan oleh pihak kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan mengikut kesesuaian selaras dengan pelan perancangan yang diluluskan.

Ahli Yang Berhormat bagi Labuan telah mencadangkan supaya rumah kedai yang diubahsuai menjadi *budget hotel*, dengan izin, diberi pengecualian untuk menyediakan pintu kecemasan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta 133, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 telah menetapkan pintu kecemasan perlu disediakan bagi

bangunan tertentu seperti *budget hotel*. Bagi bangunan *budget hotel*, ia hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya dua pintu kecemasan untuk menjamin keselamatan pengguna atau penyewa apabila berlaku kebakaran. Syarat tersebut tidak terkecuali bagi bangunan rumah kedai yang diubahsuai menjadi *budget hotel* memandangkan soal keselamatan melibatkan nyawa manusia merupakan perkara yang wajib diberi keutamaan.

Ahli Yang Berhormat bagi Lipis dan Jerlun telah menyentuh mengenai isu perjawatan tertutup di PBT. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Kerajaan Tempatan, PBT mempunyai kuasa untuk melantik mana-mana orang yang sesuai ke jawatan-jawatan yang diluluskan oleh kerajaan negeri melainkan jawatan Datuk Bandar, Yang Di-pertua atau Setiausaha yang dilantik oleh kerajaan negeri sendiri.

Di bawah perkara 132 Perlembagaan Persekutuan anggota perkhidmatan PBT ditafsirkan sebagai bukan anggota Perkhidmatan Awam oleh sebab PBT dianggap sebagai sebuah perbadanan. Kerajaan sedar bahawa kedudukan perkhidmatan PBT secara tertutup ini sedikit sebanyak menjejaskan pembangunan kerjaya mereka termasuk peluang untuk mempertingkatkan kemahiran dan pengalaman dan juga peluang kenaikan pangkat oleh kerana mereka tidak boleh ditukarkan ke mana-mana organisasi lain. Keadaan ini juga telah mengakibatkan terdapat kakitangan PBT kurang prestasi baik terpaksa dikekalkan di tempat yang sama dan tidak boleh ditukar keluar.

Buat masa ini kementerian saya sedang meneliti sistem perkhidmatan di PBT untuk memastikan pegawai-pegawai dan kakitangan di dalam sebuah PBT itu mendapat lebih peluang untuk membaiki kerjaya mereka dan juga boleh ditukar antara PBT dalam negeri yang sama. Selain daripada itu kementerian juga mengambil kira soal kualiti perkhidmatan yang diberi oleh pegawai-pegawai dalam masa mereka menjalankan tugas.

Dalam masa yang sama juga kementerian masih meneruskan usaha-usaha untuk meningkatkan kecekapan kakitangan PBT dan kementerian juga melihat disiplin kakitangan PBT sebagai satu perkara yang penting dengan menggunakan peraturan-peraturan tata tertib yang seragam dan juga pelaksanaan pelan integriti nasional di peringkat PBT bagi membendung penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan rasuah.

Isu penswastaan pengurusan sisa pepejal telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat Bera dan Jerlun. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini penswastaan pengurusan sisa pepejal telah dilaksanakan secara interim di mana sehingga bulan Jun 2004 berjumlah 48 PBT telah diambil alih secara interim oleh syarikat konsesi. Hasil maklum balas daripada PBT dan syarikat konsesi kerajaan mendapati bahawa pengambilalihan pengurusan sisa pepejal yang sedang dilaksanakan secara interim oleh syarikat-syarikat konsesi telah menimbulkan beberapa masalah. Di antaranya masalah tunggakan bayaran kepada syarikat konsesi disebabkan PBT tidak mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi dan syarikat-syarikat konsesi tidak dapat membuat pelaburan jangka panjang untuk memperbaiki sistem dan peralatan sedia ada. Keadaan ini memberi kesan kepada kualiti perkhidmatan yang diberikan. Pada masa ini kerajaan sedang meneliti masalah yang dihadapi dalam pengurusan sisa pepejal ini. Walau bagaimanapun, kerajaan berpendapat pengurusan sisa pepejal yang menyeluruh dan standard di seluruh negara adalah perlu bagi memastikan sisa pepejal di negara ini dapat dilupuskan dengan baik.

Isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Jerlun mengenai kelemahan PBT bagi membasmi nyamuk, longkang yang tersumbat dan kebersihan persekitaran sentiasa diberi perhatian oleh pihak kementerian. Kerajaan-kerajaan Negeri sebagai pihak yang bertanggungjawab ke atas perkhidmatan PBT sentiasa diberi peringatan untuk memberi perhatian dan memantau prestasi perkhidmatan PBT di negeri masing-masing. Pihak kerajaan sangat berharap agar semua PBT di seluruh negara dapat memberi perkhidmatan bandar yang cemerlang kepada rakyat.

Bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan mengenai kemudahan kampung-kampung baru, kampung-kampung dalam bandar estet. Suka saya maklumkan bahawa kerajaan telah mencadangkan peruntukan sebanyak RM27,880, 350 juta di bawah Butiran Projek 31 dan RM23 juta di bawah Butiran Projek 1 iaitu sejumlah RM50 juta di bawah anggaran perbelanjaan Jabatan Kerajaan Tempatan dalam Bajet 2005 untuk kampung-kampung baru. Bagi pembangunan kampung-kampung dalam bandar dan lain-lain penempatan peruntukan yang bersesuaian akan juga ditentukan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan berdasarkan keperluan tempatan di bawah Butiran Projek BP 1 dan BP 6. Sementara bagi

pembangunan kawasan-kawasan estet yang terletak di kawasan luar bandar ia adalah terletak di bawah bidang kuasa yang lain.

Bagi menjawab dakwaan Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh bahawa pembinaan *incinerator* di Broga akan mencemarkan alam sekitar. Pihak kementerian ingin menjelaskan bahawa *incinerator* bukanlah merupakan satu loji tempat pembuangan atau pelupusan sampah, tetapi ianya merupakan satu loji rawatan terma yang akan menerima dan merawat sampah yang sebelum ini dibuang secara kurang teratur yang boleh mencemarkan alam sekitar.

Incinerator atau loji rawat terma yang akan dibina di Broga akan direka bentuk dengan segala sistem perawatan dan pengawasan bagi semua bentuk pencemaran. Ini termasuklah kawalan pengeluaran, dengan izin, *emission* yang dirawat ke udara dengan ketinggian serombong serta rawatan-rawatan yang dilaksanakan akan menjamin pelepasan berada dalam tahap yang selamat.

Pelepasan cecair dari loji ini adalah minimum dan akan dirawat ke piawaiian yang tinggi iaitu standard A. Syarat-syarat kelulusan Jabatan Alam Sekitar terhadap pelaksanaan projek ini adalah ketat dan tidak membenarkan pencemaran alam sekitar seperti yang didakwa.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, loji rawatan terma akan dibina di Brogra bukan sahaja mempunyai kemudahan bagi mengasingkan bahan logam MRF untuk kitar semula tetapi juga berupaya menjana tenaga daripada sisa pepejal.

Mengenai cadangan supaya dikurangkan penggunaan plastik kerana plastik adalah merupakan bahan yang akan mengambil masa yang lama untuk dilupuskan. Langkah terbaik ialah pengurangan penggunaannya. Guna semula dan kitar semula. Pihak kementerian belum bercadang untuk mengadakan program pengurangan penggunaan plastik secara besar-besaran, Namun begitu, pihak kementerian sentiasa menggalakkan langkah-langkah untuk mengurangkan penggunaannya dan juga dikitar semula.

Ahli Yang Berhormat dari Rasah dan Gelang Patah telah menyentuh mengenai kegiatan memberi pinjam wang secara haram atau Along. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, kerajaan mengambil berat akan aktiviti memberi pinjaman wang secara haram dan berusaha untuk menangani kegiatan tersebut dengan meminda Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 dan bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia dari segi penguatkuasaan. Pindaan akta tersebut berkuasa mulai 1 November 2003 telah

memperuntukkan bahawa sesiapa yang menjalankan perniagaan pemberi pinjam wang sama ada ia merupakan aktiviti utama atau sampingan perlu mendapat lesen dari kementerian dan sebarang bentuk iklan berhubung perniagaan pemberi pinjaman wang tersebut penggunaan kad lama atau kad perniagaan perlu mendapatkan kebenaran Pendaftar Pemberi Pinjam Wang terlebih dahulu.

Di samping itu, syarat-syarat pengeluaran lesen juga telah ditetapkan di dalam akta tersebut bagi menjamin kepentingan peminjam. Di antaranya ialah pengenaan kadar faedah yang tidak melebihi 12% setahun bagi pinjaman bercagar dan tidak melebihi 18% setahun bagi pinjaman tidak bercagar. Tempoh pinjaman juga ada ditetapkan dalam peraturan-peraturan pemberi pinjam wang di bawah peraturan 10(1) Perjanjian Pinjam Wang di mana pembayaran balik kali pertama dan terakhir perlu dinyatakan dengan jelas di dalam perjanjian tersebut. Akta Pemberi Pinjaman 1951 (Pindaan) 2003 melalui seksyen 29(b) juga memperuntukkan dengan jelas larangan kepada pemberi pinjam wang atau sesiapa yang pihaknya melakukan sebarang bentuk kekerasan kepada peminjam atau sesiapa yang berkaitan dengannya. Sesiapa yang didapati.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rantau Panjang.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya siapkan perenggan ini. Sesiapa yang didapati melanggar peruntukan ini boleh dikenakan denda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan sehingga tempoh 15 bulan atau kedua-duanya sekali dan bagi kesalahan kedua dan seterusnya boleh disebut sebagai tambahan kepada hukuman terdahulu.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan apa yang disebutkan tadi berkenaan masalah Along tadi. Cuma saya hendak tanya, sejauh manakah kerajaan telah membuat kajian terhadap berleluasanya Along di Malaysia ini sehingga berlaku kekerasan di Malaysia akhir-akhir ini dan adakah benar satu kajian dibuat Along ini hidup kerana masalah sosial, judi dan pengangguran di Malaysia ini sedang merebak maka menyebabkan Along ini jadi maju sehingga tidak berjaya dibanteraskan oleh pihak kerajaan melalui membuka minda rakyat, hanya melalui undang-undang sahaja nampak sekarang kerajaan cuba mengatasinya.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, masalah sosial ataupun apa-apa sahaja masalah yang diberi peluang kepada penjenayah memang dia ada sebab-sebabnya. Bagi di negara kita, kegiatan Along ini bukan suatu perkara yang khas berlaku di sini, ia berlaku di tempat-tempat lain juga dan ia tidak berkaitan dengan sama ada kerajaan mempunyai usaha yang cukup atau tidak untuk membantu rakyat, sebenarnya banyak usaha telah diadakan untuk membantu orang yang memerlukan pertolongan.

Dari maklum balas yang didapati oleh kerajaan ialah di antara mereka yang meminjam wang daripada Along, mereka adalah di dalam keadaan yang sangat mendesak dan apabila mereka tidak mendapatkan nasihat dari pihak yang sesuai maka mereka tidak memikirkan akibatnya dan meminjam daripada along.

Walau bagaimanapun, kerajaan ingin memantapkan lagi suatu sistem di mana kita mengawal selia pemberi pinjaman wang ini secara sihat, kerana kalau terdapat sumber-sumber untuk mereka meminjam secara sah, secara mengikut peraturan untuk tujuan yang sah dan bukan untuk tujuan yang tidak sah itu, maka kita dapatlah mengurangkan kegiatan ini.

Walau bagaimanapun, saya ingin menjelaskan di sini, akta yang sedang dikuatkuasakan ini masih belum lengkap dan pihak Polis Diraja Malaysia pun perlu kuasa yang lebih, terutamanya untuk bertindak terhadap dengan izin *the runners*.

Pada masa kini akta ini tidak memberi polis kuasa untuk menangkap tanpa waran terutama bagi *the runners*. Dalam pada itu, kementerian saya sedang berbincang dengan pihak polis untuk membuat pindaan selanjutnya di mana sesuai kalau dapat kita bersiap sedia, kita berharap akan dapat membawa akta itu ke Dewan ini untuk dibahaskan, untuk menambah baik lagi akta ini supaya ianya jadi lebih berkesan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, mengenai rujukan kes-kes tribunal tuntutan pembeli rumah ke Mahkamah Tinggi, seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Along. Along.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Along sudah lepas dah. Okeylah [Ketawa]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat, sama ada kita lihat dan baca dalam surat khabar ataupun kes yang kami sebagai wakil rakyat terima, kami dapati yang kes Along ini sebenarnya semakin banyak. Pada pendapat saya, selain daripada undang-undang kita masih tidak cukup ketat untuk mengawal keadaan ini, saya juga berpendapat kerajaan sebenarnya harus mengadakan lebih banyak mikro kredit kepada mereka yang SMI ataupun penjaja yang sebenarnya mereka tidaklah memerlukan wang yang begitu banyak, mungkin beberapa ribu ringgit sahaja tanpa gadaian.

Apakah kementerian Yang Berhormat ini akan mencadangkan kepada Kabinet untuk mengadakan lebih sistem mikro kredit kepada golongan yang berpendapatan rendah sebagai salah satu langkah untuk mengatasi masalah Along.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, ini cadangan yang membina, saya setuju, sebenarnya saya pun banyak menyokong mikro kredit ini. Tetapi kerajaan telah pun banyak berusaha untuk memperbanyakkan lagi mikro kredit untuk membantu penjaja dan peniaga kecil ataupun mereka yang benar-benar perlukan bantuan. Saya juga yakin bahawa Kementerian Kewangan dan agensi-agensi kerajaan yang lain juga sedang meneliti bagaimana caranya boleh membantu dengan memperbanyakkan lagi mikro kredit.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa di bawah peruntukan Seksyen 16A (c) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 seperti yang dipinda melalui Akta A1142. Keputusan Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) adalah muktamad. Ini bermaksud bahawa setiap keputusan Tribunal tersebut tidak boleh dirayu ke Mahkamah Tinggi.

Walau bagaimanapun, pihak-pihak yang terkilan dengan keputusan Tribunal sama ada pihak pembeli yang merupakan pihak yang menuntut mahupun pihak pemaju perumahan berlesen iaitu pihak penentang dalam suatu tuntutan, boleh memfailkan tindakan semakan kehakiman (*Judicial Review*) di Mahkamah Tinggi bagi menyemak keputusan Tribunal tersebut.

Prosedur bagi semakan kehakiman ini diperuntukkan di bawah *Specific Relief Act* 1950 serta di bawah Aturan 53 Kaedah 3, Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan Aturan 92 Kaedah-kaedah yang sama. Oleh yang demikian, pihak Tribunal atau kementerian tidak ada kuasa untuk menghalang mana-mana pihak yang terkilan untuk mengambil tindakan semakan kehakiman terhadap keputusan Tribunal Tuntutan

Pembeli Rumah memandangkan peruntukan undang-undang yang sedia ada seperti yang telah dinyatakan tersebut di atas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi terlibat secara langsung dalam pemberian pandangan dan cadangan berkaitan isu-isu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya juga telah meneliti ada perkara-perkara yang lebih merupakan *local issue* yang melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan dan hal-hal dalam bidang kuasa negeri. Walaupun saya tidak bercadang menjawab satu persatu, tetapi saya memberi jaminan bahawa semua perkara dan pandangan itu telah dicatat oleh kementerian saya dan diberi perhatian apabila ada program merangka dasar dan sebagainya, kita akan mengambil kira pandangan-pandangan yang telah diutarakan.

Itu sahaja penggulungan saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kerja Raya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

6.07 ptg.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2005 bagi Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama Dewan Rakyat yang kesebelas. Saya akan menjawab atau memberikan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Jerlun telah membangkitkan tentang penyenggaraan jalan khususnya berkenaan rumput panjang di bahu jalan dan papan tanda yang rosak dan tidak diperbaiki. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya jalan yang diwartakan sebagai Jalan Persekutuan sahaja di bawah bidang kuasa kementerian ini. Jalan-jalan lain adalah di bawah kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Untuk Jalan Persekutuan, kerja-kerja penyenggaraan jalan dilaksanakan oleh syarikat konsesi di mana kerja-kerja yang dibuat adalah mengikut pusingan kerja yang ditetapkan dalam perjanjian. Kerja-kerja yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sememangnya termasuk dalam skop kerja syarikat pusingan kerja-kerja untuk pemotongan rumput dilakukan sekali dalam sebulan dan membersihkan perabot jalan sebanyak dua kali dalam setahun. Untuk perabot jalan yang rosak pula, kerja-kerja menggantikannya dibuat dari masa ke semasa apabila berlakunya kerosakan.

Pihak kementerian sentiasa memantau tahap penyenggaraan yang dihasilkan oleh syarikat konsesi. Bagi tujuan menambahbaikkan, kajian semula spesifikasi kerja ada diperuntukkan di dalam perjanjian penswastaaan dan ianya akan dilaksanakan dalam tahun 2006.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Pontian, Ayer Hitam dan juga Jasin telah membangkitkan mengenai peranan CIDB. Mengenai isu program meningkatkan kemahiran kontraktor tempatan, terutama kontraktor Kelas 'F' memang menjadi dasar serta tumpuan CIDB memberi latihan kemahiran dan kepakaran kepada semua kontraktor terutamanya yang berada di peringkat pertengahan dan bawahan. Ianya bertujuan untuk memartabatkan taraf kontraktor-kontraktor tersebut agar mereka dapat bersaing dalam pasaran di dalam atau di luar negara.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, CIDB ini berperanan untuk memberi latihan kepada pekerja yang terlibat dalam pembinaan dan kita sedar bahawa pekerja-pekerja ini kadangkala mereka dari segi penguasaan ilmu pengetahuan ataupun bahasa tidak begitu fasih. Soalan saya ialah sama ada ianya akan diajar dalam bahasa yang lebih mudah difahami seperti bahasa Mandarin atau apa sahaja bahasa lain yang boleh diajar termasuk Tamil untuk memahamkan mereka kerana langkah-langkah keselamatan ini kesemuanya amat penting. Daripada kita mengajar yang dia tidak tahu ataupun cara yang berkesan seperti mana yang dibuat untuk penjaja – ada kursusnya untuk menggunakan bahasa yang mudah difahami. Minta pandangan daripada Yang Berhormat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, beberapa ratus kursus telah dijalankan, bukan satu atau dua. Banyak kursus telah dijalankan. Selain daripada itu, pada satu masa yang lalu ada juga beberapa aduan daripada persatuan-persatuan kontraktor. Persatuan *Master Builders Association* menyatakan mereka ada ramai kontraktor yang tidak memahami apa yang dibuat oleh CIDB. Jadi, mereka minta supaya mereka mestilah dilantik dalam Lembaga CIDB. Jadi, apabila sampai masanya mereka telah dilantik oleh saya dan merekalah yang bertanggungjawab untuk memberi penerangan kepada ahli-ahlinya.

Selain daripada kursus-kursus ini dalam bahasa yang lain – itukah cadangan Yang Berhormat? *[Bertanya kepada Ahli Parlimen bagi Ayer Hitam]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Bahasa yang lain - atau untuk memberi lebih penerangan kepada pihak-pihak yang suka mengikuti kursus ini, saya akan bincang dengan CIDB oleh kerana kami menjalankan semua tugas dalam Bahasa Kebangsaan sahaja. Kadangkala ada juga kami menggunakan bahasa Inggeris untuk memberi keterangan kepada pihak luar negara yang datang ke tanah air kita. Semasa mereka ada di dalam mesyuarat, kami akan bercakap dalam bahasa Inggeris. Jadi, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya akan bincang dan lihat apa yang berlaku. Okey, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, di antara latihan yang dijalankan oleh CIDB adalah merangkumi latihan kemahiran personal binaan, latihan teknikal dan pengurusan pembinaan, latihan akreditasi dan penyeliaan tapak, program sistem kualiti menerusi Skim ISO 9001 dan kursus IBS dan koordinasi modular serta latihan berkaitan dengan ICT. Kesemua latihan tersebut dikenakan bayaran yang agak minimum bagi membolehkan lebih ramai lagi kontraktor mengikutinya. Untuk itu saya ingin menyeru kepada semua kontraktor terutamanya dari Kelas F agar merebut peluang bagi meningkatkan kemahiran sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, kursus-kursus ada juga yang percuma. Apabila kita memberikan kursus percuma dia tidak datang. Kursus percuma, makan tengah hari percuma, tempat duduk percuma, tidak ada orang yang datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak beri elaun.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tidak ada. Tidak berminat. *[Disampuk]* Minat untuk berdiri di tepi jalan tengok orang sahaja yang lebih pandai. *[Ketawa]* Tidak

berminat untuk mendapat kemahiran – kemahiran yang kita mahu mereka dapatkan di negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Setiu.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apabila menyentuh soal kontraktor Kelas F ini saya kadang-kadang merasa kasihan. Sudah diberi kursus percuma, makan percuma tetapi saya rasa kemungkinan mereka ini terdiri daripada sesetengah kontraktor yang *frustrated*, dengan izin, yang merasa kecewa kerana di dalam pembahagian kerja-kerja kontrak kelas kecil ini sesetengah kontraktor lesennya itu digunakan oleh kontraktor yang lebih besar. Dan dia tahu dia mendapat kerja ataupun *indent* yang kecil ini setelah diberitahu oleh kontraktor yang lebih besar dan dia hanya hadir untuk menerima surat sahaja dan kerja ini dilaksanakan oleh kontraktor yang lebih besar dan mereka merasa terkilan kerana kaedah-kaedah yang seperti ini.

Saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah cara-cara yang lebih sesuai yang patut diambil oleh pihak kementerian supaya dari segi nasib kontraktor yang seperti ini, yang mereka ini tidak berapa cerdik dan sebagainya ini akan dapat dibela. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pun kasihan kepada mereka. Kasihan pun ada juga sudah beberapa lama. Yang pertama, saya tahu mereka sudah *frustrated*. Bukan itu sahaja, ada juga separuhnya yang lesen itu pun disewa kepada orang, cari sedikit rezeki daripada penyewaan itu dan tidak pergi mencari kerja sendiri. Selain itu ada juga kontraktor-kontraktor besar mengambil lesen kontraktor kecil dan juga menjalankan kerja-kerja sendiri. Ini mesti dilaporkan. Kalau kontraktor itu bekerjasama dengan kontraktor besar siapa yang bersalah, kementerian, kerajaan atau siapa? Dia sendiri yang salah.

Kalau ada juga laporan yang seperti itu dengan serta-merta saya akan mengambil tindakan ke atas kontraktor besar itu. Berapa besar pun saya tidak peduli. *[Disampuk]* Gemukkah, kuruskah, lesen ataskah, lesen bawahkah, semua kita boleh buat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Sekejap Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kontraktor-kontraktor kecil seperti ini, kita juga mahu menjaga kepentingan mereka.

Banyak kontraktor kecil bekerja dengan kontraktor besar tidak dapat dibayar. Oleh kerana itu, sekarang ada juga arahan daripada Jemaah Menteri iaitu kontraktor-kontraktor kecil yang bekerja dengan kontraktor-kontraktor besar boleh dibayar terus oleh JKR, bukan macam dahulu. Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Saya akui ini Menteri yang berani. Dia lawan semua orang kecil dan besar. Semua dia lawan, sebab itu MIC tidak lawan dia. Setiap tahun tidak ada yang lawan. Ya? Betul?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini tidak berkaitan dengan MIC.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tidak, tidak. Ini sikap dia yang berani. Saya hendak tanya dia sedikit. Saya harap orang lain pun berani macam ini juga. Masalahnya sekarang ini, kontraktor kecil Kelas F dan sebagainya, rasa *frustrated*. Itu telah ditimbulkan tadi. Sebab-sebabnya telah pun diketahui oleh pihak Menteri. Apa yang berlaku sekarang ini ialah kontraktor besar pula ini. Kontraktor besar ini biasanya terdiri daripada pemimpin-pemimpin politik. Biasanya orang-orang yang telah tidak lagi berkhidmat dalam parti ataupun tidak lagi menjadi Menteri ataupun tidak lagi menjadi Ahli Parlimen dan sebagainya, orang ini diberi lesen kelas-kelas yang tinggi, Kelas A dan sebagainya.

Orang inilah bapak kepada Ali Baba sebenarnya, bukan kata Ali Baba, Kassim Baba. Ali Baba ini tahu ini itu sikit, Kassim Baba ini, dia hanya surat sahaja. Dapat surat tawaran dia terus bagi kepada orang lain buat. Saya memang ada bukti banyak perkara ini, ada yang pakai sekali dapat tender, sama ada tender secara *negotiate* tender atau tender cara terbuka, tetapi sekali dapat jual kertas sudah dapat Mercedes lampu bulat sudah. Ini jelas, kalau pihak Menteri mahu laporan seperti ini saya boleh bagi. Tetapi yang kelas F itu saya rasa tidak perlu bagi, tetapi kalau yang A itu memang ada di tangan saya. Orang-orang tertentu yang dapat kaya mengejut hasil daripada jual projek dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, ahli Yang Berhormat kata, mengapa kita tidak ada lawan dalam MIC sama dia [*Ketawa*]. Bila-bila, apa-apa perkara di dunia ini atau di negara ini tidak adil kita lawan, tidak peduli siapa itu. Ini saya kata di dalam Dewan ini. Tidak ada takut lawan [*Ketawa*], kita pun perwira juga [*Ketawa*]. Kita rujuk balik kepada kita punya sejarah kita pun dari darah perwira juga bukan daripada orang lain.

Jadi, untuk makluman ahli Yang Berhormat, kontrak-kontrak itu tidak diberi kepada orang disyorkan oleh kerajaan atau oleh Ahli-ahli Parlimen, itu cerita lama bukan sekarang. Sekarang kontraktor-kontraktor semuanya mesti bertawar kepada kerajaan untuk mendapat kerja, baru sahaja kita akan memberi kontrak kepada mereka. Selain daripada itu Ahli-ahli Parlimen barangkali bila seorang kontraktor dari kawasan seorang Ahli Parlimen mahu juga meminta bantuan daripada Ahli Parlimen, mestilah Ahli Parlimen menulis surat - inilah orang kontrak daripada kawasan saya, bolehkah membantu. Bukan kiranya sudah dapat surat itu, kita sudah bantu. Kita mesti meneliti kontrak-kontrak yang telah dibuat tawaran yang telah dibuat selepas itu ada juga jawatankuasa, jawatankuasa hantar kepada Kementerian Kewangan bila Kementerian Kewangan bersetuju baru sahaja kontrak itu akan diberi kepada mana-mana kontraktor. Jadi itu serba ringkas penjelasan daripada saya, Yang Berhormat. Jikalau mahu juga penjelasan kita bagilah tetapi itu nampak macam satu cerita Hang Tuah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya kita tadi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Samy Vellu: Bayaran-bayaran boleh dikeluarkan kepada kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Sikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sering kali menerima laporan dan didatangi untuk mendapatkan pertolongan iaitulah kontrak kelas 'F' ini memang kumpulan kontraktor yang kerajaan kena bantu mereka dan hari ini mereka diwajibkan mendaftar dengan CIDB, tetapi mereka mengatakan CIDB ini tidak ada taraf bumiputera. Jadi apakah jaminan kementerian bahawa peluang mereka dan juga projek mereka ini, mereka boleh dapat dan nasib mereka ini terus terbela oleh pihak kementerian. Minta penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kuasa menteri boleh juga memberi arahan kepada Ketua Pengarah untuk mengarahkan kepada semua kontraktor-kontraktor, kerja-kerja kecil mesti diberi kepada kontrak-kontrak dalam kelas 'F' dan ini mesti disiasat oleh JKR, dalam kontrak-kontrak persekutuan, tetapi ada juga

kontrak-kontrak negeri, kontrak-kontrak Majlis Kerajaan Tempatan dan ada juga beberapa banyak kontrak-kontrak di mana kita tidak mempunyai kuasa. Di sanalah mereka mempunyai masalah, bukannya di peringkat atasan. Itu satu perkara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertubuhan CIDB Holding yang dikatakan terlibat secara langsung dengan kerja-kerja pembinaan dan menyebabkan persaingan dengan kontraktor-kontraktor tempatan. Suka saya jelaskan di sini, bahawa dakwaan tersebut tidak tepat kerana CIDB Holding tidak langsung terlibat dengan kerja pembinaan dalam negara kita, yang pertama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, CIDB Holding Sendirian Berhad adalah anak syarikat yang telah ditubuhkan oleh CIDB bertujuan untuk mengambil *undertake* dengan izin, projek-projek pembinaan yang diperolehi oleh CIDB di luar daripada negara kita iaitu ini disebabkan kebanyakan negara luar hanya bersedia menawarkan kontrak-kontrak pembinaan kepada syarikat-syarikat kerajaan atau dengan izin, *government link companies*, jadi itulah satu perkara yang penting. Selepas itu kerja-kerja akan diserahkan kepada kontraktor-kontraktor tempatan. Syarikat kerajaan atau dengan izin, *government link companies* lebih terjamin atas alasan ianya lebih terjamin terutama sekali bagi kontrak kerja yang diperolehi melalui rundingan dan kerjasama kerajaan dengan kerajaan atau dengan izin, *government to government* kontrak, dengan kata lain CIDB Holding ini menjadi *facilitator*, ertinya yang boleh juga orang pertengahan, orang pertengahan di antara kontraktor Malaysia dengan kerajaan-kerajaan lain di mana mereka menerima kontrak-kontrak atas nama CIDB selepas itu kontrak-kontrak itu akan dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor Malaysia di luar negeri.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, kami suka juga dengan gembira mengumumkan 45 projek sedang dijalankan oleh kontraktor-kontraktor di India sahaja berharga RM20 bilion baru-baru sahaja kami dengan CIP pergi ke negara Senegal, di sana kita telah bincang untuk mendapat RM1 bilion tetapi ini boleh dibincang dengan syarikat dipunyai oleh CIDB oleh kerana CIDB ialah sebuah syarikat dipunyai oleh kerajaan. Jadi, saya percaya dengan ini kita boleh juga membantu lebih banyak kontraktor, kontraktor-kontraktor besar yang tidak mendapa kerja di negara kita sendiri boleh juga mencari peluang di luar daripada negara kita.

Sementara itu kontrak-kontrak yang diperolehi oleh CIDB Holding akan diagihkan seperti saya kata tadi. Selain daripada itu CIDB Holding juga bertindak

sebagai penyelaras kepada setiap pelaksanaan program latihan kemahiran yang dianjurkan oleh CIDB.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pegangan ekuiti CIDB dalam PSDC, ingin saya jelaskan bahawa pegangan ekuiti tersebut adalah bertujuan untuk membantu kumpulan profesional meneroka pasaran luar negara, semua ada kaitan bukan kata tidak ada kaitan. Dengan pegangan ekuiti tersebut CIDB dan PSDC akan bersama-sama menggembeng tenaga mengumpulkan kepakaran keseluruhan pihak yang terlibat di dalam industri pembinaan seperti kontraktor-kontraktor serta para profesional dan bergerak di dalam satu pasukan dengan menawarkan pakej menyeluruh yang bersepadu kepada pasaran luar negara. Dengan konsep tersebut adalah diharapkan ianya memberikan impak yang positif serta dapat menjamin kredibiliti negara kita di kaca mata luar.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pontian juga menyentuh mengenai peranan PSDC dalam mengeksport perkhidmatan profesional ke luar negara dan menjalan kajian agar insentif diberikan supaya golongan profesional yang bekerja di seberang laut akan pulang semula ke Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup bolehkah kita sambung pada hari esok.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh ya. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.